

Bil. 27

**Isnin
18 Jun 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

■ Banjir di Kuala Lumpur

- *Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)* (Halaman 20 & 64)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 21)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar
(Pindaan dan Perluasan) 2007 (Halaman 21)

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 (Halaman 58)

USUL:

Penangguhan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 75)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Mutu Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Perubatan Di Malaysia

- *Y.B. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)* (Halaman 75)

Masalah Setinggalan Di Sabah

- *Y.B. Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran)* (Halaman 80)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO

17. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

31. Yang Berhormat Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Dato’ Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP

71. Yang Berhormat Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Dato’ Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Dato’ Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Dato’ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP

-
111. Yang Berhormat Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
 113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
 114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
 128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 18 Jun 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2007

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (i) Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006;
- (ii) Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006;
- (iii) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007;
- (iv) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006;
- (v) Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2006;
- (vi) Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006;
- (vii) Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006;
- (viii) Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006;
- (ix) Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006;
- (x) Rang Undang-undang Hak Milik Anak Negeri Labuan 2006;
- (xi) Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;
- (xii) Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;
- (xiii) Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;

- (xiv) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;
- (xv) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;
- (xvi) Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;
- (xvii) Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;
- (xviii) Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (xix) Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;
- (xx) Rang Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;
- (xxi) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007;
- (xxii) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.

Yang ikhlas,

t.t.

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan apakah kementerian berpuas hati dengan kejayaan pelaksanaan projek-projek berkenaan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah diluluskan sebanyak 536 projek bernilai RM20.12 bilion untuk dilaksanakan sepanjang lima tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat ini, sebanyak 103 projek telah disiapkan dan sebanyak 199 projek dalam peringkat pembinaan, 234 projek pula di peringkat perancangan dan akan dimulakan pembinaan selewat-lewatnya pada tahun 2008. Sehingga akhir April 2007, pihak kementerian telah membelanjakan sebanyak RM1.432 bilion atau 28.72% daripada RM4.987 bilion peruntukan yang diterima tahun ini.

Sehubungan itu, setakat ini pihak kementerian berpuas hati dengan prestasi pelaksanaan projek-projek di kementerian ini dan usaha-usaha akan terus dipertingkatkan untuk mencapai tahap yang lebih baik. Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan 5,904 projek yang bernilai RM43.960 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi pelbagai kementerian pelanggan.

Dari jumlah tersebut, sebanyak 222 projek telah dimulakan pada tahun 2006 manakala sebanyak 713 projek telah dan akan dimulakan pada tahun 2007 sebilangan besar projek iaitu sebanyak 4,853 akan dimulakan pada tahun 2008 dan bakinya 116 akan dimulakan pada tahun 2009 dan 2010. Jadual pelaksanaan dan juga senarai projek-projek tersebut adalah dipersetujui bersama di antara pihak Jabatan Kerja Raya dan kementerian pelanggan.

Untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan satu sistem kuasa pemantauan pelaksanaan yang bertujuan untuk membantu kementerian, pelanggan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi seperti tapak dan ringkasan projek.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tadi kita mendengar jawapan daripada Menteri, ada projek-projek yang telah dilaksanakan dan ada projek yang belum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Soalannya, apakah sebab utama yang menyebabkan projek berkenaan tidak dapat dilaksanakan di peringkat bawahan dan setelah kita mengujudkan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Projek, sejauh manakah keberkesanan jawatankuasa ini dari segi memantau ataupun memberi laporan balas kepada pihak-pihak kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan terbesar itu disediakan kepada Kementerian Kerja Raya tetapi bukanlah kita dapat semua peruntukan dengan sekali gus, ada juga peruntukan sampai ke kementerian kita berperingkat-peringkat. Mengikuti peruntukan yang kita terima daripada Kementerian Kewangan, mengikut pada peringkat itu sajalah kita memulakan kerja, yang pertamanya.

Yang kedua, saya telah minta Jabatan Kerja Raya untuk mengadakan lebih ramai pegawai untuk memantau projek-projek oleh kerana baru saja kita mendapati ada beberapa masalah, masalah terbesar tetapi apabila kita melihat apakah masalah, siling jatuh, ini jatuh, itu jatuh.

Jadi ini pun sudah diambil kira, tanggungjawab siapakah itu? Saya minta semua kontraktor kecil yang menjalankan kerja-kerja seperti siling, *air-condition* dan lain-lain di beri amaran dan juga dibatalkan kontrak dan juga lesen mereka dan mereka tidak boleh menjalankan perniagaan ini.

Jadi satu tindakan yang tegas mesti diambil oleh kementerian. Pada masa ini kita bagi mereka lebih masa untuk menyelesaikan projek-projek, tapi nampaknya apabila kita minta mereka menjalankan projek-projek seperti itu mereka juga melakukan beberapa kesalahan. Saya minta Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya memastikan mana-mana pihak yang menjalankan projek, tidak melakukan apa-apa kesalahan semasa pembinaan atau pelaksanaan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Projek yang terbesar di kawasan saya ialah Jalan Kalabakan 10, menelan belanja RM703 juta.

Projek ini telah pun dijalankan dan kita dapati bahawa kontraktor yang dilantik di beberapa peringkat memang gagal menyempurnakan projek ini seperti mana yang ditentukan. Kita dapati jawapan dalam Dewan ini, tahun 2008 sekurang-kurangnya projek ini siap tetapi nampaknya ini tergendala.

Persoalan saya, bila projek ini akan selesai? Kedua soalan saya, adakah Kementerian Federal (Persekutuan) iaitu JKR Persekutuan ada kuasa mengenai projek ini kerana kalau tidak ada kuasa ditinggalkan tanggungjawab ini kepada kerajaan negeri, tentu sekali ia bermasalah besar kerana banyak jalan raya di seluruh negeri Sabah, cerun-cerun sama ada projek Persekutuan atau projek negeri banyak masalah.

Jadi kita mahu tahu dari kementerian terutama sekali Yang Berhormat Menteri ada kuasakah atas projek-projek Federal yang dijalankan di Sabah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sarawak itu, walaupun ada juga..

Tuan Yang di-Pertua: Sabah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya, Sabah itu walaupun ada juga dalam Kementerian Kerja Raya tetapi kita minta Jabatan Kerja Raya di negeri untuk melaksana dan juga memantau projek itu. Nampaknya ada juga banyak masalah dalam pelaksanaan.

Oleh kerana itu, saya akan menghantar satu kertas kerja kepada Jemaah Menteri untuk mengambil kuasa pelaksanaan di dua-dua negeri oleh kita sendiri, di mana kita akan menetapkan satu pejabat di negeri Sarawak dan juga di negeri Sabah untuk melaksanakan projek sendiri, di mana ini boleh dijaga dengan lebih baik.

2. **Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimana kerajaan dapat memastikan kuasa membeli (*purchasing power*) kakitangan kerajaan dan rakyat jelata lain dapat dikekalkan atau dipertingkatkan berikutan pengumuman kenaikan gaji mereka dalam keadaan kecenderungan (trend) kenaikan harga barangan seperti tepung gandum dan lain-lain lagi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan Yang Berhormat Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang], Yang Berhormat Datuk Hashim Jahaya [Kuala Kedah], Yang Berhormat Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun], Yang Berhormat Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar], Yang Berhormat Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan], Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang], Yang Berhormat Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas], Yang Berhormat Dato' Firdaus bin Harun [Rembau], Yang Berhormat Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera], Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu], Yang Berhormat Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu], Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamed Shahrum bin Osman [Lipis], Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu], Yang Berhormat Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian], Yang Berhormat Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu], Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat] dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Said bin Yusop [Jasin], kerana ia menyentuh isu yang sama, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandang berat ke atas isu kenaikan harga barangan yang berlaku sejak pengumuman kenaikan gaji penjawat awam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Dalam mengawal perkara ini, kementerian telah mengambil langkah-langkah berterusan bagi memastikan kuasa membeli dengan izin *purchasing power* dan harga barangan sentiasa kekal di pasaran serta memastikan kadar inflasi negara terkawal iaitu di antara 2% hingga 2.5% sepanjang tahun 2007. Bagi tempoh Januari hingga April 2007 berbanding Januari hingga April 2006 kadar inflasi negara ialah 2.4% manakala indeks pengguna bagi bulan April 2007 adalah 1.5%.

Antara langkah-langkah yang telah di ambil oleh kementerian bagi memastikan harga barangan sentiasa terkawal, kementerian telah melipatgandakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit di seluruh negara meliputi kawasan bandar, luar bandar hingga kawasan pedalaman.

Tempat tumpuan orang ramai untuk berbelanja dan membeli belah seperti pasar-pasar awam, pasar tani serta restoran dan kedai makan diberi perhatian dan pemeriksaan lebih kerap di buat bagi memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan-barangan dengan sewenang-wenangnya.

Bagi usaha menjamin usaha membendung kenaikan harga barangan dapat dilaksanakan secara berterusan serta efektif, jentera penguat kuasa telah digerakkan secara bersepadu melalui 'Ops Gaji' dan cuti pegawai-pegawai penguatkuasaan kementerian telah dibekukan berkuat kuasa 21 Mei 2007 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 'Ops Gaji' dimulakan pada 21 Mei 2007 sebanyak 79,698 pemeriksaan terhadap premis yang saya sebutkan tadi telah dijalankan ia meliputi 66,015 pemeriksaan di bandar, 13,683 pemeriksaan di luar bandar.

Hasil daripada pemeriksaan ini jumlah 347 kes telah dihasilkan iaitu 242 kes di bawah Akta Kawalan Harga 1946, 32 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, 2 kes di bawah Akta Bekalan 1991 dan 69 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.

Jumlah nilai rampasan adalah sebanyak RM214,233.25 dan nilai kompaun berjumlah RM161,530 telah dikeluarkan.

Kementerian memberi jaminan akan mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang masih ingkar dan tidak mematuhi arahan kementerian dan peniaga yang

melakukan kesalahan yang melibatkan harga akan dinaikkan kompaun minimum dan dikenakan kompaun minimum RM1,000 bagi satu kesalahan. Setakat ini 108 kejadian telah dikesan dan di beri amaran supaya menurunkan harga dengan serta merta telah diberi dan peniaga akur dengan arahan tersebut.

'Ops Gaji' telah memberi kesan yang positif dalam memastikan perbuatan menaikkan harga tidak berpatutan dapat di bendung dan akan diteruskan sehingga akhir tahun ini. Kawalan harga sepanjang masa secara berkuat kuasa undang-undang juga akan terus dilaksanakan ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus.

Barangan tersebut telah diisytiharkan sebagai barang harga terkawal di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Tindakan sebegini dapat membendung spekulasi harga sekiranya berlaku kekurangan bekalan. Sementara itu, kawalan harga secara pentadbiran ke atas 10 jenis barangan kawalan iaitu petroleum, diesel, gas petroleum cecair, besi keluli, simen, tepung gandum, susu pekat manis, roti - *standard loaf* dengan izin, ayam dan minyak masak diteruskan dengan lebih giat lagi.

Kementerian juga telah membangunkan Sistem e-Harga bagi mengesan trend harga, pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga 255 barangan perlu dibuat di seluruh negara di 63 pusat kutipan setiap minggu. Melalui Sistem e-Harga, maklumat kutipan harga akan di kumpul dan di analisa bagi tujuan mengesan trend harga dan menjadi amaran awal dalam menangani kenaikan harga barang-barang yang dipantau. Melalui pemeriksaan mingguan ini, ia dapat membantu mencegah peniaga-peniaga yang cuba menaikkan harga sewenang-wenangnya. Kementerian juga telah menubuhkan pasukan petugas khas bagi menangani kenaikan harga barangan di peringkat kementerian, negeri dan daerah yang melibatkan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, pihak berkuasa tempatan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan, PDRM, FAMA, JPH, KDRM, Jabatan Imigresen, LKIM, LHDN dan SSN. Tindakan penguatkuasaan bersepadu ini dilakukan meliputi semua perkara mengenai dengan harga barangan, *charge* perkhidmatan dan juga kawalan oleh pihak kongsi gelap dan samseng.

Selain daripada itu penguat kuasa, kementerian juga telah mengadakan dengan pertemuan dengan pihak industri, persatuan peniaga, pengeluar, pemborong, pengimport, *hypermarket* termasuklah Persatuan Pengusaha Restoran India Muslim iaitu dengan menasihatkan mereka agar tidak menaikkan harga barangan-barangan yang mereka keluarkan ke pasaran. Kementerian juga mengadakan kempen jualan murah dengan menggalakkan kerjasama pengusaha *hypermarket* dan *supermarket* supaya mengadakan promosi potongan harga barangan dan jaminan harga murah berterusan. Kempen pemeriksaan untuk memperkasa pengguna dan mendidik peniaga, kempen perang sarap untuk menghebahkan dan menyampaikan maklumat bagi menjelaskan kenaikan harga barangan serta tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengekang kenaikan harga kepada masyarakat umum turut dilaksanakan. Publisiti yang meluas di media cetak dan elektronik bagi menyampaikan mesej kepada peniaga bahawa kementerian bertindak serius ke atas isu kenaikan harga barangan akan terus dipantau.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mengadakan program rakan pengguna yang bertujuan mendidik golongan pengguna supaya berbelanja secara bijak dan berhemah. Kementerian juga turut mendapat kerjasama erat dari pelbagai peringkat terutamanya NGO pengguna seperti FOMCA, PPIM, CAP, CUEPACS serta badan pengguna yang lain di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan satu jawapan yang begitu padat dan juga saya ingat Yang Berhormat Menteri ini sentiasalah memberikan perhatian dan juga keprihatinan kepada kepentingan pengguna. Tetapi ada satu perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu setiap kali ada krisis kenaikan barangan asas, maka salah satu daripada cara ialah memanggil pemborong ataupun *hypermarket* yang tertentu untuk menurunkan harga. Saya difahamkan bahawa penurunan harga ini memang bagus tetapi *hypermarket* seperti Giant, Tesco ataupun Carrefour ini, mereka turun harga tetapi bukan kepada barangan-barangan *essential* ataupun barangan asas seperti gula, gandum, tepung dan seterusnya. Ini tidak akan memberikan kesan yang... Mereka hanya turunkan harga kepada barangan-barangan

yang tidak *essential*, ini bermakna tidak begitu berkesan untuk menukarkan kuasa membeli kepada pengguna itu. Ini satu yang saya hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua ialah oleh kerana harga minyak petrol dan diesel ini adalah satu perkara yang penting yang juga mempengaruhi kadar inflasi negara, adakah Kementerian bercadang untuk menurunkan harga minyak petrol dan diesel ini kerana mengikut trend dunia sekarang ini, harganya semakin hari semakin menurun kebelakangan ini. So, apakah pendapat atau komen daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat daripada Puchong yang membangkitkan beberapa persoalan. Pertama, berhubung kait dengan *hypermarket* yang telah dibangkitkan tadi iaitu kempen penurunan harga barangan yang kita telah sediakan untuk memastikan supaya masyarakat pengguna negara kita mempunyai pilihan khususnya di dalam bandar supaya mereka mendapat pilihan di mana barangan-barangan daripada 1,500 sehingga daripada 2,300 jenis barangan. Barangan ini sebenarnya bukan hanya barangan-barangan yang digunakan seperti *textile* dengan izin, *electrical goods* tetapi juga barangan-barangan yang diperlukan seharian.

Ia *for daily use*, dengan izin - barangan-barangan seperti bawang. Bawang dan barangan-barangan lain sebenarnya dikawal oleh kerajaan seperti gula dan susu pekat. Itu sudah ditentukan harganya oleh kerajaan, tapi bagi barang-barangan yang lain contohnya di mana boleh menawarkan pulangan yang baik kepada masyarakat pengguna contohnya macam tomato. Tomato kalau di *hypermarket* kita boleh dapat dalam 1 kilogram RM2.15. Jauh lebih murah daripada yang kita dapati di pasar-pasar basah. Kadang-kadang di pasar basah kita boleh dapat RM4.50, RM3.90 untuk 1 kilogram, tapi bila kita dapati di *hypermarket* boleh diperolehi sebanyak RM2.15. Begitu juga dengan udang dan makanan-makanan seperti sayuran-sayuran yang lain. Kubis bulat, sekali saya pergi buat lawatan dekat Tawau, saya dapati beberapa barangan yang diperlukan satu ikat begitu murah iaitu RM1.00 sahaja. Kita dapati cukup murah.

Kita menggunakan kaedah *hypermarket* ini berupaya mereka melakukan oleh kerana mereka membeli secara besar dengan *bulk, purchasing in bulk*. Dengan membeli secara yang besar, maka dapat harga yang cukup berpatutan. Selepas itu, mereka boleh pulangkan dengan menurunkan harga dengan 30%, 25%. Setiap daripada *hypermarket* yang saya dimaklumkan bila saya buat kempen ini, berbelanja dalam jangka masa sehingga penghujung tahun dalam lingkungan RM10 juta untuk menampung penurunan harga. Ini satu manfaat kepada masyarakat pengguna.

Bagi masyarakat di luar bandar pula, ada beberapa konsep yang kita gunakan iaitu *wholesale trading*, dengan izin yang digunakan oleh *hypermarket*, Tesco, Extra, dan juga Mydin *Hypermarket*. Di sini peruncit-peruncit yang datangnya daripada luar bandar boleh memperoleh dan mendapat bekalan mereka dengan jauh lebih murah daripada tempat-tempat lain untuk akhirnya mereka boleh pasarkan ke peringkat luar bandar. Ini boleh didapati seperti di Mydin contohnya yang ada di Terengganu, *Hypermarket* Mydin yang ada di tempat-tempat luar bandar yang jauh, di pekan pun ada saya ingat di kawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya menyatakan bukan hanya barangan dijual di *hypermarket* ini cuma dikhususkan kepada barangan-barangan yang tidak digunakan keperluan seharian. Sebenarnya luas, 2,300 jenis barangan termasuk makanan, termasuk keperluan seharian seperti susu dan lain-lain.

Persoalan yang kedua berhubung kait dengan harga minyak. Kita tahu harga minyak pada hari ini tidak menentu keadaannya dan kita tahu kesannya amat berat sekali kepada ekonomi sesebuah negara. Tetapi sebenarnya kalau kita lihat daripada apa yang diterangkan di Bloomberg dan CNN, saya ingat malam semalam harga minyak pun telah naik hampir USD72 satu tong. Ia tidak turun tetapi ia meningkat. Malahan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan cukup banyak dan saya hendak beri jaminan bahawa kerajaan tidak akan menaikkan harga minyak di paras yang sedia ada ini. Kita akan kekalkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dengar jawapan menteri

memberi yang memberi berbagai-bagai *option* tentang masalah kawalan harga, *option* kepada pengguna. Tetapi *basic* isunya pada saya di sini ialah bukan soal pilihan pada pengguna. Yang jadi masalah barang naik sebenarnya ialah kerana sorok. Minyak hendak naik, minyak tiada di pasaran. Akhirnya terpaksa dinaikkan. Gula tidak naik harga, gula tiada di pasaran. Gandum hendak naik harga, gandum tiada di pasaran. Itulah yang berlaku dan siapa pun yang akan menjadi menteri akan menjawab soalan yang sama. Tapi saya hendak lihat daripada sudut yang berbeza, Tuan Yang di-Pertua.

Dewan yang mulia ini adalah Dewan penggubal undang-undang. Apakah undang-undang kita ini mencukupi *to deter* atau untuk mengehadkan atau mengajar pihak penyorok ini, adakah ia mencukupi? Saya rasa denda yang tinggi sudah tidak mencukupi kepada mereka sebab mereka dapat untung yang berlipat-ganda hasil daripada sorokan. Maka saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri hari ini adakah bersetuju kalau saya katakan kita pinda semula undang-undang anti-sorok jual beli ini kita tambah *deterrent*nya kepada penjual, penyorok dan peniaga ini dengan mengenakan hukuman sebat atau rotan atau *jail* mandatori kepada mereka sekiranya mereka didapati bersalah menyembunyikan barang-barang keperluan kerana ia memberikan imej yang buruk kepada negara dan memberi masalah yang besar kepada kerajaan dan kepada rakyat. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat daripada Ketereh. Saya tidak nafikan bahawa langkah tindakan menyorok barangan ini penyumbang kepada ketidakadaan barangan tersebut di pasaran - kadang-kadang. Tapi bukanlah jumlah yang besar. Kemungkinan dalam lingkungan kalau satu-satu produk 5%, 10% tapi dia tidak menyebabkan tentang unsur-unsur yang menaikkan harga barangan. Di Dewan yang mulia ini saya nak sebut sedikit tentang kejadian ini yang merupakan satu fenomena di peringkat antarabangsa yang buat laporan. Contoh ini di negara jiran kita, *prices of everything* dengan izin, "*including daily necessities arising and the people practically the middle class and the low income group are feeling it the most. The price increases look unstoppable and the government is either unable or unwilling to take action to deal with it*".

Dan ini berlaku di negara jiran kita yang tak jauh di selatan sana. Mereka juga berhadapan dan fenomena ini *they only watch* yang dikatakan, *inflation is not only a Singaporean phenomena, it is also threatening stronger economies like the US and China which are considering highest interest rate to dampen it*, dengan izin. Keadaan ini sudah pun berlaku bukan hanya di negara kita, di banyak negara di dunia, oleh kerana kenaikan harga satu produk seperti minyak yang kita katakan. Tapi sorok itu bukanlah salah satu penyebab. Mungkin kalau perlu untuk kita menggubal untuk mempertingkatkan denda, saya juga setuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh untuk menidakkan supaya langkah-langkah sorok ini juga dapat dihalangkan, oleh kerana kadang-kadang kita dapati ada juga setengah-setengah barangan yang disorok tapi tidaklah menyebabkan sehingga kenaikan harga barangan yang begitu meluas kesan dia.

3. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] minta Perdana Menteri menyatakan apa yang telah dilakukan untuk memperbaiki reputasi antarabangsa Malaysia sebagai sebuah negara model pelbagai agama berikutan pembatalan minit terakhir Persidangan Bina Jambatan Antara Agama Islam-Kristian pada awal bulan Mei.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan dari Puan Teresa Kok [Seputeh] iaitu soalan 51 pada hari ini kerana perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, imej dan reputasi antarabangsa Malaysia tidak terjejas dan tidak perlu diperbaiki berikutan pembatalan minit terakhir Persidangan Bina Jambatan Antara Agama Islam dan Kristian pada awal bulan Mei baru-baru ini. Imej dan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara model pelbagai agama telah terbina dari dahulu lagi. Negara kita diakui oleh masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang aman, stabil dan makmur walaupun penduduknya berlainan bangsa dan agama. Malah kemakmuran ini terhasil

dari dasar-dasar kerajaan yang sentiasa peka untuk menjadikan kepelbagaian kita sebagai satu kekuatan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan Malaysia dan juga Pengerusi OIC telah dan akan terus menjalankan pelbagai usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh, terutamanya dalam konteks pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering berkongsi pengalaman kerajaan dalam membangunkan negara dalam siri lawatannya ke luar negara, terutamanya mengenai konsep perkongsian kuasa yang membabitkan semua kaum dan lain-lain pendekatan yang telah berjaya menghasilkan keharmonian dan toleransi antara kaum yang tinggi di Malaysia. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Persidangan Bina Jambatan Antara Agama Islam-Kristian sebenarnya bukan dibatalkan, tetapi ditangguhkan memandangkan beliau sendiri tidak dapat hadir ke persidangan itu pada tarikh yang ditetapkan.

Kerajaan percaya penangguhan ini tidak menjatuhkan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara model pelbagai kaum memandangkan masyarakat antarabangsa sememangnya mengenali komitmen dan keikhlasan negara dalam hal-hal seperti persefahaman antara kaum dan agama. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilihat sebagai pemimpin dunia yang aktif memainkan peranan untuk merapatkan jurang persefahaman antara dunia Islam dan Barat. Oleh itu kerajaan berpendapat adalah tidak perlu untuk mengambil sebarang langkah menaikkan reputasi Malaysia dalam hal ini, kerana isu penangguhan ini sengaja diperbesarkan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya tak tahu kenapa Yang Berhormat Menteri boleh kata bahawa perkara ini tidak menjejaskan nama baik negara, oleh kerana laporan mengenai pembatalan *conference* ini dibuat seluruh dunia. Bukan oleh kerana positif tetapi oleh kerana *plus* menunjukkan negara kita bertoleransi dalam perkara ini. Bukankah bahawa sebab-sebab yang ada digunakan untuk *postpone* persidangan ini tidak meyakinkan dan yang menunjukkan sebenarnya lagi satu contoh, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menyerukan di forum-forum antarabangsa bahawa ada forum-forum dialog antara agama, antara tamadun tetapi tidak dilaksanakan di negara kita.

Bukankah sangat segera dan mendesak bahawa Jabatan Perdana Menteri mengadakan dialog-dialog antara agama khususnya kes Lina Joy yang baru-baru ini yang ada menimbulkan syak wasangka, sama ada oleh kerana ada implikasi yang sangat jauh khususnya mengenai tujuh daripada sembilan Hak-hak Asasi yang termaktub dalam Perlembagaan khususnya Artikel 3 dan Artikel 4 mengenai apa yang *Supreme Law* di negara kita sama ada *social contract*, bahawa negara Malaysia ialah sebuah negara sekular, sungguhpun Islam sebagai agama rasmi dan bukan Islamistik sudah tergoncang dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam 3-4 tahun ini *religious* polarisasi agama makin serius. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita perlu dialog antara agama di negara kita? Bukan sahaja kita serukan di forum-forum antarabangsa, tetapi dilaksanakan atau adakah Islam Hadhari bererti mahu *inter-religious* dan *inter-civilization* dialog di dunia, tetapi tidak dilaksanakan dalam negara kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja balik dari Geneva, France dan juga London. Tak ada siapa tanya pun pasal kes ini.

[*Dewan riuh seketika*]

Saya berjumpa dengan Ahli Parlimen, jumpa dengan Ahli Parlimen Chech, Swiss dan juga dengan MP di sana, tak ada siapa tanya pun. Jadi saya dah kata iaitu bahawa apa guna kita ada Persidangan Antara Agama Islam-Kristian ini kalau sekiranya Perdana Menteri sendiri tidak dapat hadir. Dia nak hadir, menunjukkan komitmen dia terhadap perkara ini. Jadi adalah lebih baik ditunda kepada satu tarikh yang lain dan supaya Perdana Menteri sendiri boleh hadir. Itu yang penting. Jadi, saya rasa....dan dia bangkit tentang perkara Lina Joy ini juga tidak merupakan perkara yang dibincang ataupun ditanyakan kepada saya waktu saya berada di luar negara. Mereka faham tentang masalah yang telah diputuskan oleh mahkamah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh mana-mana pihak yang ingin mengadakan dialog antara tamadun ataupun dialog antara agama ini. Memang ini sikap yang sentiasa ditunjukkan oleh Islam dan juga mana-mana agama khususnya agama-agama Samawi ini Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, adakah pihak Jabatan Perdana Menteri sedar atau tidak, saya mengambil contoh tentang beberapa insiden yang berlaku di negara-negara Timur Tengah Tuan Yang di-Pertua, kerana ada pihak-pihak yang cuba untuk mengambil kesempatan daripada sikap keterbukaan Islam ini untuk mereka menonjolkan elemen-elemen yang tidak baik terhadap Islam itu sendiri. Jadi adakah dengan berlakunya kes-kes yang berlaku dalam negara kita ini, adakah pihak kerajaan sedar atau tidak, ada kuasa besar ataupun kuasa asing yang cuba untuk menyemaikan benih-benih yang tidak baik ini terhadap perpaduan kaum dalam negara kita, sebagai contoh saya melihat munculnya isu-isu yang semakin tajam di antara Islam, Kristian dan juga agama-agama yang lain. Jadi adakah ini dalam pemantauan yang dibuat secara serius oleh pihak kementerian, oleh jabatan-jabatan ini supaya tidak berlaku dalam negara kita ini berlakunya tragedi-tragedi yang tidak kita ingini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memantau dan peka berkenaan dengan soal antara agama di dalam negara kita ini. Jadi sebab itu, semenjak berlakunya pergaduhan kaum pada tahun 1969 sehingga pada hari ini, kita memastikan supaya perkara seperti itu tidak berulang lagi. Jadi sebab itu kalau Yang Berhormat tanya sama ada kita sedar, memang kita sedar. Kita tahu iaitu bahawa Barat sentiasa cari jalan bagaimana untuk hendak mempertikaikan tentang kepimpinan Barisan Nasional sebagai sebuah parti yang majoriti pemimpinya beragama Islam memimpin sebuah negara yang berbilang kaum dengan begitu baik sekali. Jadi sudah tentunya tidak merupakan contoh yang mereka mahu oleh negara Barat dan mereka sentiasa akan buat pelbagai perkara untuk dijadikan sebagai provokasi. Paling terakhir sekali memberikan Knighthood kepada Salman Rusdhi.

Kita tahu siapa dia. Tetapi itulah perkara-perkara yang dilakukan oleh barat untuk memprovokasi negara-negara Islam. Jadi kita sentiasa memantau perkara ini dan kita tidak akan jatuh ke dalam perangkap yang dibuka oleh mereka, insya-Allah.

4. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah jenis pengiktirafan diberi kepada Raja Muda Johor yang mencipta sejarah menjadi warganegara asing pertama mengetuai perarakan Hari Republik India pada Januari 2007 selain daripada menjadi *superstar* dalam sukan polo yang dianugerahi '*most valuable polo player*' di India. Apakah kriteria pengiktirafan seseorang tokoh yang boleh menjadi *role model* kepada golongan muda yang lain.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menyanjung tinggi dan berbangga dengan pencapaian Raja Muda Johor yang mengetuai perarakan Hari Republik India selain menjadi *superstar* dalam sukan polo dan dianugerahkan '*most valuable player*' di India. Komitmen Baginda yang sedemikian juga menunjukkan bahawa Baginda seorang pemimpin muda yang berjiwa rakyat dan seharusnya dijadikan contoh kepada seluruh generasi muda di negara ini tanpa mengira pangkat dan darjat.

Perlaksanaan Anugerah Belia Negara yang diperkenalkan pada tahun 1988, merupakan satu bentuk pengiktirafan oleh kerajaan kepada individu atau organisasi yang telah menunjukkan jasa dan sumbangan yang cemerlang kepada pembangunan belia.

Walau bagaimanapun, terdapat kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi oleh seseorang individu itu untuk menerima Anugerah Tokoh Belia. Antaranya sumbangan dan penglibatan dalam melaksanakan program dan bantuan kepada aktiviti-aktiviti Persatuan Belia, taraf usaha, tugas atau perjuangan kepada masyarakat sama ada dari segi manfaat, imej dan penyelesaian masalah. Hasil pencapaian serta pengiktirafan dan juga kualiti diri individu tersebut, khususnya dari segi kegigihan semangat, perhubungan dan pencapaian sahsiah diri.

Dalam erti kata lain, seseorang tokoh itu akan dinilai dari aspek sumbangan yang berkesan dalam kerja-kerja pembangunan belia dan sukan melalui sumbangan, pemikiran dan perkhidmatan yang cemerlang. Bagi semua pencalonan anugerah belia, sumbangan yang diambil kira adalah bagi tahun sebelumnya iaitu Anugerah Belia Negara 2007 akan mengambil kira sumbangan daripada tahun 2006 dan seterusnya. Sekian terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat. Nampaknya, saya rasa kerajaan sepatutnya mengadakan satu kriteria yang tetap untuk memberi anugerah kepada remaja ataupun belia yang menunjukkan kecemerlangan.

Saya mengambil contoh ini adalah kerana saya pada awal bulan April lalu, menonton Majalah Tiga iaitu sebuah dokumentari selama satu jam itu telah menunjukkan kesungguhan seorang anak putera yang pada masa itu 108 kilogram boleh melalui satu latihan menjadi 70 kilogram. Ini satu perkara yang tidak mudah dilakukan kerana disiplin dan berdikari, latihan yang dibuat di *Indian Military Academy*.

Selain itu, menjadi seorang *player* dalam tempoh tiga tahun dan menjadi seorang *player* yang termasyhur. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, memandangkan anugerah itu akan memberikan pengiktirafan kepada orang pada tahun sebelum ini, apakah bentuk pengiktirafan yang akan diberikan kepada insan ini yang hanya berusia 22 tahun? Adakah bentuk anugerah yang berlainan yang boleh diberikan kepada Baginda dan juga menjadi satu *role model* kepada generasi muda. Saya rasa itu adalah patut dijalankan kerana menjadi satu teladan yang baik kepada orang muda. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang dapat memberi penjelasan dan juga penerangan yang lebih lanjut berhubung dengan putera dari Johor. Saya hendak jelaskan di sini bahawa setiap pencalonan akan dinilai oleh panel penilaian berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah saya jelaskan tadi dan ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Memang Kementerian Belia dan Sukan juga amat menyanjung tinggi belia yang di bawah umur 25 tahun ini, terutama sekali semenjak tahun 2004 lagi kita telah memperkenalkan satu lagi anugerah iaitu Anugerah Belia Remaja yang kita dapat pastikan bahawa belia-belia di bawah umur 25 tahun ini perlu diberi penghargaan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mereka dan dengan ini, kita berharap dapat meningkatkan penyertaan lebih ramai lagi remaja dan belia dalam kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahululah, ini pun satu *role model* hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana menjadi Speaker pertama mendaki Gunung Ledang, tahniah. Ini pun *role model*.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Gunung Tahan!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Gunung Tahan. Minta maaf, Gunung Tahan. Tahniah kepada Yang Berhormat. Dalam usia yang mungkin tiada orang lain boleh buat. Dalam usia 66 tahun, mana ada Speaker yang boleh menaiki Gunung Tahan. Insya-Allah akan tahan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan bagi tahu umur.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Umur tidak boleh rahsia. Soalan saya Yang Berhormat, kita akui ramai rakyat Malaysia ini yang melakukan perkara-perkara yang luar biasa. Bahkan semakin hari semakin ramai. Kalau saya hendak sebutkan di sini daripada 25 juta rakyat Malaysia ini, bukan ramai dua tiga orang saja. Saya haraplah Kementerian Belia dan Sukan, jangan asyik sukan teras, sukan teras sebab benda ini sesuatu yang luar biasa. Saya sudah sebut tadi Yang Berhormat *Speaker* mungkin ada satu anugerah khas yang boleh diberikan selain daripada Raja Muda Johor. Tahniah. Ini yang berenang dalam air sejuk ini, selat Inggeris, bernama Abdul Malik Maidin. Sampai sekarang kita tidak dengar apa anugerah yang diberikan. Lepas itu, putera kita terjun di kutub utara.

Ini bukan sesuatu yang boleh semua orang lakukan Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada pemuda, kepada putera, 12 orang. Apa Kementerian Belia dan Sukan buat? Jadi saya hendak cadangkan berilah anugerah sesuatu yang benda ini boleh menarik. Mereka melakukan sesuatu yang positif. Kalau kita bercakap pasal mat rempit, mat rempit. Begitu juga dengan wanita. Wanita pun kita angkat juga martabat mereka seperti Syarifah, apa nama? Maznah ke? Mazlinah. Melakukan penerjunan solo kutub utara. Ini semua mendatangkan satu insentif kebaikan kepada negara kita. Jangan kita asyik kita tengok negara-negara lain pula. Apa kurangnya yang mendaki gunung, Gunung Everest baru-baru ini. Wanita pun ada termasuk, apa nama seorang atlet muda. Jadi kita mestilah lihat pencapaian ini sebagai satu perkara yang bukan saja orang lain boleh buat, kita pun boleh melakukan. Jadi, apakah langkah Kementerian Belia dan Sukan untuk menyediakan satu ganjaran yang besar ataupun hendak dilihat balik. Segala penganugerahan yang dilakukan pada hari ini belum cukup mendatangkan pencapaian yang terbaik. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak mengucapkan tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dapat mendaki Gunung Tahan, gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia ini. [*Tepuk*] Tahniah. Kita memang mengambil kira dan mengucapkan syabas kepada hero-hero negara yang telah dapat membuat kecemerlangan dan pencapaian luar biasa dalam pelbagai bidang. Oleh itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Belia dan Sukan telah pun meningkatkan bilangan anugerah. Kalau pada suatu ketika dahulu hanya satu anugerah, tetapi pada hari ini kita telah pun meningkatkan bilangan anugerah.

Kategori penganugerahan tersebut telah ditambah dan diperluaskan kepada sepuluh kategori dan empat kategori khas. Ini semua adalah mengambil kira dan juga akan terus meningkatkan semangat dan penghargaan kepada pejuang-pejuang belia negara kita. Kita berharap dengan adanya sokongan daripada masyarakat umum serta sektor swasta terhadap kerja-kerja pembangunan belia, kita akan terus meningkatkan kecemerlangan belia dalam negara kita. Sekian terima kasih.

5. Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tujuan sebenarnya kerajaan menubuhkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company* (GLC)).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya syarikat-syarikat GLC telah ditubuhkan sama ada hasil daripada Dasar Penswastaan yang dilancarkan pada awal tahun 80-an atau pun melalui pengambilalihan ekuiti syarikat-syarikat yang tersenarai terutamanya di Bursa Malaysia di samping bursa-bursa di luar negara. Tujuan penubuhan syarikat-syarikat GLC adalah bagi memenuhi objektif-objektif tertentu:

- (i) mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan;
- (ii) meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan yang disediakan kepada awam;
- (iii) memastikan negara mencapai pembangunan seimbang, pertumbuhan ekonomi mampan serta memperkembangkan teknologi baru melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan bagi melaksanakan tanggungjawab sosial.

Di bawah program transformasi GLC yang dilancarkan pada bulan Mei 2004, objektif dan hala tuju GLC diperkemas lagi untuk memenuhi tiga prinsip asas termasuk dasar pembangunan negara yang meliputi penubuhan sama rata, peningkatan produktiviti, pembangunan sumber manusia dan pembangunan masyarakat bumiputera. Dua lagi prinsip ialah fokus kepada prestasi bagi meningkatkan nilai ekonomi dan pemegang saham termasuk kerajaan dan mengamalkan tadbir urus yang terbaik, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, kenapakah

sejak akhir-akhir ini, syarikat GLC ini begitu bersaing untuk mendapatkan projek-projek besar dan kecil kerana kami selaku wakil rakyat ditanya oleh masyarakat, projek yang besar dia ambil, projek yang kecil pun dia ambil, dia kata. Kerajaan seolah-olah memberi kepada mereka ini dan mereka bertanya lagi, setelah mendapat projek-projek ini, setiap tahun prestasi kewangan mereka masih lagi boleh dipersoalkan. Jadi, saya mintalah daripada kementerian membuat sedikit ulasan supaya perkara ini dapat diketahui oleh mereka yang bertanya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya syarikat-syarikat GLC tidak diberi keutamaan istimewa untuk mendapatkan projek-projek kerajaan dan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, membuka tender dan bolehlah dimasuki oleh semua pihak termasuk pihak-pihak syarikat individu ataupun syarikat GLC. Mana yang menang tender itu, dapatlah. Jadi tidak ada keistimewaan seperti yang disebut itu. Maknanya semua diberi peluang sama rata untuk melibatkan diri dalam projek-projek kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ada sedikit, saya hendak respons soalan asal Yang Berhormat kita daripada Sekijang ini. Kita lihat GLC di sini peringkat *Federal* (Persekutuan), syarikat-syarikat besar. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa GLC di peringkat-peringkat negeri, banyak GLC yang menghadapi masalah? Yang saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua, pengurusannya baik, ada kelulusan, modal yang cukup, kemudahan *all right*. Kadang-kadang kerajaan hendak menolong, kita bagi dia projek dan sebagainya, tetapi *bottom line* dia, *out*. ROI dia, *out*. Jadi, saya bersetuju pandangan Yang Berhormat daripada Sekijang, persaingan ini. Saya difahamkan, syarikat-syarikat milik kerajaan ini ditubuhkan kerana saya biasa duduk di dalam Dewan Perniagaan Melayu Malaysia sebagai Ahli Jawatankuasa bersama dengan Yang Berhormat bagi Dungun dulu. Kita minta syarikat kerajaan ini memayungi syarikat-syarikat yang kecil ini. Bukan payung syarikat itu, tetapi memayungi.

Jadi, apakah benar semua syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan atau syarikat *Government-Linked Company* ini mendatangkan keuntungan dan benar-benar mencapai matlamat penubuhannya. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang syarikat itu diswastakan dan akhirnya yang menswastakan itu rugi, diserahkan balik kepada kerajaan? Jadi, boleh tak Yang Berhormat tolong perelaskan sedikit yang kurang jelas ini supaya masyarakat di bawah diperjelaskan keadaan yang sebenarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah syarikat-syarikat GLC, ada yang untung, ada yang rugi dan kebanyakannya juga disenaraikan di dalam bursa. Jikalau dilihat dari segi prestasi untuk syarikat-syarikat GLC, memang sebenarnya pendapatan mereka adalah lebih daripada pendapatan KLCI. Bagaimanapun dari segi peratusan peningkatan keuntungan lebih 2.7% lebih tinggi daripada keuntungan yang diperoleh oleh KLCI. Ini yang saya sebut tentang syarikat-syarikat kerajaan.

Kalau kita lihat keuntungan daripada 10 syarikat yang terbesar di bawah GLC ini, keuntungan amat baik. Kalau contohnya tahun 2006, keuntungan purata untuk 10 syarikat yang utama GLC ini, RM3.372 bilion keuntungan. Ini 10 syarikat yang teratas. Memanglah ada yang rugi, jadi terpulanglah kepada pentadbiran masing-masing. Yang disebut tadi tentang GLC-GLC peringkat negeri, yang ini saya tidak boleh hendak jawab. Tetapi puratanya, kebanyakan mereka ini di bawah SCDC masing-masing dan kecekapan masing-masing Tuan Yang di-Pertua, maka berlakulah kerugian dan sebagainya. Ini tidak dapat kita elakkan. Jadi, memang GLC telah membantu kerajaan dalam hal untuk meningkatkan ekonomi rakyat, termasuk juga peluang untuk bumiputera berniaga. Jadi ini salah satu daripada teras penubuhan mereka. Jadi mereka telah menjalankan tugas itu dan nampaknya ada kejayaannya dan ada kelemahan. Ini sentiasa diperbaiki, Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor] minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC dalam membantu membangunkan negara-negara miskin. Jika ada, senaraikan projek yang dilaksanakan, jumlah peruntukan dan negara yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor atas soalan yang dikemukakan. Malaysia sedar bahawa kelemahan ekonomi di kalangan sebahagian negara anggota OIC, iaitu 24 daripada 57 negara anggota OIC adalah terdiri dari negara-negara mundur. Ia adalah antara penyumbang utama kepada pelbagai krisis dan masalah di negara-negara berkenaan. Berteraskan kesedaran ini, Program Pembinaan Keupayaan (*capacity building*) dengan izin, yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2005 adalah untuk membantu negara-negara OIC yang layak dan berminat ke arah mencapai matlamat tersebut. Program ini melibatkan kerjasama tiga hala iaitu di antara Malaysia, Bank Pembangunan Islam (IDB) dan negara-negara berkecukupan dan berminat yang telah dikenal pasti. Antara projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Projek Pembangunan Industri Kelapa Sawit di Sierra Leone yang disokong dan dipantau oleh FELDA dari segi teknikal;
- (ii) Projek Pembangunan Perikanan di Bangladesh yang melibatkan bantuan teknikal daripada Jabatan Perikanan Malaysia; dan
- (iii) Projek Pengurusan Sumber Asli seperti minyak dan gas asli di Mauritania yang turut diselua oleh Petronas.

Kos bagi membiayai projek-projek yang dilaksanakan di negara tersebut secara bersama adalah berjumlah USD24 juta yang telah diluluskan oleh IDB. Pada Mac 2006, Kerajaan Malaysia juga telah meluluskan berjumlah RM12.1 juta bagi menyediakan khidmat nasihat, latihan serta kepakaran untuk menjayakan projek yang disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek-projek dan bantuan seperti yang disebutkan di atas, Malaysia juga turut memberi bantuan dan sumbangan kepada pembangunan negara-negara membangun dan miskin melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) iaitu menerusi penganjuran pelbagai bentuk latihan, pembangunan modal insan, kerjasama dan melaksanakan projek tertentu dan khidmat nasihat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Malaysia di atas sumbangannya. Soalan tambahan, adakah Malaysia ingin mencadangkan kepada OIC untuk membentuk pakatan ekonomi di kalangan negara maju yang kaya dan menyediakan dana kewangan khusus untuk membantu membangunkan negara-negara miskin yang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Malaysia sentiasa berusaha ke arah untuk membentuk kerjasama ekonomi supaya OIC dan kerjasama di kalangan negara Islam ini tidaklah berasaskan kepada kepentingan politik semata-mata. Kita sedar bahawa perdagangan di kalangan negara-negara OIC adalah sebanyak USD800 bilion. Begitu besar sekali. Ini bermakna, potensi dari segi ekonomi di kalangan negara-negara OIC adalah begitu besar.

Setakat ini ada beberapa usaha yang dibuat termasuk kita telah mengadakan apa yang disebutkan dengan izin *protocol on the preferential tariff scheme* iaitu skim protokol bagi skim keutamaan tarif di kalangan negara OIC. Sehingga sekarang ada 10 negara yang telah menandatangani, telah *rectify* protokol ini cuma buat masa ini dari segi pelaksanaannya hanya antara Malaysia dengan Jordan. Jadi kita mengharapkan bahawa ini adalah merupakan asas ke arah kerjasama yang lebih besar dalam mengukuhkan kerjasama ekonomi di kalangan negara OIC. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa bangga sebagai rakyat Malaysia dan saya rasa bangga kerana kita sentiasa menerajui OIC dengan berkesan. Baru-baru ini saya difahamkan kita menderma RM76 juta kepada tabung membantu negara-negara miskin OIC, kita tidak melawan Arab Saudilah, Arab Saudi menderma 3.5 bilion. Walau bagaimana sumbangan kita bukan kecil ertinya. Hebat Malaysia sebagai OIC tetapi

bagaimana peranan yang agak benar-benar berkesan. Apa agaknya peranan yang benar-benar berkesan dalam hendak menyelesaikan persengketaan Fatah dan Al-Hamas ini.

Ini kalau dibiarkan Fatah dan Hamas ini berbunuh-bunuhan matlamat hendak mewujudkan negara Palestin yang dicengkam oleh Israel tidak akan tercapai. Liga Arab pun nampaknya tidak mampu, kemudian perjanjian Makkah itu. Perjanjian Makkah di depan Kaabah Makkahatul Mukarramah negara yang paling suci, Arab di negara Arab yang paling suci negara Islam yang paling suci pun boleh berkecai. Ini apa sebenarnya dan apa ubat yang paling mujarab agaknya hendak ...

Seorang Ahli: Dimainkan oleh OIC.

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik, ya cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Allahuakbar, Allah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya lain sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang lain tetapi ada kaitan OIC, orang-orang mengharap sangat kita Tuan Yang di-Pertua. Kalau Arab dengan Arab pun tidak boleh damai tidak tahulah kalau boleh Melayu mendamaikan Arab, Melayu Arablah, Menteri Luar kita pun Arab. Arab ini hendak kena betulkan jugalah Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah kalau Kemaman boleh beri jawapan yang tengoklah orang Melayu Kemaman agaknya.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah Kemaman jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini mengenai kemiskinan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan itu agak sedikit lari tetapi itulah merupakan satu pernyataan tentang kekecewaan seorang daripada Ahli Parlimen yang saya rasakan adalah merupakan sentimen yang sama dikongsi di kalangan ramai anggota Parlimen kita tentang apa yang berlaku di Timur Tengah khususnya di Palestin terutama sekali dengan pergolakan yang berlaku antara Hamas dan Fatah yang sehingga sekarang kita sendiri tidak tahu apakah jawapan untuk menyelesaikan.

Sebagaimana yang telah kita cuba buat misalnya melalui OIC kita mengadakan pelbagai persidangan dan perjumpaan, kita bersyukur ada satu peringkat dahulu antara Hamas dan Fatah tidak boleh duduk semeja tetapi pernah duduk semeja. Malaysia pernah menganjurkan sidang NAM 'Corp' yang memanggil negara anggota-anggota berkecuali di Kuala Lumpur di mana kita mengizinkan kedua-dua pihak datang walaupun di dalam negara kita ada pihak yang tidak setuju kedua-dua negara yang datang tetapi Malaysia mengambil kesempatan untuk menyatakan contohilah Malaysia di mana kita pelbagai kaum pelbagai agama boleh duduk bersama, kenapa tidak sebuah negara yang sama-sama Islam, sama-sama Arab, sama-sama berhadapan dengan musuh yang sama tidak dapat bekerjasama, ini contoh yang telah Malaysia tunjukkan.

Saya setuju bahawa perjanjian di Makkah sepatutnya menjadi asas untuk mereka tidak terus berbalah lagi. Tetapi walau bagaimanapun kita percaya bahawa Malaysia tidak pernah jemu dan letih dari segi untuk melihat bahawa keamanan yang berkekalan akan dicapai di Palestin, kita berdoalah semoga selain daripada usaha yang kita buat semoga Tuhan membuka hati mereka untuk mencontohi seperti yang dibuat oleh Malaysia supaya kita semua akan dapat melihat satu kedamaian yang berkekalan di sana. Terima kasih.

7. Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha atau perubahan terbaru yang akan dilakukan oleh kementerian untuk menaik taraf Institut Pendidikan Guru di negara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan keputusan Jemaah Menteri pada 3 Julai 2005, kerajaan telah

menaik taraf maktab perguruan kepada institut pendidikan guru ataupun IPG. Pengiktirafan ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti latihan perguruan bersesuaian dengan agenda dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ataupun PIPP iaitu memartabatkan profesion perguruan dan seterusnya melahirkan pendidik berkualiti bertaraf dunia.

Berpandukan keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri tersebut, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas bagi meneliti dan mengambil tindakan susulan mengenai peruntukan pembangunan dan infrastruktur fizikal, membangunkan infrastruktur yang berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi, pembelian buku serta bahan rujukan, pembangunan sumber manusia, pembangunan profesionalisme pensyarah di IPG, penambahbaikan kurikulum dalam bidang yang ditawarkan dari semasa ke semasa serta membuat pindaan kepada Akta Pendidikan berkaitan dengan IPG. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengucapkan tahniah dan kepercayaan tinggi kepada pihak kerajaan kerana telah menaikkan gaji terutama sekali pihak pendidikan dan juga bagaimana kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah meningkatkan produktiviti pengajaran di merata-rata seluruh negara. Soalan saya baru-baru ini semasa sesi kita habis di Parlimen saya telah diundang ke beberapa tempat di sekolah-sekolah mengenai dengan perasmian PIBG, hampir berpuluh-puluh buah sekolah dan kita dapati sekolah-sekolah begitu indah dan lengkap dengan alat-alat dan sebagainya tetapi soalan saya ini mengenai dengan... minta Kementerian Pelajaran memberi penjelasan bagaimanakah keberkesanan proses pemantauan terhadap kekerapan guru-guru yang pergi berkursus, kerana bila mana saya pergi ke sekolah di luar bandar 10 orang telah pergi berkursus, ini menjejaskan pengajaran di sekolah itu.

Jadi bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan, pemantauan tentang kursus yang telah diadakan sehingga berpuluh-puluh orang satu kursus. Jadi kalau ini berlaku sudah tentulah pengajaran di sekolah itu terbatas. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai yang mengambil perhatian kepada masalah guru-guru yang keluar dengan tugas-tugas yang diarahkan oleh Jabatan Pendidikan ataupun daripada Kementerian Pelajaran. Memang Kementerian Pelajaran sedar masalah ini dan kita di Kementerian Pelajaran sedang membincangkan bagaimanakah langkah yang terbaik untuk kita memastikan bahawa apabila guru-guru ini diarahkan keluar daripada sekolah untuk mengikuti kursus-kursus yang disediakan ianya tidak akan menjejaskan pengajaran guru tersebut ataupun sekurang-kurangnya ada guru lain yang akan mengajar. Jadi memang kita sedang dalam perbincangan dan insya-Allah masalah ini kita akan dapat atasi secepat mungkin. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat terdapat ketidaktekalan tidak ada konsistensi dari segi institut pendidikan guru ini iaitu dari segi *core business*nya, tumpuan utamanya adalah melatih guru dan sekarang ini kita ada dua kumpulan yang melatih pula itu. Kita ada KPLI iaitu Kursus Perguruan Lulusan Ijazah yang dikendalikan oleh IPG yang satu lagi pula DPLI iaitu Diploma Perguruan Lulusan Ijazah yang dikendalikan oleh pihak universiti. Kenapa sekarang ini diberi pula kepada pihak universiti? Saya lihat di sini ada sedikit ketidaktekalan konsistensi itu dan saya kira juga sepatutnya universiti harus memainkan peranan hanya sanya untuk melatih guru-guru peringkat ijazah sarjana dan juga PhD sahaja. Kenapa ketidaktekalan ini wujud? Mohon penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebenarnya apabila kita berpecah kepada dua kementerian, dahulunya yang kita ketahui sebagai Kementerian Pendidikan, tetapi sekarang ini sudah ada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi untuk kita menyelaraskan latihan guru yang dibuat oleh IPG dan juga universiti-universiti tempatan. Maka dalam jangka masa panjang, kita telah pun bersetuju pada dasarnya bahawa guru-guru yang dilatih di bawah IPG iaitu Institut Pendidikan Guru di bawah Kementerian Pelajaran.

Walaupun mereka ini akhirnya akan dianugerahkan Sarjana Muda Perguruan, tetapi mereka hanya akan mengajar di sekolah rendah dan bagi graduan perguruan

yang dilahirkan oleh IPTA-IPTA tempatan ataupun luar negara, mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah. Inilah agihan ataupun dasar yang kita telah bersetuju untuk memastikan pencapaian matlamat kita pada tahun 2010, semua guru sekolah menengah ini akan diajar oleh guru-guru yang berijazah dan sekurang-kurangnya 50% guru-guru sekolah rendah nanti akan terdiri daripada guru-guru yang ada ijazah. Terima kasih.

8. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Perdana Menteri menyatakan apakah mekanisme yang telah diwujudkan untuk mengimplementasikan proses pencapaian ekuiti 3% masyarakat India dalam RMK-9. Bolehkah kerajaan memperuntukkan dana pelaburan khas dengan diskaun diperuntukkan untuk masyarakat India dalam merealisasikan matlamat di atas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan ini, perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini. Insya-Allah, kerajaan yakin dengan pendekatan yang sedia ada yang telah dilaksanakan dan akan diambil tindakan-tindakan susulan, rancangan seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, pemilikan ekuiti kumpulan etnik India adalah disasarkan meningkat kepada 3% menjelang tahun 2020. Untuk tujuan tersebut, etnik India akan sentiasa diberi peluang untuk turut mengambil bahagian secara menyeluruh dalam semua sektor ekonomi negara selaras dengan dasar kerajaan dalam menyusun semula masyarakat untuk memastikan etnik ini tidak ketinggalan daripada arus pembangunan.

Pelbagai program dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan etnik India dalam pembangunan ekonomi negara seperti penyertaan masyarakat India dalam skim-skim saham anjuran PNB iaitu Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Saham Nasional 3 (ASN3) serta tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta. Bagi menggalakkan lagi komuniti India menceburi bidang perniagaan, akses kepada bantuan kewangan dan program latihan akan diperluas kepada usahawan yang berpotensi dan berkemampuan.

Selain daripada itu, lesen perniagaan akan terus diberi bagi menjamin penyertaan yang lebih besar kaum India di dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya meningkatkan pemilikan ekuiti di dalam sektor korporat. Berasaskan program-program galakan peningkatan ekuiti yang telah dan akan dilaksanakan bagi masyarakat India, kerajaan tidak bercadang untuk memperuntukkan dana khas untuk masyarakat India pada masa ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sasaran asal bahawa masyarakat India akan dibantu untuk mencapai 3% ekuiti dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah gagal? Mengikut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan pada 2005, sebenarnya ekuiti itu telah turun daripada 1.5% ke 1.2%. Maka ini adalah bercanggah dengan 3% yang disasarkan dan Perdana Menteri sendiri telah memberi janji bahawa pada Rancangan Malaysia Kesembilan mekanisme akan ditempatkan untuk memastikan bahawa program-program yang diilhamkan itu akan dapat direalisasikan.

Tetapi setakat ini, walaupun sudah setahun lebih kita telah lalui Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak ada satu mekanisme yang jelas. Adakah satu jawatankuasa telah dibentuk khas untuk tujuan ini bagi memastikan bahawa pelaburan dana, latihan pendedahan usahawan, pelesenan dan juga pemudah cara bantuan dengan agensi-agensinya terlibat dapat dimantapkan dan disediakan oleh kementerian. Maka saya rasa sudah tiba masanya masyarakat India sudah mantap dan bersedia khususnya di sektor swasta untuk menerima segala bantuan untuk memangkinkan ke atas. Maka masalahnya kekangan dari segi birokrasi, maka saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan kerana kita kena yakinkan masyarakat di peringkat akar umbi bahawa usaha itu benar-benar serius dan jujur. Minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang membangkitkan perkara ini. Memang Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang kita rancang begitu pun tidak mencapai sasaran 100% seperti yang kita hasratkan. Ini adalah kerana kelemahan-kelemahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di antaranya ialah birokrasi. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat telah memberi penekanan kepada soal *delivery system*.

Di sinilah selalunya perkara yang menyebabkan gangguan kepada pelaksanaan dasar kerajaan. Jadi seperti mana yang kita maklum bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat sendiri telah memberi perhatian dan telah pun mengeluarkan arahan-arahan pentadbiran kepada pihak-pihak Kementerian dan agensi-agensi pelaksanaan ini supaya kita meningkatkan lagi sistem penyampaian kita ini agar sasaran yang kita tuju akan kita capai. Sebagai respons Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sasaran yang telah ditetapkan sehingga tahun 2020, telah pun ditentukan mengikut apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita berharap bahawa Yang Berhormat bolehlah bersabar.

Kita melihat sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan ini kedudukannya bagaimana. Ini kerana kerajaan yakin bahawa dengan pendekatan yang baru ini, penekanan yang lebih kita berikan kepada masyarakat kaum India khususnya dari segi latihan dan penyertaan mereka dalam bidang perniagaan ini, insya-Allah sasaran ini akan menjadi kenyataan. Tunggu sehingga 2010 dan selepas itu kita lihat kembali kerana sasaran kita sehingga 2020, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalaulah sasaran ekuiti orang India ialah 3% dalam rancangan RMK-9, apakah matlamat ekuiti etnik-etnik lain di negara kita ini? Atau apakah tumpuan hanya diberi kepada orang-orang India sahaja atau kerajaan ada satu senarai misalnya orang Dayak, orang Asli, orang Kadazan dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah kenal pasti khususnya dari segi prioriti pendapatan. Jadi sebab itu dari segi arah atau hala tuju Rancangan Malaysia Kesembilan ini, pertama sekali kita hendak memastikan iaitu prioriti pendapatan ini dekat di antara semua kaum. Itu yang pertama.

Yang keduanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan juga kita menasaskan perkara yang sangat penting iaitu membasmi kemiskinan, di mana kita mahu supaya 5.7% yang ada sekarang ini kita kurangkan, bahkan kemiskinan tegar dihapuskan 100% pada 2010. Itu merupakan sasaran kita yang paling penting sekali dan agenda kita ialah seperti yang disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita cuba memastikan semua kaum mendapat penyertaan, mendapat faedah daripada rancangan ini. Sebab itu dalam hala tuju Rancangan Malaysia Kesembilan kita lihat bahawa rancangan pembangunan wilayah tanpa mengira kaum lagi, di bandar atau luar bandar. Sebab itulah kita yakin Rancangan Malaysia Kesembilan ini boleh menasaskan keseluruhan etnik dalam negara kita kerana kalau kita hendak tumpukan kepada satu-satu etnik ini, adalah suatu perkara yang amat sukar tetapi sebab itu kita dalam sasaran kita, kita menjangkau luar daripada wilayah yang kita katakan sama ada luar bandar atau bandar, wilayah-wilayah pembangunan, koridor-koridor yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Insya-Allah.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang) tidak hadir]

10. **Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah syarat-syarat untuk membolehkan sesebuah hospital dijadikan *'teaching'* hospital seperti PPUM dan HUKM.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negara ini terdapat tiga buah hospital pengajar ataupun dengan izin, *teaching hospital*

yang dimiliki oleh institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Hospital tersebut ialah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). HUKM dan HUSM ditadbir oleh institusi pengajian tinggi berkaitan manakala PPUM ditadbir oleh lembaga pengurus yang dilantik oleh pihak pengurusan tertinggi Universiti Malaya.

Antara fungsi utama hospital pengajar ialah memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada masyarakat, tempat latihan klinikal para pelajar perubatan, latihan kepakaran doktor perubatan, latihan pelajar farmasi, doktor gigi, profesional perubatan dan kesihatan bersekutu dan tiga program diploma yang berkaitan dengan perubatan dan kesihatan iaitu Kejururawatan, Radiografi dan Teknologi Makmal Perubatan.

Hospital pengajar juga merupakan institusi penyelidikan dalam bidang perubatan dan kesihatan seperti *Clinical Investigation Centre* atau CIC di PPUM. Antara kriteria yang membolehkan sesebuah hospital itu menjadi hospital bagi tujuan pengajaran ialah seperti berikut:

- (i) ia menawarkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan;
- (ii) menawarkan pendidikan; dan
- (iii) penyelidikan.

Dalam menawarkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, hospital pengajar seharusnya mengimbangi tanggungjawab melatih calon doktor perubatan dan memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada masyarakat. Ketiga-tiga hospital pengajar merupakan hospital rujukan *tertiary* yang menerima kes-kes rujukan dari hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan swasta.

Kedudukan sebagai hospital rujukan ialah untuk membolehkan kes-kes yang penting dirujuk bagi tujuan kajian dan pengajaran oleh tenaga pakar dan pelajar. Untuk tujuan pendidikan, antara fungsi utama hospital pengajar ialah sebagai tempat latihan untuk para profesional perubatan dan kesihatan.

Hospital pengajar bukan sahaja menjadi tempat latihan klinikal pelajar perubatan dan latihan kepakaran perubatan tetapi juga merupakan tempat latihan pelajar farmasi, pelajar pergigian, kejururawatan dan bidang-bidang kesihatan bersekutu, untuk tujuan penyelidikan, kriteria ketiga, sebuah hospital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran mestilah berfungsi sebagai sebuah institusi yang mengendalikan penyelidikan perubatan dan kesihatan.

Aktiviti penyelidikan akan menjana ilmu-ilmu baru untuk pendidikan dan peningkatan perkhidmatan perubatan kesihatan di negara ini. Segala polisi, peraturan dan sistem pentadbiran hospital pengajar harus menyokong dan membantu para pakar perubatan kita menjalankan penyelidikan dengan sebaik mungkin serta saling bergantung antara satu sama lain.

HUKM, HUSM dan PPUM telah menunjukkan prestasi perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang cemerlang. Kejayaan ini dapat diperolehi oleh kerana gandingan kecemerlangan akademik dan gandingan perkhidmatan yang ada pada pensyarah perubatan dan pakar-pakar perubatan yang ditekankan oleh universiti-universiti terbabit. Sekian, terima kasih. .

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberi penjelasan yang begitu baik. Saya akui segala kriteria-kriteria yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen amatlah dialu-alukan.

Hanya saya hendak cadangkan di sini memandangkan kepada negeri Kelantan akan mempunyai sebuah universiti pada tahun ini yang mana saya rasa fakulti perubatan ataupun *teaching* Hospital Kubang Kerian itu boleh bukan lagi diletakkan di bawah USM, boleh dipindahkan kepada Universiti Malaysia Kelantan.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan di sini bahawa Hospital Sultan Abdul Halim yang terletak di Sungai Petani iaitu sebuah hospital yang terbesar dan terbaik di sebelah utara buat masa ini. Oleh yang demikian, saya pohon

mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat supaya dibawa cadangan ini kepada pihak Kementerian Yang Berhormat menjadikan Hospital Sultan Abdul Halim yang terletak di Sungai Petani, di kawasan saya untuk dijadikan *teaching* hospital dan USM boleh menjadikan itu sebagai sebahagian daripada fakulti mereka yang ada sekarang di Kubang Kerian. Begitu juga Hospital Sultan Abdul Halim, sekarang ini digunakan juga oleh penuntut-penuntut kolej swasta perubatan di kawasan Merbok. Oleh itu, dan juga hospital ini boleh digunakan sebagai *teaching* hospital di sebelah utara. Oleh itu, bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Untuk kita mengendalikan latihan klinikal untuk pelajar-pelajar perubatan dan juga pakar-pakar perubatan, seharusnya hospital pengajar ini mestilah mendapat segala sokongan dalam bentuk infrastruktur dan juga tambahan tenaga pakar.

Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat supaya Hospital Kubang Kerian yang dimiliki oleh HUSM ataupun Universiti Sains Malaysia sebenarnya adalah untuk memberikan gambaran bahawa mereka mendapat pendidikan di mana-mana dalam negara kita sama ada di Pulau Pinang ataupun di Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan yang akan dibina tidak bertujuan untuk tujuan perubatan tetapi untuk bidang keusahawanan dan bioteknologi. Walau bagaimanapun untuk menambah *teaching* hospital, kita mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Contoh – *ASEAN Institute of Medicine Science and Technology* mengendalikan latihan klinikalnya di Hospital Sultan Abdul Halim sebagai mana Yang Berhormat sebutkan tadi dan kita ada sembilan buah IPTS yang menggunakan hospital-hospital Kementerian Kesihatan untuk tujuan *teaching hospital* dan ini mencukupi pada peringkat ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah tahap pencapaian dari segi tiga kriteria yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuklah tahap penyelidikan di semua hospital yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan juga bolehkah Yang Berhormat mengkaji setakat mana perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai atau pesakit dan *waiting list*.

Saya ada nampak kalau bagi Sungai Petani itu memang tidak ada *waiting list* langsung, kurang sedikit. Tetapi sebagai orang biasa saya nampak *waiting list* itu sangat lama dan bolehkah Yang Berhormat mengkaji dengan sendiri, tengok macam mana kita boleh memperbaiki keadaan *waiting list* dan perkhidmatan yang kurang sempurna yang wujud di hospital-hospital itu.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tujuan *teaching* hospital iaitu kita melatih bukan sahaja calon doktor perubatan di peringkat *undergraduate* tetapi juga kita melatih doktor-doktor pakar, jadi untuk tahap pencapaian setakat ini ketiga-tiga buah *teaching* hospital ini, kita telah melahirkan ramai pakar yang boleh digunakan untuk tujuan mereka menjadi pensyarah dan juga mereka bekerja di sektor awam di hospital kerajaan, hospital kesihatan Malaysia dan juga hospital swasta.

Setakat ini ketiga-tiga hospital universiti ini telah pun dimantapkan dengan pelbagai jabatan yang baru dalam perubatan seperti Jabatan Onkologi yang mengendalikan bidang kanser dan jabatan-jabatan yang mengendali penyakit-penyakit berjangkit yang setakat ini melanda negara kita seperti wabak selesema burung yang akan menjadikan hospital *teaching* ini sebagai hospital yang juga menyelidik.

Berkenaan dengan penambahan unit untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit, ketiga-tiga buah hospital *teaching* ini ada menyediakan *private wing* ataupun dipanggil perkhidmatan-perkhidmatan swasta dikendalikan oleh doktor-doktor yang sama.

Yang terakhir adalah dengan adanya penubuhan *private wing* ini, maka *waiting list* telah dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan urusan soal jawab lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

BANJIR DI KUALA LUMPUR

11.31 pg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan hormatnya saya Fong Kui Lun, Ahli Parlimen Bukit Bintang ingin mengemukakan Usul di bawah Perkara 18(1), Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menangguhkan sidang Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan sesuatu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu kejadian hujan ribu yang mengakibatkan banyak kawasan utama di Kuala Lumpur dilanda banjir terbesar pada hari Ahad, 10 Jun 2007, antara jam 6.00 petang hingga 8.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara tertentu kerana kejadian banjir besar telah menyebabkan banyak kawasan rendah terutama di Kuala Lumpur ditenggelami air seperti Jalan Tun Perak hingga Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek, Dataran Merdeka, Dang Wangi, Kampung Baru, Tiong Nam dan lain-lain yang menyebabkan ibu negara kelam-kabut dan lumpuh, serta kesesakan jalan raya teruk.

Tuan Yang di-Pertua, ia adalah kepentingan orang ramai kerana banjir besar ini telah menyebabkan orang ramai, khususnya warga kota mengalami kerugian besar yang berulang kali seperti kenderaan, kedai perniagaan, harta benda, rumah dan sebagainya serta membawa kesusahan dan penderitaan kehidupan mereka yang wajar diberikan pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkehendak disegerakan kerana sejak peristiwa-peristiwa banjir melanda Kuala Lumpur pada 30 April 2000 dan 26 April 2001, 29 Oktober 2001, 11 Jun 2002 dan 10 Jun 2003, 24 Ogos 2006, 3 Jun 2007 dan 10 Jun 2007 menjadi bukti bahawa projek tebatan banjir yang menelan belasan jutaan ringgit yang dilaksanakan selama ini telah gagal termasuk Projek SMART yang didapati lebih tertumpu untuk meleraikan kesesakan lalu-lintas dan mencari keuntungan daripada kutipan tol berbanding menyekat dan mengurangkan banjir di pusat bandar raya.

Projek SMART mengundang banyak bahaya banjir pada masa depan dan projek tebatan banjir perlu didesak untuk disiapkan dengan segera. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Bukit Bintang pada hari Rabu, 13 Jun 2007.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Berkepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan. [Tepuk] Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), Usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang ini.

Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG BAHAN LETUPAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Bahan Letupan 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN SEWA BELI
(SARAWAK) (PEMANSUHAN) 2007**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SISTEM PENGUKURAN KEBANGSAAN 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyeragaman unit pengukuran berasaskan unit sistem antarabangsa, pewujudan standard pengukuran dan kebolehesanan pengukuran dan penyelarasan Sistem Pengukuran Kebangsaan Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan bagi mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR
(PINDAAN DAN PERLUASAN) 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.40 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua secara ringkasnya Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 bertujuan untuk:

- (i) meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Ordinan 1952; dan
- (ii) memperluaskan peruntukan tertentu Ordinan 1952 ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selepas insiden 9 September 2001 di New York, Amerika Syarikat serta beberapa kejadian keganasan seterusnya, keselamatan pelabuhan awam dan sekuriti kapal menjadi satu isu yang diberi keutamaan di seluruh dunia. Berikutan itu, langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan tahap keselamatan kapal, sekuriti kapal dan *facility* pelabuhan yang dikenali sebagai peraturan-peraturan Kod Sekuriti Antarabangsa bagi Kemudahan Pelabuhan dan Kapal atau *International Ship and Port Facilities Security Code* atau singkatannya Kod ISPS.

Kedua, Kod Pengurusan Keselamatan Antarabangsa Kapal atau *International Safety Management Code* atau Kod ISM telah diperkenalkan oleh *International Maritime Organization*. Kedua-dua kod tersebut digubal untuk mewujudkan sistem peraturan keselamatan baru yang menerapkan unsur-unsur pencegahan dan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kod ISPS adalah sebahagian daripada konvensyen antarabangsa dan keselamatan nyawa di laut atau *International Convention on Safety of Life at Sea* (SOLAS). Kod tersebut menyatakan secara khusus akan langkah-langkah keselamatan maritim dan piawaian yang terpakai bagi meningkatkan usaha menangani dan mengawal ancaman keselamatan di atas kapal. Keselamatan pengangkutan maritim dan kemudahan-kemudahan infrastruktur marin di darat atau *offshore structure* dengan izin di laut. Kod ini telah diwujudkan bagi memastikan aspek-aspek keselamatan sektor pengangkutan laut ditangani dengan teratur dan berkesan.

Sepertimana Kod ISPS, Kod ISM adalah sebahagian daripada konvensyen SOLAS 1974. Kod ISM digubal untuk memelihara keselamatan pelayaran dan pemeliharaan alam sekeliling melalui sistem pengurusan dan pengoperasian kapal yang selamat menurut piawaian-piawaian yang ditetapkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Secara ringkasnya, kedua-dua Kod ISPS dan Kod ISM menyediakan peruntukan-peruntukan bagi mengawal segala aspek keselamatan kapal-kapal dan sekuriti kapal serta *facility* pelabuhan termasuk aspek-aspek pencegahan pencemaran. Sehubungan itu, pindaan sewajarnya telah dibuat pada Ordinan 1952 bagi membolehkan pemakaian kedua-dua kod tersebut di Malaysia di mana kemudiannya diperluas ke Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu rang undang-undang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, membuktikan Yang Berhormat Timbalan Menteri lupa pandang pada Speaker.

Datuk Douglas Uggah Embas: Oh, pandang ke Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, itu sebab sebut salah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Sekarang saya pandang pada Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. [*Ketawa*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, bukan Tan Sri. Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu rang undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai larangan pelepasan minyak atau bahan-bahan

berbahaya di mana-mana perairan Malaysia termasuk juga perkara berhubung dengan penyiasatan nahas maritim yang turut mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar marin serta pengawalan pencemaran alam sekitar marin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama pindaan kepada Ordinan 1952 ini turut memberikan faedah-faedah dan kebaikan kepada negara seperti mana berikut:

- (i) tahap dan piawaian sekuriti pelabuhan jeti di Malaysia dan kapal-kapal Malaysia dapat dipertingkatkan;
- (ii) meningkatkan pengurusan kawalan keselamatan bagi kapal-kapal Malaysia; dan
- (iii) kawalan pencemaran dari kapal di kawasan perairan Malaysia akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini mempunyai 20 fasal kesemuanya dengan dua jadual iaitu Jadual 1 yang meliputi pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah dan Jadual 2 untuk meliputi pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sarawak.

Fasal 1 merujuk kepada tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi akta yang dicadangkan dan tarikh penguatkuasaan akta ini adalah pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Bagi menetapkan tarikh kuat kuasa dalam negeri Sabah dan Sarawak, Fasal 1 memperuntukkan bahawa akta ini mulai berkuat kuasa dalam negeri-negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh yang menteri boleh selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 dengan memasukkan takrif baru ke dalam Ordinan.

Manakala fasal 3 dan 4 mengandungi peruntukan-peruntukan baru ini bertujuan untuk memberi kesan kepada Kod ISPS yang telah dimasukkan sebagai satu bab baru SOLAS 1974. Peruntukan ini memperkatakan secara khusus mengenai keselamatan maritim dan menyediakan suatu piawai yang terperinci untuk mempertingkatkan langkah terhadap ancaman keselamatan di atas kapal, kawasan keselamatan pengangkutan maritim dan kemudahan marin. Di bawah fasal 4 ini terkandung tafsiran kepada beberapa perkara utama dalam Kod ISPS yang terpakai. Fasal ini turut memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang bersesuaian atau perlu bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara yang berhubung dengan keselamatan pengangkutan maritim.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 yang mengandungi seksyen baru bertujuan untuk memberi kesan kepada Kod ISM yang telah dimasukkan sebagai sesuatu bab baru dalam SOLAS 1974. Fasal ini memperuntukkan kuasa memberikan arahan dan menjalankan penyeliaan secara am terhadap semua perkara yang berhubung dengan pengendalian kapal secara selamat dan pemeliharaan alam sekeliling. Di bawah fasal 5 ini, menteri diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah keselamatan yang memperkatakan mengenai pengurusan yang selamat dalam pengendalian kapal.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan takrif baru dan meminda takrif yang sedia bagi maksud bahagian VA Ordinan.

Manakala fasal 7 pula merujuk kepada larangan pelepasan minyak atau bahan berbahaya ke dalam mana-mana bahagian perairan Malaysia, mana-mana pantai Malaysia atau terumbu Malaysia.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan peruntukan bahawa Pengarah Laut boleh mengarahkan penyiasatan mengenai nahas maritim dijalankan. Fasal ini juga mempunyai peruntukan berkenaan dengan hal keadaan yang mana kerajaan tidak akan bertanggungjawab untuk perbuatan yang menyebabkan pelepasan minyak atau bahan berbahaya.

Fasal 9 merujuk kepada kuasa Pengarah Laut untuk mengeluarkan perakuan atau perakuan sementara dan Pengarah Laut juga boleh memberikan kuasa kepada mana-mana orang atau organisasi untuk mengeluarkan perakuan ataupun perakuan sementara sedemikian. Pada masa yang sama, Pengarah Laut diberi kuasa untuk mengiktiraf perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi sesuatu pihak lain kepada konvensyen antarabangsa. Fasal ini turut diperuntukkan tentang

pemeriksaan dan penahanan kapal oleh Pengarah Laut atau pegawai yang diberi kuasa serta kuasa untuk melarang kapal asing daripada memasuki perairan Malaysia jika wujudnya ketidakpatuhan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 491B Ordinan untuk memasukkan aktiviti tambahan iaitu *ship to ship activity* dengan izin dan *any other activity as determined by the Director of Marine* dengan izin, bagi tujuan Bahagian XIII Ordinan.

Fasal 11 pula merujuk kepada pengeluaran Notis Perkapalan Malaysia oleh Pengarah Laut.

Fasal 12 memperuntukkan tentang memperluaskan peruntukan-peruntukan Ordinan ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Fasal 13 merujuk kepada pemberhentian pemakaian Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah kepada Wilayah Persekutuan Labuan.

Fasal 14 memperkatakan tentang perluasan pemakaian kod ISPS dalam Bahagian V dan kod ISM dalam Bahagian VA Ordinan 1952 kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi memastikan keseragaman dan tatacara mengenai keselamatan pengangkutan maritim dan piawai keselamatan bagi kapal-kapal Malaysia dan kawalan pencemaran daripada kapal-kapal.

Fasal 15 hingga fasal 19 mengadakan peruntukan mengenai pengubahsuaian dan pindaan berbangkit yang dikehendaki bagi tujuan pelaksanaan Bahagian V Ordinan 1952 kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Fasal 20 merujuk kepada peruntukan mengenai pengesahan semua Notis Perkapalan Malaysia yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Laut sebelum bermula kuat kuasa akta yang dicadangkan ini dan pengesahan semua keputusan dan perintah yang dibuat menurut notis tersebut.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan yang kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Saya ingin memaklumkan bahawa implikasi kos kewangan kerajaan tidak dapat ditentukan secara tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ke Wilayah Persekutuan Labuan dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hakikatnya sekarang kos pengangkutan laut terutama untuk barangan keperluan adalah lebih murah jika kapal mengangkat barangan dari Hong Kong, dari China ke Pelabuhan Klang jika dibandingkan dengan kos pengangkutan antara Kota Kinabalu dengan Pelabuhan Klang. Ini menyebabkan Sabah antara negeri yang kos sara hidupnya (*cost of living*) terlalu tinggi disebabkan oleh barangan yang lebih tinggi harganya untuk diperolehi di negeri tersebut. Penduduk Malaysia di Sabah terpaksa menanggung kos tambahan ini dan menjadikan negeri tersebut sebagai satu tempat yang terlalu mahal untuk diduduki.

Kita lihat semua barangan di Sabah lebih mahal daripada Semenanjung. Begitu juga dengan barang-barangan yang dijual secara *direct selling*, 10% hingga 20% lebih tinggi untuk didapati di Sabah dibandingkan dengan Semenanjung. Surat khabar, *mineral water* dan semua keperluan harian ini adalah lebih tinggi di Sabah dibandingkan dengan Semenanjung disebabkan oleh kos pengangkutan. Soalnya

sekarang ini, kalau kita mengajukan soalan ini kepada kementerian, kementerian akan menjawab, ia akan ditentukan (*determine*) oleh *market forces*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya mohon agar kerajaan melihat sara hidup yang tinggi di Sabah, mencari jalan untuk kerajaan menanggung sebahagian daripada kos ini dalam bentuk subsidi, dalam bentuk bantuan, dalam bentuk pengurangan terhadap kos pengangkutan sebagai salah satu faktor yang menyebabkan harga tinggi di Sabah. Penduduk di Sabah sudah lama berhadapan dengan masalah ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kerajaan perlu melihat dalam konteks sekarang ini untuk mencari jalan membantu mengurangkan kos sara hidup yang tinggi. Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran dan saya juga ingin bertanya satu soalan. Kalau kita katakan barang-barangan keperluan untuk pengguna di Sabah dan Sarawak dinaikkan oleh kerana kos pengangkutan, bila saya pergi ke Sabah saya dapati yang harga loteri pun 50 sen lebih tinggi daripada di Semenanjung. Bagaimana ini boleh dibenarkan? Macam mana kita mengangkut loteri ini melalui kapal saudagar ke Sabah sehingga di sana pun dijual dengan harga yang lebih tinggi. Apakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu buat tentang perkara ini? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *At least* dia *concur* bahawa barangan di Sabah lebih tinggi daripada Semenanjung. Dia *concur*. Betul. Harga loteri adalah kerana kerajaan mengenakan *extra* cukai terhadap loteri. Itu keputusan kerajaan negeri mengenakan cukai dan wang daripada cukai yang dikutip oleh kerajaan negeri itu diberikan kepada rakyat negeri Sabah dalam bentuk pembangunan. Faham?

Seorang Ahli: Dia tidak faham.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat agar *the spirit* untuk memperluaskan kod keselamatan tatacara dan piawaian terhadap pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak ini sejajar dengan kehendak piawaian antarabangsa mendorong kerajaan untuk melihat dan mencari jalan untuk mengurangkan kos pengangkutan yang tinggi di Sabah kerana ini akan memberi manfaat kepada rakyat Sabah. Biarlah, sekurang-kurangnya ada pengurangan dalam harga barangan keperluan harian di Sabah di bandingkan dengan Semenanjung.

Saya juga berharap agar kerajaan harus melihat masalah transit kargo di Sabah di mana barangan yang sepatutnya ditransit di pelabuhan Sabah sebelum di eksport ke luar negara seperti dari China tidak di *off load* di pelabuhan Sabah. Saya mendapat maklumat barangan seperti beras, *liquor* sering kali di *off load* di negeri Sabah sebelum sebahagian daripada yang sepatutnya dieksport ke luar negara dan digunakan pelabuhan Sabah sebagai transit pelabuhan tetapi ada insiden di mana barangan ini di *off load* di Sabah, diperoleh di pasaran di Sabah. Beras merupakan barangan kawalan yang tidak sepatutnya boleh diperoleh barang-barang ini tanpa melalui pengimportan yang sebenarnya. Saya melihat kerajaan harus melihat perkara ini agar ia tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ISPS yang akan di*extend* di Sabah ini akan melibatkan kos yang besar bagi pelabuhan-pelabuhan Sabah menepati piawaian antarabangsa. Ia akan melibatkan kos untuk meningkatkan infrastruktur pelabuhan yang ada di Sabah. Soal sekuriti terhadap perkapalan, masalah keperluan untuk melaksanakan *dredging sandbar* yang perlu diperdalam untuk keselamatan kapal, soal untuk melatih kakitangan terhadap piawaian baru, standard baru ini akan melibatkan kos. Soalnya adakah Kerajaan Persekutuan akan membantu kerajaan negeri dalam mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pelabuhan di Sabah ini setaraf dengan kehendak piawaian baru ini. Adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi bantuan kewangan kepada kerajaan negeri untuk mempertingkatkan keselamatan pelabuhan yang ada?

Adakah Kerajaan Persekutuan akan melihat untuk memberi peruntukan bagi melatih kakitangan-kakitangan pelabuhan yang ada sesuai dengan kehendak piawaian yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat kehendak Akademi Laut Malaysia ini (ALAM) untuk membuka cawangannya di Sabah, kehendak atau keperluan untuk melatih kakitangan anak-anak kapal pelabuhan ke arah piawaian baru. Oleh kerana ketika ini untuk menghantar kakitangan berkursus di Melaka adalah merupakan satu kos yang tinggi bagi anak-anak kapal daripada Sabah.

Begitu juga saya melihat keperluan kerajaan untuk mengurangkan kos pengangkutan penumpang di Sabah, feri Labuan-Menumbuk, feri Kota Kinabalu-Labuan, kos pengangkutan yang disebabkan oleh kenaikan bahan api.

Adakah kementerian atau kerajaan bercadang, bersedia untuk mempertimbangkan, juga memberi subsidi bahan api ini kepada industri pengangkutan di Sabah, kerana kita lihat industri pengangkutan bot panjang di Sarawak diberi subsidi bahan api oleh kerajaan.

Pada masa yang sama saya melihat keperluan kerajaan untuk memberi subsidi bahan api kepada pengangkutan laut bagi Sabah, terutama bagi feri Labuan-Menumbuk dan juga feri Kota Kinabalu-Labuan. Kehendak-kehendak itulah yang perlu dilihat oleh kerajaan dalam membawa rang undang-undang baru ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, apa jaminan bahawa operator pelabuhan ini tidak akan mengenakan caj tambahan kepada pengguna-pengguna pelabuhan sebaik ISPS ini dilaksanakan di negeri Sabah? Apa jaminan operator pelabuhan tidak akan membebankan pengguna akibat penambahan sekuriti, penambahan piawaian baru yang akan diambil oleh operator pelabuhan? Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin selepas itu Yang Berhormat Sungai Petani boleh berucap, Yang Berhormat Jasin dulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi izin kepada saya untuk bersama-sama dengan rakan-rakan dalam membincangkan akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar tahun 1952 ini.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian walaupun akta ini agak terlewat sedikit untuk dikemukakan kerana pada hari ini untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Malaysia pada hari ini terkenal sebagai satu negara maritim yang baru.

Dengan adanya pelabuhan-pelabuhan seperti PTP di Johor, Port Klang, West Port, North Port dan baru-baru ini di Penang dan dengan bilangan kapal yang datang begitu banyak mendadak, begitu banyak sekali.

Apabila PTP pada hari ini mendapat sambutan daripada syarikat-syarikat *international* yang menjadikan PTP sebagai hub dia, saya kira rang undang-undang ini amat penting sekali.

Namun apa yang saya lihat, bagaimana saya telah bercakap dulu saya lihat sekarang ini Marin *Department* ini makin lama makin kurang kuasa dia, kalau dulu berkenaan dengan *port management* di mana pelabuhan, orang yang paling berkuasa ialah Syahbandar.

Daripada zaman kita dulu keagungan negeri Melaka Datuk Syahbandarlah orang kuat pelabuhan, di mana pelabuhan sehingga tahun 90-an pun Syahbandarlah yang memainkan peranan, tetapi sekarang ini ada perubahan yang mengatakan bahawa jawatan Syahbandar dah tak ada lagi dan digantikan dengan pegawai laut.

Apabila digantikan dengan pegawai laut, kita lihat kuasa dia makin lama makin kurang, saya nak minta kementerian lihat balik benda ini, kita takut esok kita punya standard pegawai laut, jika dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan antarabangsa, contohnya di Singapura sajalah, kita takut esok orang akan ketawakan kita.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam segi pengeluaran *port clearance* (PC) sahaja atau surat izin belayar, seharusnya sijil perkapalan untuk *port clearance* ini dikeluarkan oleh pegawai laut yang memeriksa keadaan kapal, apabila dia berpuas hati dengan keadaan kapal baru dia tandatangan *port clearance* dan serahkan kepada kapten kapal, izin belayar barulah kapal itu boleh belayar.

Apa yang berlaku sekarang ini *port clearance* tidak dikeluarkan oleh Jabatan Laut, diberi kuasa kepada sahabat saya, kastam. Hari ini *the last person* yang mengeluarkan *port clearance* kapal-kapal di negara kita bukan Marin *Department* tetapi Kastam.

Apa yang kastam tahu mengenai dengan kapal? Apa yang kastam tahu mengenai keselamatan kapal? Itu sebabnya apabila peristiwa yang berlaku di Langkawi, apabila kapal berlanggar saya tak terkejut.

Seharusnya Syahbandar mesti masuk dalam kapal melihat adakah bilangan penumpang dalam feri itu cukup bilangan dia, bagaimana yang telah diluluskan oleh *saviour* kapal itu, berapa orang, betul tak ataupun bawa *passenger* lebih?

Kedua, dia tengok tentang apa yang berada dalam kapal, cukup tidak kelengkapan kapal, ada tak *sensor* dia, kerana kapal ini dia berjalan tak kira waktu malam waktu siang, waktu ribut, waktu cerah dia kena jalan, kalau *sensor* dia tidak betul, telah rosak, pegawai laut boleh keluar, tidak diluluskan untuk belayar kerana tidak ada *safety*.

Apa yang berlaku di Langkawi kerja-kerja ini tidak dibuat, bila dah berlanggar barulah Jabatan Laut sekarang, minta maaf Datuk Menteri! Bila dah berlanggar barulah dia duduk di tepi feri untuk melihat feri ini cukup ataupun tidak, lengkap ataupun tidak.

Kalau dulu, hanya pegawai kastam yang biasa saja yang tak pernah turun kapal, kapten kapal naik atau orang kapal naik ke pejabat kastam dapat *port clearance* dan izin belayar dikeluarkan. Jangan sampai orang dah mati baru kita nak ambil tindakan ini, jangan sampai orang dah mati!

Baru-baru ini, sahabat saya punya kapal meletup konon cakap langgar balaklah langgar kayulah, saya kata kalau kapal yang berharga RM4 juta mempunyai kelengkapan yang cukup *no way* dia akan berlanggar dengan balak, kerana *sensor* ada, kalau dia tengah belayar papan sekeping tengah laut pun 100 meter, 200 meter daripada haluan dia itu dah ada dalam *sensor* dah dan kapten boleh mengelakkan kemudi kapal itu, boleh mengelakkan daripada halangan yang bahaya.

Saya nak tanya juga yang kapal kastam yang RM4 juta ini, siapa yang luluskan *saviour* Jabatan Laut luluskan ataupun tidak? Lengkap tidak dengan peralatan-peralatan? Kadang-kadang orang kita Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang kita buat ini memang cantik tetapi pelaksanaan dia, pelaksanaan!

Dulu Syahbandar saya difahamkan kebanyakan daripada mereka ini adalah orang-orang yang berpengalaman, bekas kapten kapal yang belayar 15 hingga 20 tahun ada pengalaman, dia dah pergi pelabuhan besar-besar antarabangsa. Jadi dia ambilkan pengalaman dia, dia jadi Syahbandar bermakna dia gunakan peraturan-peraturan antarabangsa yang lain.

Namun sekarang ini pegawai laut, saya tak tahulah tapi saya tengok di Melaka kelulusan UiTM, dan tidak ada pengalaman langsung berkenaan dengan laut, berkenaan dengan maritim, jadi pegawai laut. Saya ingat kalau bab kapal saya lebih pandai daripada dia. *[Ketawa]*

Jadi, kita cuba hendak jadi *maritime nation* antarabangsa, pegawai-pegawai kita tidak cukup terlatih, tidak cukup terlatih Tuan Yang di-Pertua, maaf. Itu yang pertama, yang saya hendak minta ini supaya kementerian kaji balik kerana ini maruah kita. *Port clearance* sijil pelepasan kapal, mesti di keluarkan oleh Jabatan Laut selepas pegawai laut pergi memeriksa kapal berpuas hati dengan keadaan kapal, kargo dan sebagai, *passenger* nya, apa dia semua barulah dia tandatangan dan inilah yang rasminya dikeluarkan oleh pegawai laut bukan pegawai kastam. Saya minta yang ini diperbetulkan.

Nombor dua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini. Memang masalah banyak berlaku di kawasan selatan. Kawasan Tuan Yang di-Pertua dekat Johor kerana pencemaran laut, pencemaran minyak yang berlaku berleluasa dekat Johor kerana kebanyakan kapal-kapal dagang pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, dia pergi buat *servicing* dekat Singapura.

Saya pun tidak tahu industri perkapalan kita di Malaysia ini. Saya difahamkan bahawa mereka berkata di Malaysia ini, hendak mencari pusat untuk *service* kapal ini susah. Itu sebab feri-feri kita, dahulu ada feri dekat Melaka pun terpaksa pergi ke

Singapura untuk buat kerja-kerja *service* dan didapati rungutan daripada orang Johor, dia kata kebanyakan daripada minyak-minyak kotor daripada kapal ini apabila hendak tukar minyak dia buat di tengah laut sebelah Johor. Pencemaran banyak berlaku di sebelah Johor, di mana terumbu-terumbu kita banyak mati, banyak juga industri-industri asas tani kita yang memelihara ikan dalam sangkar pun banyak mati.

Ini pun kita kena lihat, dan kalau perlu kita wujudkan industri-industri sampingan berkenaan dengan merentang industri ini sebagai *service* kapal. Hari ini di Malaysia terkenal, kapal terbang hari ini di Sepang sudah jadi hab untuk MRO, untuk *maintenance repairs*. Apa semua ini? Mengapa kita boleh buat? Mengapa tidak boleh buat di Malaysia? Saya difahamkan dalam industri kapal ini, saya minta Kementerian Pengangkutan perlu banyak mendedahkan peluang-peluang perniagaan yang wujud daripada industri perkapalan yang sedang berkembang dalam negara kita, supaya banyak di antara graduan-graduan kita, apatah lagi graduan-graduan menganggur kita dapat tahu apa bidang yang mereka boleh dapati daripada industri perkapalan yang sedang berkembang.

Ini sehinggakan bahan kering, hantar minyak, *supply* minyak diesel di Pelabuhan Klang dimonopoli oleh syarikat-syarikat daripada Singapura. Apa orang Malaysia tidak layak ke? Orang Malaysia tidak ada modal ke hendak buat kerja ini? Mengapa syarikat-syarikat yang ada *affliction* dengan Singapura yang *control* sekarang di Pelabuhan Klang kerja-kerja *bunkering* dan sebagainya. Ini yang tidak lama lagi di Kedah akan menjadi pelabuhan yang besar dengan adanya paip daripada Yan yang akan pergi sampai ke mana?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Bachok.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ke Bachok. Saya dengar dan difahamkan tidak kurang daripada 30 hingga 40 kapal hari-hari akan berlabuh dekat Kedah. Orang Kedah hebat, tapi kalau kita tidak ada pengalaman macam mana hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Line clear* lah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya semangat apabila paip dari Yan tadi akan singgah di Bachok. Apakah Yang Berhormat setuju kalau kita adakan pelabuhan di Tok Bali, *very the potential, very clear*. Kalau kita buat di Tok Bali bukan sahaja rakyat Kelantan, rakyat Malaysia kerana Universiti Malaysia Kelantan telah pun wujud. Jadi kita kena wujudkan pelabuhan, kita hendak supaya Kelantan ada potensi untuk UMNO balik. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Pasir Puteh. Memanglah paip *line* itu akan daripada Yan pergi sampai ke Bachok, tinggal lagi terpulanglah kepada orang Pasir Puteh kalau hendakkan pelabuhan itu di Tok Bali, fasal Tok Bali dekat Pasir Puteh. Orang Tumpat pun dia hendak dekat Tumpat. Itu dalaman di Kelantan, itu selesaikan dahululah. Tapi yang penting apa yang hendak saya kemukakan, apabila wujud kedua-dua pelabuhan ini, yang mana banyak kapal akan datang ke negara kita tetapi adakah orang Yan, orang Kedah, orang Kelantan sudah bersiap untuk *service* kapal-kapal ini? *Service* kapal-kapal ini. Banyak kerja-kerja yang boleh, ekonomi sampingan yang boleh wujud daripada wujudnya kedua-dua pelabuhan ini, tambah nilai. Kita dekat Klang dahulu banyak Tuan Yang di-Pertua, banyak kerja-kerja yang macam ini, tetapi syarikat tempatan kurang mencebur soal ini. Kalau di pelabuhan, yang akan dibina di Yan dan di Bachok, kerja-kerja *sign on and sign off* sahaja pun, kelasi-kelasi tukar-tukar kapal sahaja, ini satu pendapatan.

Di Klang dahulu ada, tapi sekarang sudah kurang ada. Hanya sekarang ini dalam industri perkapalan untuk *sign in* dan *sign off* banyak buat di Singapura sehinggakan kita punya *seller* kelab ataupun kelab untuk kelasi-kelasi dekat Klang pun hari ini sudah semak samun, sudah naik gelap dah. Walhal dahulu yang mana kelasi-kelasi seluruh dunia berhimpun dekat situ menunggu kapal dia datang, kerana kita boleh buat *sign on* dan *sign off*, tapi hari ini Marina Kelab dia sudah naik semak dah saya tengok, gelap sahaja seolah-olah aktiviti sudah tidak ada lagi dah. Jadi ini yang kita kena lihat ini.

Jadi Kementerian Pengangkutan jangan setakat hendak mengadakan rang undang-undang lepas itu lupa sahaja biar laksana sendiri tetapi sekurang-kurangnya pun benda ini satu industri, industri *maritime* ini satu benda yang baru saya minta kementerian supaya proaktif. Mendidik anak bangsa kita, anak negeri kita, ini industri yang sedang wujud di dalam negara kita, lepas itu apa peluang-peluang yang kita boleh dapat dengan adanya industri pelabuhan yang sedang maju ini. Supaya anak-anak kita boleh menceburi bidang-bidang ini dan akan memberi kerjaya kepada dia.

Sekarang ini kebanyakan syarikat-syarikat yang beroperasi di Pelabuhan Klang dan juga PTP, saya ingat banyak syarikat-syarikat cawangan daripada Singapura. Saya rasa ini tidak sihat. Oleh yang demikian saya minta supaya kementerian lihat benda ini dan peluang-peluang yang wujud daripada pewujudan pelabuhan-pelabuhan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Krai dan Sabak Bernam, dua bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...ya, sekejap. Dapat memberi peluang kepada anak bangsa kita. Sila Sabak Bernam, sekejap.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Kita memang selalu mendengar tentang memberikan peluang kerjaya dan pekerjaan kepada anak bangsa kita dan kita selalu menyebut di sana sini peluang banyak. Saya rasa adalah lebih baik kalau kita mengetahui sebenarnya bagaimanakah data tentang peluang pekerjaan, peluang membuat sebarang perusahaan di kawasan *maritime area* dengan izin, yang ada dan umpamanya setakat ini, setakat manakah keterlibatan bumiputera-bumiputera dalam peluang-peluang perniagaan yang ada di sini, satu.

Yang keduanya ialah yang saya rasa lebih penting ialah masalah pindaan ini sebenarnya untuk penambahbaikan. Saya ingat Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang beberapa insiden pelanggaran. Saya ingin tahu datanya setakat ini daripada peristiwa-peristiwa yang lalu, daripada *post mortem* yang telah dibuat, setakat manakah insiden ini telah berlaku dalam negara kita dan apakah langkah-langkah ataupun tindakan yang telah diambil untuk perkara itu tidak berlaku lagi? Saya sebenarnya sangat tersentuh apabila aspek pelanggaran di Langkawi itu berlaku tempoh hari kerana bukan kerana apa, salah seorang sahabat kita terlibat. Jadi kita pun hendak tahu apakah hasil *post mortem* itu. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ada kaitan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ada kaitan. Sila.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik bila sebut pasal kapal ini. Nampaknya Jasin ini begitu handal sekali dan saya kira Melaka adalah satu *port*, satu pelabuhan yang patut didahului dan setakat ini sejauh manakah Yang Berhormat di Jasin mengenai di negeri Melaka itu sendiri. Saya kira itulah *base* nya. Kalau adalah *port maritime* ini di sana dan dikumpulkan supaya pekerja dan *crew* handalan di negeri-negeri ini dapat dibuat di sana.

Apakah pendapat Yang Berhormat dan satu lagi mengenai dengan Pasir Putih yang menyebutkan Bachok. Bachok adalah satu potensi yang telah lama, yang telah tidak tergendala dan saya kira itu pun satu yang boleh menambahkan lagi hasil ataupun *income* kepada negara kita lebih-lebih lagi negeri Kelantan yang belum maju dan ini, maritim ini memang betul kerana negara-negara maju itu memang pelabuhan-pelabuhan inilah satu yang difokuskan lebih-lebih lagi kepada pelancongan dan kepada pendapatan negara itu sendiri. Jadi eloklah kalau Melaka ini dia jadi satu *base* supaya maritim ini dapat dilaksanakan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang kemukakan soalan. Berkenaan dengan insiden-insiden, itu sebab saya katakan tadi penekanan daripada Jabatan Laut itu harus ada dan kebanyakan kalau kita lihat insiden-insiden yang berlaku ini, walaupun *post-mortem* ini belum dikeluarkan, belum digambarkan, banyak disebabkan oleh *human factor*. Kelalaian manusia dan saya kaitkan dengan rang undang-undang ini, kalau undang-undang itu ada. Hanya sekarang ini pelaksanaan. Sebagai contoh yang insiden yang berlaku dekat Pulau Langkawi. Kalau Jabatan Laut menggunakan kuasa yang ada

pada dia, benda ini tak berlaku. Boleh dielakkanlah. Kalau pastikan bahawa kapal itu mempunyai segala kelengkapan bagaimana yang ditetapkan di bawah *Merchant Act* ini, benda ini tak boleh berlaku, pasal semua canggih. Alangkan kapal di bawah, kapal selam yang begitu canggih itu yang tak pernah tengok darat pun dia boleh tahu mana nak pergi, ini pula kapal di atas air. Walau ribut macam mana pun tetapi kalau peralatan itu mengikut daripada manual yang diadakan, *no way* dia akan berlanggar, *no way!*

Tapi syarat itu ada. Hanya tidak dilaksanakan. Kadang-kadang pun saya tak tahulah, kadang-kadang industri perkapalan kita ini Yang Berhormat Menteri, ikut suka-suka sahaja dia orang ini. Macam contoh di Langkawi lagi ini ha. Saya baru dapat khabar daripada sahabat saya. Pengusaha feri senang-senang sahaja naikkan tambang RM2. Senang-senang sahaja naikkan RM2 di Langkawi. Dan yang kurang seronoknya apabila pengusaha feri naikkan RM2, orang akan kata "Ini apa kerja kerajaan ini!" Kerajaan juga kena. Walhal yang naikkan sewa itu orang berniaga. Ini serupalah macam pasal roti canai ini punya cerita. Tepung naik RM0.15, roti canai naik RM0.30. Ini orang berniaga ini.

Tadi sahabat saya kemukakan bahawa feri dekat Sabah, feri dekat Sarawak dapat subsidi minyak. Saya nak tanya juga feri dekat Langkawi ini dapat tidak subsidi minyak? Dan macam mana pula dia boleh naikkan harga RM2 suka hati dia? Yang setuju saya dia kena minta izin dahulu dengan Kementerian Pengangkutan kerana di bawah kuasa kementerian. Apabila kementerian kata *yes*, barulah dia naikkan. Ini suka-suka hati naik aja. Ini pun peraturan ada, akta ada tapi kalau kita tak ada ambil tindakan ha ini yang dia orang ini suka-suka hati.

Balik pada apa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Krai tadi. Walaupun Melaka dulu negeri maritim yang lama, tetapi tak adalah Pelabuhan Melaka semacam besar West Port, North Port, PTP. Yang ada dekat Melaka, pelabuhan ada dua pelabuhan untuk kapal besar. Satu Petronas, satu kapal dagang. Yang lain yang macam saya yang *involve* itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu *barter trade*. Pelabuhan kecil. Main kecil-kecil sahaja, tongkang-tongkang sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Menyampuk*] Cari makan aja itu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Cari makan. Tetapi apa yang saya nak persoalkan ini, bagaimana yang disebut oleh rang undang-undang itu, *designated area* ini. Kalau dulu mana-mana pelabuhan, *bounded* ke tak *bounded*, kuasa di dalam kawasan itu adalah kuasa syahbandar. Sekarang ini saya pun tak tahu kuasa siapalah. Macam dah *open to all*, dengan izin. Saya tengok Kastam masuk, syahbandar dah tetaplh syahbandar ini *Marin Department*. Ini yang terbaru ini Maritime Agency pun, dia pun datang *check* barang dalam pelabuhan. Patut dia jaga kat tengah-tengah laut. Dalam pelabuhan pun dia masuk! Saya pun tak tahulah ini Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini dengan izinlah, saya baru-baru ini ada kawan bawa saya pergi Dubai.

Saya tengok Pelabuhan Dubai, *free port* di situ kereta-kereta curi kat Malaysia itu banyak dipamerkan dekat Dubai dan kerajaan dia tahu yang kereta itu kereta curi. Saya pun tengoklah kereta itu, BMW Auto Bavaria, yang saya tahu Auto Bavaria ini syarikat ini ada dekat Malaysia sahaja. Dubai tak ada, negara lain tak ada. Jerman pun tak ada Auto Bavaria. Yang ada Malaysia sahaja, tapi tampal sana. Jadi saya kata mungkin kereta ini kereta curi dekat Malaysialah.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Ketawa*] Tapi oleh kerana negara itu *free port*, dia tak ada ambil tindakan, *free!* Bebas pada orang dia. Kau nak ambil kereta curi ke apa masuk negara dia *free port*, *free for all*. Itu kau salah, kau curi dekat Malaysia kau salah dekat Malaysialah. Kecuali kau datang dengan cara Interpol ke, minta tolong Interpol apa semua dia datangnya siasat. Tetapi apa yang saya nak sebut ini Tuan Yang di-Pertua, supaya pemikiran orang-orang kita yang mengendalikan pelabuhan ini biar terbuka sikit minda dia. Janganlah terlampau *narrow*. Kita nak jadi sebagai satu pelabuhan antarabangsa. Ini terlampau *narrow!* Macam cerita saya dahulu dengan Kastam, bercerita dalam mesyuarat, dalam mesyuarat, dalam Bilik

Pengarah. Kita minta tolong sikit, pejam matalah sikit. Dalam mesyuarat, tapi digembar-gemburkan seolah-olah saya berkira dengan Kastam kat luar.

Seorang Ahli: Betul. Aniaya aja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nianya. Walhal dalam mesyuarat. Apa sebab rahsia mesyuarat mesti keluar sampai ke luar? Hari ini dahulu pelabuhan *barter trade* Yang Berhormat Menteri, Kuala Linggi dahulu ada 300-400 orang pekerja, 27 syarikat yang beroperasi, hari ini bila dah kena hentam pelabuhan ini, tak sampai 100 orang. Syarikat pun banyak dah tutup. Pelabuhan yang dibuat oleh LKIM belanja RM25 juta, hari ini dah menjadi *white elephant*.

Seorang Ahli: Satu dua buah tongkang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Satu hari satu dua buah tongkang aja datang. Ha inilah. Kalau orang datang negara kita asyik nak meniaga kena tangkap. Silap sikit kena tangkap, silap sikit kena tangkap, siapa nak datang meniaga dengan kita? Bukalah sikit, bukalah sikit minda ini. Dan nombor dua Tuan Yang di-Pertua, saya pun nak tanya juga kerajaan. Ini berkenaan dengan pelabuhan-pelabuhan. Ini pelabuhan-pelabuhan adalah tempat strategik bagi satu negara. Kalau kita swastakan pelabuhan ini, betul ke cara dia? Banyak negara macam Indonesia, walaupun dia miskin, dia tak swastakan pelabuhan dia. Dia tak pernah swastakan pelabuhan dia kerana ini penting dan strategik untuk negara dia.

Kita pada hari ini swastakan habis. Kalau swastakan habis kepada GLC-GLC ataupun syarikat-syarikat, kalau bantu membangunkan anak-anak tempatan, kita boleh terima. Saya pernah bercakap dalam Dewan Parlimen ini macam dulu saya timbulkan tentang West Port Pulau Indah yang dah jadi Pulau India. Yang Berhormat Timbalan Menteri ketawalah. [*Ketawa*] Pergilah tengok!

Apa peluang yang dapat untuk anak tempatan Klang? Apa sudah pendapatan orang Selangor? *Everything*, semua *foreign labourers*. *Everything*. Daripada kerja sebesar-besarnya sehingga sekecil-kecilnya. Kita ingat kalau ada pun dia GLC, dia bantu kita. Dalam usaha hendak peniaga-peniaga tempatan, pekerja-pekerja tempatan tetapi sampai sekarang. Benda ini bila berlaku orang bising sajalah, setakat bising saja. Jadi, kita minta kerajaan kaji betul ada baiknya kita pergi hendak swastakan kawasan pelabuhan, apa semua. Yang mana swasta akan belanja lebih.

Tetapi ada juga penswastaan macam di Melaka itu saya tengok sudah 20 tahun pada SPPG, bukan makin lama makin maju. Makin lama makin teruk. Makin lama makin teruk dan banyak yang syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam *agreement* tidak dipatuhi kerana dalam syarikat itu, dalam peraturan itu kerana syarikat ini diberi keutamaan ataupun diberi kebenaran untuk memungut '*light dues-light dues*' daripada kapal-kapal yang datang dekat Pelabuhan Melaka.

Jadi, oleh kerana kebenaran dia buat macam tol lah. Satu kapal satu gred tan satu ringgit. Kalau lima ratus gred tan lima ratus ringgit. Jadi dia kerja itu sajalah, *collect* sajalah macam tol. Buat apa hendak besarkan? Saya sudah cakap berapa kali dengan kerajaan negeri Melaka. Saya tengok kaji balik peraturannya, bincang dengan *ministry*. Kalau misalan kata dia tidak mengikut peraturan itu, batalkanlah penswastaan itu dan ambil balik Pelabuhan Melaka itu. Tetapi sampai sekarang senyap. Bagaimana hendak berkembang? Saya *designated bounded area* ini saya minta.

Kalau dulu semua kuasa ini kuasa kepada Syahbandar, kuasa ini kepada pegawai laut. Jadi, kuasa ini kalau kita hendak jadi *marine nation* antarabangsa, diakui oleh antarabangsa, kita kena lihat benda ini. Kalau patut bagi kementerian untuk menambah bilangan kakitangan, bilangan kakitangan untuk jabatan laut ini perlu ambil pengambilan, ambil, kerana industri ini sedang berkembang di dalam negara kita. Banyak kapal-kapal antarabangsa pun sudah buka pejabat mereka sebagai hab mereka di kawasan Asia, saya kira kakitangan kita yang mewakili kerajaan dalam ini jabatan laut harus mainkan peranan dia untuk memberi servis kepada pedagang-pedagang, kapal-kapal saudagar ini supaya mereka *up to the world standard*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang DR9 2007. Saya tidak banyak yang hendak dibangkitkan seperti mana Yang

Berhormat Jasin. Saya rasa Yang Berhormat Jasin telah pun banyak menceritakan kepada kita sekalian mengenai dengan rang undang-undang ini dan juga cadangan-cadangannya. Saya berharap cadangan-cadangan itu dapat diberi perhatian yang khusus oleh pihak Kementerian Pengangkutan. Cuma apa yang saya hendak di sini ialah saya tetap menyokong rang undang-undang ini yang mana saya rasa ini adalah untuk mengemaskinikan lagi peraturan-peraturan kita. Dengan lain perkataan bahawa peraturan-peraturan ini dengan bertujuan untuk *regulate* peraturan-peraturan ini berjalan dengan lancar dan baik.

Persoalannya seperti mana Yang Berhormat Jasin, peraturannya cukup baik dan cukup kemas tetapi bila datang kepada pelaksanaan, bagaimana? Itu persoalannya. Satu lagi yang saya hendak bangkitkan juga mengapa tadi penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri setiap kali bila kita hendak buat pindaan ini apabila kita bercakap mengenai *safety and security*, selalu kita hubung kaitkan dengan peristiwa September 11, 2001. Apa kena-mengena dengan Amerika? Saya tahu kalaulah peraturan-peraturan itu sudah baik dan kita hendak kemaskinikan mengapa dihubungkan dengan September 11?

Begitu juga macam penjelasan-penjelasan yang lain, semuanya seolah-olah kita diarah oleh pihak Amerika. Setiap kali Amerika menjadi *benchmark* kepada kita, kita harus lihat apakah kehendak dan keperluan kita? Itu yang paling pokoknya. Ini komen saya mengenai itu, tetapi bukanlah saya tidak bersetuju dengan ini. Cumanya saya hendakkan kita mengemaskini segala macam peraturan ini menurut acuan kita. Apa yang kita mahu? Macam tadi dijelaskan juga di dalam ini mengenai dengan *Malaysian water*. Tiap-tiap kali bila kita cakap pasal Malaysia, lautan kita cukup besar. Kita menguasai sebahagian besar daripada lautan sama ada kita bersempadan dengan Laut India dan Laut China. Kita menguasai ini di tengah-tengah, di samping dikuasai oleh pihak Indonesia, kita yang terbesar yang menguasai perairan di kawasan ini.

Jadi saya berharaplah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Jasin tadi iaitu mengenai dengan latihan kepada pegawai-pegawai yang hendak bertugas di dalam jabatan ini, saya berharap kalau boleh cadangan walaupun saya tahu ada sebuah kolej yang mengendalikan tentang soal-soal pengendalian *port* dan juga perkapalan sebagainya. Jadi mengapa tidak, saya berharap cadangan datang daripada pihak kementerian untuk universiti terutama sekali kalau boleh Pulau Pinang ataupun mana-mana universiti mengendalikan kursus-kursus maritim sebab buat satu ketika kita adalah sebuah negara khususnya Melaka sebagai kuasa maritim yang terbesar. Kemudian, apabila kemudiannya diambil alih oleh pihak British, kita nampaknya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Akta ini sebenarnya untuk penambahbaikan. Walau apa pun dia punya perkara yang mencetuskan sama ada September 11 ataupun yang lain, tetapi yang terpenting sekali ialah bagi kepentingan dan keselamatan negara. Saya ingin bertanya, setakat manakah benar akta ini juga dibenarkan salah satu sebab ialah tentang masalah *human trafficking*.

Jadi maknanya kalau dilihat dengan izin daripada SSB ataupun ... *activity* itu, saya difahamkan bahawa aktiviti penyeludupan manusia dan bagi saya yang lebih serius penyeludupan dadah umpamanya juga terlibat, setakat mana kebenarannya. Kalau ia pun benar ataupun tidak, perkara ini wajar diberikan perhatian supaya *trafficking* yang melibatkan darat, laut dan udara ini sebenarnya dapat langkah pencegahan dimantapkan lagi. Apa pandangan daripada Sungai Petani. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Memang saya ada perkara itu yang saya akan bangkitkan juga iaitu mengenai *human trafficking* dan juga dadah. Soal senjata api juga saya akan bangkit nanti. Bersabar dan saya akan jawab seterusnya itu. Cuma yang saya hendak bangkitkan lagi ialah mengenai dengan macam saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat tadi yang mana saya akan menjawab iaitu saya akan bertanya dengan pihak Kementerian Pengangkutan dalam akta ini bagaimana kita hendak mengimplement akta ini?

Kita boleh *implement* kapal-kapal yang datang daripada negara kita. Bagaimana dengan kapal-kapal yang datang ke negara kita? Maksud saya bagaimana sesebuah kapal itu yang membawa senjata api, khususnya kalau kita dengar tadi Yang Berhormat Jasin, bagaimana dengan kapal selam ataupun *submarine* yang membawa bahan nuklear? Kalau berlakunya kemalangan di Selat Melaka ataupun laut dekat dengan Sabah atau Sarawak.

Bagaimana kedudukan kita? Yang ini kita harus bertegas dan harus kita ambil tindakan. Memang, negara kita sebuah negara yang kecil dan jika dibandingkan negara besar seperti Rusia dan juga Amerika Syarikat. Kita tidak ada kuasa untuk mengawal kapal-kapal yang membawa bahan-bahan nuklear. Apakah ini termasuk dalam akta dan apakah kedudukan kita? Boleh atau tidak kita bawa dalam soal maritim antarabangsa? Itu yang kita hendakkan dalam ini tetapi tidak disebut seperti bahan-bahan letupan nuklear. Ini cukup bahaya kepada *environment*. Bukan juga *environment*, kepada soal manusia, rakyat kita juga mesti diselamatkan terlebih dahulu daripada pihak yang berkenaan. Begitu juga penyeludupan senjata api yang mana kita tahu, kadang-kadang sukar untuk kita memantau kapal-kapal yang membawa senjata api daripada negara ke negara dan terus diseludup ke negara kita, termasuklah seperti mana Yang Berhormat Sabak Bernam bangkitkan tadi.

Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, apakah langkah selama ini yang diambil oleh pihak kementerian mengenai dengan kemasukan pendatang-pendatang haram melalui kapal-kapal kecil ataupun apa sahaja? Saya boleh bagi satu kenyataan, penyeludupan orang-orang Myanmar umpamanya. Baru-baru ini kami ke Langkawi dan banyak diceritakan mengenai penyeludupan orang Myanmar sama ada dari Thailand ataupun terus daripada Myanmar, masuk ke Langkawi. Ini menimbulkan banyak masalah kepada kita pada hari ini. Jadi, apakah langkah dan tindakan serta juga peraturan untuk mengambil tindakan kepada kapal-kapal yang membawa masuk pendatang-pendatang haram?

Dahulu kita dengar banyak kapal-kapal atau bot-bot yang membawa pendatang daripada Indonesia. Tanpa apa-apa surat dan tanpa apa-apa permit untuk masuk ke negara kita dan terus bersama dengan rakyat negara ini. Jadi, kita ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak maritim untuk betul-betul dan benar-benar dapat menyekat supaya ini tidak terus-menerus berlaku. Jadi, macam penyeludupan manusia daripada Myanmarlah yang saya hendak bangkitkan tadi,. Apakah langkah-langkah yang sudah dibuat dan diambil oleh pihak kementerian ini?

Selain daripada itu, yang dibangkitkan ini ialah mengenai dengan *safety* dan *security* selanjutnya. Jadi, apa yang kita hendak tahu, bagaimana undang-undang ini dapat memberi satu gambaran bahawa rakyat Malaysia ini benar-benar terlindung atau dilindungi dengan akta ini? Adakah ini kita kata sudah ada, tetapi masih dapat pelolosan daripada pihak-pihak yang berkenaan dari segi macam yang saya katakan tadi, membawa barang-barangan yang tidak dapat permit oleh pihak yang berkenaan?

Selain daripada itu, saya hendak bangkitkan juga tadi mengenai dengan operator-operator di sungai-sungai yang bukan di laut, tetapi di muara sungai masuk ke dalam. Apakah ia juga tertakluk kepada akta ini? Misalnya bot-bot yang membawa barang-barang daripada kuala masuk ke sebelah hulu, apakah ia tertakluk? Selain daripada itu, saya bangkitkan juga mengenai dengan pencemaran alam oleh sesetengah kapal, sama ada kapal daripada Malaysia, bot-bot daripada Malaysia ataupun daripada luar yang mencemar air. Terutama sekali sekarang ini menjadi kebimbangan saya ialah pantai-pantai yang didatangi oleh pelawat-pelawat kita, pelancong-pelancong kita. Kalau dia hendak mandi laut, saya lihat sekarang ini pun berlaku juga pencemaran. Air itu mengandungi minyak. Bot-bot kecil ini selalunya bila kita hendak berenang di laut, sudah terdapat minyak.

Jadi, apakah akta ini dapat mengawal bot-bot yang mencemar kawasan-kawasan perairan di pantai dan juga di sungai-sungai kita? Kadang-kadang dia curah sahaja minyak-minyak hitam daripada botnya ke dalam sungai, dan apakah tindakan oleh pihak kementerian dalam hal ini? Selain itu juga mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Jasin, mengenai dengan feri-feri dan kapal-kapal kecil yang membawa penumpang-penumpang tadi, adakah ia tertakluk dalam akta ini? Jikalau pun ia tertakluk, apakah kita sebagai pihak yang berkuasa, memastikan pemeriksaan dilakukan daripada semasa ke semasa untuk memastikan:

- (i) mereka membawa *life jacket* atau seumpamanya. Betul atau tidak betul, dia ada *life jacket*?; kemudian
- (ii) adakah keadaan kapal itu daif atau tidak ataupun bot dan feri dan sebagainya. Supaya apabila dia membawa penumpang, sentiasa selamat. Jadi, khusus misalnya, kalau kita feri daripada Kuala Kedah, Kuala Perlis ke Langkawi misalnya, apakah ia selamat? Ataupun bot-bot yang membawa penumpang-penumpang, katalah di Sarawak dan di Sabah, apakah ia juga selamat?

Ini yang kita hendak tahu daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil? Jadi, dari segi misalnya dia hendak *certified*, dia boleh buat *certification*. Macam kita kata, motokar-motokar kita di....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sila bagi jalan..?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Eh, sila...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik kerana dengan bot-bot yang daif ini. Yang Berhormat Sungai Petani terima kasih kerana memberi jalan. Ada terdapat bot-bot yang pernah berlaku kemalangan di antara Zamboanga dan Sabah dan ramai terkorban pada ketika itu. Apakah Yang Berhormat bercadang juga kepada pihak kementerian ini, tengok jenis bot-bot yang digunakan dan *barter trading* di antara Filipina dengan Sabah terutama sekali Pelabuhan Labuan yang amat disukai dan Pelabuhan Sandakan yang amat disukai yang *barter trading* ini, di antara Indonesia, Filipina dan Malaysia. Bot yang digunakan, adakah kita benarkan bot yang tidak mematuhi piawaian antarabangsa masuk ke negara kita?

Yang keduanya, feri-feri yang ingin saya sentuh lagi, feri antara Kota Kinabalu dan Labuan itu, seolah-olah macam *coffin* dengan izin. Ia tertutup sekali. Tidak ada angin, ia pakai *air-con* dan kalaulah apa-apa kemalangan, langgar batu kah, memang ia terus terjunam ke dalam laut. Apakah juga tindakan yang Yang Berhormat ingin cadangkan kepada kementerian untuk melihat perkara-perkara keselamatan feri-feri yang beroperasi di antara Kota Kinabalu dan Labuan? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Putatan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan terima kasih kerana Yang Berhormat membantu saya dalam hal ini. Ingin saya kemukakan soalan itu kepada pihak kementerian. Iaitu tadi saya bangkitkan mengenai dengan pensijilan ataupun *certification* daripada pihak kementerian apabila diberi lesen atau apakah, saya tidak tahulah bagaimana dia buat lesen dia, tetapi apakah pemeriksaan itu dilakukan? Dia mesti ada *certificate* bila dia hendak *certified*, *you layak*, *you berhak* untuk dapat lesen. Kemudian selepas itu, dia mesti menjamin bila kita capak fasal *safety*.

Macam saya katakan, adakah dia mempunyai *life jacket*, umpamanya? Kemudian dia mempunyai ruang-ruang yang tertentu sekiranya berlaku kemalangan, apakah dia boleh gunakan apa-apa barangan yang boleh menyelamatkan? Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan saya bangkitkan ini. Dia buat pemeriksaan itu betul atau tidak? Jangan sekadar buat pemeriksaan bila berlaku sahaja *accident*, baru ada pemeriksaan. Itu tidak guna, sudah terlambat. Jadi kita kena ada... dan saya mencadangkan juga bahawa kementerian Yang Berhormat supaya menambahkan lagi pegawai-pegawai yang terlatih, maksud saya ini. Pegawai-pegawai yang terlatih dalam bidang ini, hendak *certified* kapal.

Begitu juga saya tidak tahu, apakah tindakan pihak kementerian kepada bot-bot ataupun tongkang-tongkang yang datang dari luar umpamanya dari Filipina masuk ke dalam perairan kita, apakah syarat-syarat juga dikenakan ataupun tindakan dikenakan ke atas mereka sekiranya dia tidak menurut kita punya *safety*. Jadi saya bimbang ini, kadang-kadang kita boleh mengenakan syarat-syarat ini kepada kapal-kapal dan bot-bot kita tetapi bot yang masuk dari luar bagaimana dia punya *safety* dan dia punya sekuriti juga kita tidak boleh dapat dijamin.

Jadi saya hendak tahu daripada pihak kementerian apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dari segi maritim antarabangsa untuk mengawal perkara-perkara ini. Saya bimbang kalaulah tidak dilakukan pemeriksaan dengan betul takut seperti mana yang berlaku di Indonesia. Kapal-kapal yang sudah daif, tua dan tidak ada pun *safety*, apabila berlaku barulah bising sana sini, masuk dalam berita dan itu sahaja habislah. Kemudian pembesar-pembesar membuat lawatan dan sebagainya masing-masing keluar kenyataan itu dan ini, saya rasa sudah terlambat.

Sebelum dia terlambat baiklah kita mengambil langkah-langkah serta juga saya harap pemeriksaan itu dilakukan benar-benar untuk menjamin keselamatan atau dikatakan *safety* tadi. Akhir kata selain daripada itu saya ingin menyatakan juga kepada pihak kementerian sekali lagi, sebagaimana cadangan saya pada peringkat awal tadi iaitu pusat-pusat latihan kepada pegawai-pegawai di mana mereka juga di *upgrade* daripada semasa ke semasa iaitu dari segi tugas mereka menjamin profesionalisme mereka dan dapat dipertahankan. Tidaklah seperti kata Yang Berhormat bagi Jasin tadi, pegawai-pegawai yang tidak faham mengenai dengan laut, mengenai perkapalan kerana dia pegawai sahaja, dia pun tidak tahu dia *certify* terus itu dan ini.

Jadi kadang-kadang kita kena ada juga pusat latihan untuk *upgrade* kebolehan dan kemahiran mereka dalam hal ini. Selain daripada itu yang akhir sekali saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Oh maaf saya, saya dok tengok *time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan takut yang akhir sudah berapa kali sebut.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebab saya bin Mohd. Khir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu akhirlah?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Baik Tuan Yang di-Pertua, ini yang akhir betullah iaitu saya hendak tanya juga seperti mana sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin bangkit tadi, undang-undang ini adakah tidak ada pertindihan dengan Akta Kastam sebab bila penyeludupan kita kata ini bidang kastam bukan bidang maritim. Jadi pertanyaan saya, apakah akta ini tiada pertindihan dengan Akta Kastam dan Polis Marin dalam hal ini? Jadi saya tidak tahu masing-masing ada bidang-bidang tugas dia, orang ini kata oh ini menurut akta kami, penyeludupan.

Jadi penyeludupan katalah penyeludupan kepada barang-barangan macam tadi saya kata penyeludupan manusia, bagaimana ini penyeludupan juga. Jadi apakah ini nanti polis marin pula kata ini bidang kami ini bukan bidang kastam sebab dia seludup manusia bukan dia seludup barangan. Oleh yang demikian saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian ini apakah terdapat pertindihan-pertindihan dalam Akta Kastam, Akta Polis, atau apa-apa akta yang lainlah.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong pindaan ini untuk mengemas cuma pertanyaan saya ialah keberkesanan pelaksanaan akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, panjang tidak Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

12.54 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan saya pindaan ini dibuat adalah untuk mengetatkan peraturan berkaitan keselamatan di perairan Malaysia termasuk di Selat Melaka. Pindaan ini juga bertujuan untuk meluaskan kuasa Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ke perairan Labuan yang kini menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan yang selama ini mengguna pakai Ordinan Perkapalan Saudagar Sabah 1960.

Saya tidak punya apa-apa masalah untuk menyokong demi kebaikan negara tentang pindaan akta ini melainkan beberapa isu yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Kementerian, sebagaimana rakan-rakan yang lain menyebut tentang isu pertumpahan minyak dan pembuangan sisa toksik. Isu *human trafficking*, isu *organize crime* termasuk dadah, senjata api dan juga penyeludupan bahan-bahan yang berbahaya kepada keselamatan negara.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita lihat tentang isu pembuangan minyak ataupun tumpahan minyak dan juga pembuangan sisa toksik, dalam masa lima tahun kebelakangan ini saya tidak pernah membaca dalam mana-mana jurnal antarabangsa mengenai isu maritim ini ada kawasan-kawasan strategik seperti mana Terusan Panama, Selat Inggeris, Terusan Swiss dan seumpamanya yang berlakunya keberanian pihak-pihak kapal, saudagar ini membuang sisa-sisa toksik tetapi kita boleh membaca secara *detail* dan fakta tentang beberapa kapal-kapal saudagar yang begitu berani membuang sisa-sisa toksik ini di perairan Selat Melaka khususnya di perairan Tanjung Piai yang berhampiran dengan pelabuhan Singapura.

Adakah ini terjadi disebabkan kita kurang ataupun undang-undang yang ada dalam negara kita ini tidak digeruni ataupun kurangnya penguatkuasaan terhadap isu-isu ini. Jadi saya mengharapkan Kementerian ini dapat melihat dan fokus dalam isu ini kerana ianya memberikan kesan sampingan terhadap alam sekitar dan juga nasib nelayan-nelayan pantai yang bergantung hidup terhadap hasil tangkapan mereka. Saya mengharapkan bahawa ini tidak berlaku dengan kerap di perairan Selat Melaka dan tidak terjadi di perairan-perairan penting dunia sebagaimana yang dilaporkan dan saya mengharapkan dapat suatu perhatian daripada pihak Kementerian.

Kemudian saya melihat perusahaan perkapalan saudagar adalah suatu perusahaan yang menguntungkan kerana permintaan yang sangat tinggi sama ada di sektor domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Meskipun begitu nampaknya perusahaan ini dimonopoli oleh syarikat besar atau syarikat asing. Perkembangan Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas banyak menyumbang kepada perusahaan ini. Umpamanya dilaporkan bahawa perkembangan antara tahun 2000 hingga 2003 adalah sebanyak 116% peningkatannya. Ini laporan yang saya petik daripada *'Doing Business in Malaysia'* yang mengesahkan daripada 100 syarikat yang beroperasi di pelabuhan-pelabuhan Malaysia, 63 daripadanya adalah syarikat asing.

Antara syarikat besar yang beroperasi di Malaysia adalah International Shipping Corporation, Malaysia Bark Carrier Berhad, Wawasan Shipping Sdn. Bhd., Konsortium Perkapalan Berhad, Kontena Nasional Berhad dan Halim Mazbin Berhad. Kajian oleh Maritime Institute of Malaysia (MIMA), pada tahun 2001 mendapati kira-kira 4.4% perjawatan dalam industri ini dikuasai oleh warga asing. Antara faktor-faktor yang menghalang penyertaan warga tempatan ialah penurunan tawaran biasiswa kerajaan untuk program *cadetship* dan kekurangan tawaran pekerjaan. Kajian yang dibuat oleh MIMA ini pada tahun 2004 juga menunjukkan hasil yang sama tanpa ada kenaikan ataupun penurunan.

Ini menunjukkan kerajaan tidak serius dalam memberikan inisiatif dan daya usaha untuk memastikan perkembangan berterusan warga tempatan dalam bidang perkapalan ini. Oleh itu saya minta suatu kepastian yang jelas daripada pihak kerajaan tentang usaha-usaha untuk mendidik warga negara Malaysia untuk bersaing, untuk lebih kompetitif dalam pasaran yang semakin sengit ini. Satu kajian yang dibuat oleh Maritime Economics and Logistics 2004 mendapati bahawa dalam sektor-sektor seperti kejuruteraan, warganegara Malaysia cuma mengambil bahagian seramai 916 orang sahaja sedangkan 1,500 jurutera bidang ini masih lagi dikuasai oleh warganegara asing.

Dalam bidang *deck crew* sebagai contoh, warganegara Malaysia cuma 767 orang tetapi warganegara asing menguasai 1,883 orang. Dalam bidang *engine crew* sebagai contoh, warganegara Malaysia cuma 778 orang sedangkan warganegara asing 1,010 orang *and other crew* sebagai contoh kita cuma ada 582 orang warga tempatan tetapi warga asing ialah 3,589 orang. Oleh itu kita punya nisbah 1:15 dan ini sangat membimbangkan kita dan ini menunjukkan mungkin kita punya satu pelabuhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambung? Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Dengan ini saya jemput Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyambung semula ucapan beliau.

2.33 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya katakan tadi, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 pula menyatakan bahawa 75% daripada krew kapal Malaysia hendaklah terdiri daripada pekerja tempatan. Namun terdapat kapal Malaysia yang melanggar undang-undang ini dengan menggajikan 100% krew asing. Faktor yang menyebabkan kekurangan pekerja tempatan adalah kerana gaji yang sangat rendah. Kapten Sapuan Sarpan, Presiden *Malaysian Maritime Association* mengatakan krew tempatan tidak dibayar menurut skala gaji yang sepatutnya. Contohnya seorang *deck cadet* hanya mendapat gaji asas RM370 sebulan dan RM600 sebulan selepas dua tahun berkhidmat. Kadet enjin yang mempunyai diploma memperoleh RM500 hingga RM600 sebulan berbanding dengan pemegang ijazah, diploma yang menunjukkan kerajaan tidak serius dalam usaha untuk memastikan perkembangan berterusan pekerjaan dalam sektor ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan, iaitu apakah Yang Berhormat memikirkan bahawa masanya sudah tiba bukan sahaja untuk mana-mana pihak bahkan kerajaan meletakkan satu peraturan bahawa gaji ini kena difikir mengikut kesesuaian kerana keadaan dunia sudah berubah. Gaji kakitangan awam sudah meningkat, bayangkan bagaimana dia berbulan-bulan berada di laut dengan gaji RM300 lebih, RM600 lebih, sedangkan hasil dagangan itu meningkat, bermakna pengusaha-pengusaha perkapalan saudagar ini merupakan lintah darat, iaitu memerah tenaga pekerja-pekerja sehingga kita gagal melahirkan pekerja-pekerja perkapalan yang mahir dan terpaksa mengupah orang luar, minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Satu pandangan yang cukup bernas dan saya masukkan ucapan Yang Berhormat dalam ucapan saya, terima kasih. Jadi saya bersetuju dengan pandangan itu, jangan jadikan profesion ini sebagai zaman dahulu kala. Kerja kapal ini anak-anak yang lari dari kampung, yang merajuk dengan ibu bapa, yang putus cinta, belayar kapal. Itu dahulu, 30 tahun dahulu, tetapi hari ini saya merasakan dengan perkembangan yang ada dalam negara kita seharusnya sumber tenaga manusia ini diberikan suatu nilai tambah *value added*, supaya kita dapat melahirkan insan-insan yang memberikan sumbangan besar terhadap industri ini.

Kita tidak mahu Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebagai contohnya dalam berkongsi pengalaman tadi, mungkin satu hari besok, kita punya pelabuhan setaraf dengan Rotterdam ataupun setaraf dengan Dubai, seumpamanya mungkin kita ada *first class* infrastruktur, tetapi penguasaan teknologi, penguasaan sumber manusia dikuasai oleh warga negara asing. Ini yang kita tidak mahu. Oleh itu saya mengharapkan kerajaan mengambil satu tindakan yang proaktif di dalam menyediakan - pusat-pusat ini sebagai contoh, pusat perkapalan di Melaka, perlu untuk melihat modul-modul yang terkini di dalam menyediakan pakar-pakar di dalam bidang perkapalan ini.

Sudah sampai masanya dikaji modul-modul ini sama ada ianya bertepatan ataupun *at par* dengan perkembangan teknologi perkapalan yang ada pada hari ini. Jadi saya sangat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh sahabat kita dari Kinabatangan tadi, terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, laporan mengenai Pelan Pemulihan Ekonomi Negara daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara pula menggesa kerajaan

untuk meningkatkan kapasiti perkapalan negara. Pada masa yang sama kapal Malaysia merupakan hanya 0.54% daripada jumlah kapal saudagar di dunia. Ini satu kadar yang kita jauh keciciran kalau kita hendak membandingkan dengan potensi-potensi yang terpaksa kita hadapi pada hari ini.

Kemudian kita melihat dalam sektor ini juga bahawa kita perlu mengembackan bagaimana kita melihat tentang aspek sejarah yang disebut tadi, bahawa kita pernah mencipta nama Selat Melaka, kemudian pelabuhan Melaka menjadi tumpuan kepada pelayar-pelayar dan pelabur-pelabur asing pada waktu itu. Vasco Da Gama Ferdinand Magellan dan seumpamanya menjadikan Melaka sebagai satu destinasi...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ... dan sejarah ini perlu dilihat sebagai satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ... inovasi bagi kita maju terus ke hadapan. Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya bangun pasal Yang Berhormat banyak sebut Melaka tadi, Vasco Da Gama, Selat Melaka dan sebagainya. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat tentang peratusan kapal-kapal di Malaysia 0.54% daripada jumlah kapal di dunia. Bolehkah Yang Berhormat berikan saya satu perbandingan (*comparative*), adakah 0.54 itu baik atau tidak baik, kita pun tidak tahu. Apakah normal *acceptance level* itu yang jumlah kapal dengan saiz Malaysia, keluasan laut dan sebagainya 0.54%, terlalu rendah, tinggi, dekat mana kita tidak tahu. Boleh Yang Berhormat ceritakan sedikit perbandingan dengan negara lain di dunia, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya dari Tangga Batu. Peratusan yang saya petik adalah laporan daripada Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang memberikan pandangan mereka, bahawa dengan angka 0.54% ini mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya memikirkkan dengan serius bagaimana kita perlu lebih bersaing dengan jumlah kapal yang berlabuh di dalam pelabuhan kita.

Sebab kita ada, kita punya tiga atau pun empat pelabuhan yang telah mencipta nama. Sebagai contohnya, kita ada North Port, kita ada West Port, kita ada PTP dan kita ada Pelabuhan Pasir Gudang di mana mengikut laporan ini tidak menjelaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, tetapi ia memberikan suatu unjuran bahawa kita perlu meningkatkan keupayaan kita untuk bersaing kerana ini tidak padan dengan kemajuan pesat yang sedang kita bina dari segi infrastrukturnya seperti di Pelabuhan Klang, di PTP dan juga di Pelabuhan Pasir Gudang.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Kemudian sebagai akhirnya yang saya hendak sebutkan di sini ialah tentang bagaimana seriusnya kerajaan mewujudkan apa yang dikatakan *supporting services*. Apa yang dikatakan servis atau perkhidmatan-perkhidmatan yang memungkinkan kita pada suatu hari esok menjadi suatu hab di rantau Asia Tenggara ini.

Kalau kita melihat jenama-jenama seperti *Lloyd* yang menguasai samudera antarabangsa ini mereka mencipta nama bukan sekadar mereka punya perkhidmatan kapal yang membanggakan, tetapi kita melihat mereka juga menguasai insurans dan juga *legal services*, perkhidmatan undang-undang iaitu perkhidmatan yang mereka berikan terhadap industri ini.

Oleh itu, saya ingin mendapat kepastian adakah kerajaan Malaysia hari ini benar-benar telah mengoptimumkan, kita telah benar-benar mengoptimumkan perkhidmatan sokongan ini? Kalau kita melihat satu laporan yang dibuat selepas *post 11 September* ini telah memasukkan Selat Melaka sebagai kawasan yang dikatakan *war risk* dengan izin iaitu kawasan yang mungkin ada risiko peperangan yang sudah tentu kapal-kapal ini akan dilindungi dengan insurans yang begitu tinggi dan tidak mungkin ada suatu syarikat insurans tempatan yang mampu untuk bersaing.

Sebab itu kalau kita melihat kapal-kapal ini kebanyakan didaftarkan di Panama, didaftarkan di negara-negara seperti Belanda, banyak kapal-kapal ini didaftarkan kerana mereka telah bukan sekadar memberikan suatu sokongan kepada infrastruktur yang hebat tetapi juga kepada sektor-sektor sokongan seperti insurans dan juga perkhidmatan guaman, undang-undang yang meyakinkan. Oleh itu saya berharap supaya di samping kita memikirkan tentang peningkatan modal insan, pembinaan skil, kompetensi dan seumpamanya jadi sektor sokongan ini perlu juga diambil kira supaya kita tidak hanya dilihat sebagai hanya sebuah negara yang mungkin boleh memberikan perkhidmatan pelabuhan yang baik tetapi kita tidak dapat memberikan perkhidmatan sokongan yang memang sangat diperlukan dalam industri perkapalan ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua lagi Yang Berhormat ingin berucap. Saya berikan Yang Berhormat Ketereh, sila. Lepas itu Petrajaya.

2.44 ptg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang yang sangat-sangat bagus dan dialu-alukan iaitu Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 yang akan terus diextend ke Sabah dan Sarawak.

Sebagai mukadimahnyanya, saya ingin menyatakan bahawa kita semua tahu negara Malaysia atau kepulauan Melayu ini dahulunya adalah negara maritim. Kita pernah terkenal sebagai negara perkapalan dan sekarang ini kita sedang berlumba-lumba untuk memperkukuhkan sistem perkapalan kita. Saya yakin *the spirit of this law* dengan izin, undang-undang ini dibuat adalah semata-mata kerana desakan daripada negara luar mengenai *safety* atau keselamatan kapal-kapal yang masuk ke dalam pelabuhan-pelabuhan kita dan melalui perairan-perairan kita. *This is a reaction* dengan izin *to the September 11*.

Tetapi apabila saya meneliti sepintas lalu, saya tidak meneliti secara *detail* tetapi saya sudah melihat satu persatu daripada akta ini, saya dapati terdapat beberapa *glaring* dengan izin *omission* atau satu peninggalan perkara-perkara yang tertinggal yang menyebabkan saya sebagai seorang *qualified hydrographer, I am a surveyor and I have my second degree in hydrography*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta izin cakap bahasa Inggeris.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya, saya sudah minta izin banyak kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Hydrographer* dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam Bahasa Kebangsaan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dalam bahasa Melayunya Juruukur Hidrografi, sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Samalah. Saya pun tak faham lah Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak menterjemah macam mana. Tak boleh kata juruukur ayak di Kedah, tak boleh. *Hydrographer* ini maknanya dia mengukur kedalaman laut.

Kalau kita datang ke sebuah negara atau sebuah bandar macam Yang Berhormat Datuk pergi ke Rome baru-baru ini, Yang Berhormat berjalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada pergi bersama.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya alhamdulillah, Yang Berhormat jemput saya sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal apa Jerai tak panggil?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bukan profesional itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, ya. [Ketawa]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kita akan cari peta, peta jalan hendak tahu jalan di mana, bukit di mana, lorong di mana, sungai di mana. Apabila kapal jalan laut dia hendak berjalan dia *look for chart*. *Chart* nama dia dengan izin. Bahasa Melayu, *chart* juga iaitu yang akan menentukan laut mana hendak lalu, *passage* mana hendak lalu, laluan mana yang dalam, di mana ada *shoal* dengan izin. *Shoal* ialah batu karang, di mana ada *ship rap*, kapal yang telah tenggelam lama supaya tidak berlanggar. Tetapi kalau tidak ada *chart* ini kapal itu akan tak tahu ke mana dia akan pergi berlanggar sana, berlanggar sini.

Dalam akta ini tidak langsung dinyatakan keperluan untuk kita mengadakan a *safe passage* atau *safe* laluan dengan izin. Tak ada. Bahkan dalam meletakkan kuasa-kuasa menteri untuk menteri *regulate* atau dalam kata lainnya ada kuasa menteri boleh *regulate*, pun tidak ada.

Persoalan yang saya hendak tanya, sejauh mana *chart* pelabuhan-pelabuhan kita ini dikemaskinikan. Sejauh mana sungai-sungai kita, muara-muara sungai kita ini diambil peta lautnya atau chart tadi supaya kita tahu kapal *navigable* atau tidak dengan izin. Boleh lalu atau tidak. Boleh sampai ke mana kalau Sungai Sarawak sebagai satu contoh daripada Kuching sampai ke mana *navigable* nya dengan izin kena banyak lagi izin kerana tidak ada istilah. Saya pun tak jumpa cari.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ini persoalan besar yang saya ingin timbulkan dalam rang undang-undang ini. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri kena jawab. Memang kita bercakap ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sila. Sungai Kinabatangan bagaimana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Ketereh. Apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa akta yang hendak kita luluskan ini, cuma untuk memenuhi kehendak antarabangsa tanpa memikirkan ada perkara-perkara yang terlalu penting perlu dimuatkan dalam akta ini. Minta penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Wah, dia lambung bola. Dia lambung bola. Tetapi saya sebagai seorang yang tak pernah main *striker* tak boleh *smash*. Saya main tekong takraw, jadi takraw dia tekong dia lambung bola juga. Saya lambung bola ya?

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Pertanyaan Yang Berhormat saya tidak boleh hendak jawab. Tetapi saya rasa antara ya dan tidak. Keperluan untuk mengadakan rang undang-undang ini adalah satu keperluan. *We have to do it* dengan izin sebab kalau tidak dia akan dilihat kita sebagai sebuah negara yang tidak sensitif kepada masalah keselamatan, *security*. *It's about security* dengan izin. Tetapi dalam kita menentukan *security*, dalam hal ini hanya kapalnya sahaja, *Surveyor General* yang disebutkan dengan izin dalam *Surveyor General* ini kalau dalam istilah ukurnya adalah Ketua Pengarah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lagi seorang *surveyor*, Putatan bangun.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey, saya belum habis, okey.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kerana sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh ini memang pakar dalam bidang hidrografi. Saya harap perkataan itu diterima oleh Yang Berhormat sahabat saya dari Jerai. Hidrografi, Yang Berhormat bukan hidegrapi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mungkin Yang Berhormat, kita boleh kata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu Peraturan Mesyuarat? [*Dewan riu*][*Ketawa*]

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Saya tertarik kerana saya lihat memang benar apa yang diutarakan oleh sahabat saya dari Ketereh. Memang benar. Saya seorang juruukur juga dan saya lihat *navigation our map* dengan izin atau peta *navigation* ini memang ... saya rasa jarang, ...jarang sekali dikemaskinikan.

Apabila kita lihat permukaan laut yang berhadapan dengan Kota Kinabalu itu, agak berubah tetapi dalam peta ini masih lagi yang mungkin tahun 60-an. Sutera Harbour tidak nampak dalam peta. Ini saya bagi *guarantee* .

Tetapi dalam peta ini, masih lagi mungkin yang tahun 60-an. Sutera Harbour tidak nampak dalam peta. Ini saya bagi *guarantee*. Saya bersetuju sekiranya ini diambil kira oleh, kalau Yang Berhormat bagi Ketereh setuju tadi, dipohon oleh kementerian untuk memasukkan satu daripada akta keselamatan laluan-laluan kapal terutama sekali dekat pantai.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Benar apa yang diperkatakan oleh Putatan. Itu dinamakan *siltation*, dengan izin. Maksudnya apabila aliran daripada sungai turun, dia akan bawa bersamanya lumpur, selut dan sebagainya ke muara sungai. Jadi muara sungai akan semakin hari semakin tohor, semakin hari semakin dangkal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap, saya belum habis hendak jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, saya hendak perbetul bahasa tadi, ada bahasa Melayu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Oh.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Bahasa Malaysia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bahasa Malaysia. Tadi Yang Berhormat kata bahasa Inggeris, *hydrographic* kan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebenarnya kalau bahasa Malaysia, ia jadi 'judalaut'. [*Ketawa*] 'Judalaut' - juru ukur dasar laut.

Seorang Ahli: Dia buat sendiri.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia buat sendiri, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Juru ukur dasar laut - judalaut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ejaan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: J-u-d-a-l-a-u-t.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, belajar dari mana, Yang Berhormat? [*Ketawa*] Tiba-tiba faham...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak boleh terima, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak boleh terima. Sebab dia bukan ukur dasar laut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yalah, hendak tahu laut dalam ataupun tidak, dia kena ukurlah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia tidak ukur di bawah, dia ukur di atas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau dia ukur di atas, macam mana kita tahu dalam atau tidak.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ha, itulah teknologinya, dia pakai *echo sounder*, dengan izin. [Disampuk] [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya setuju. [Ketawa] Tarik baliklah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Echo sounder* adalah satu alat yang digunakan bukan sahaja oleh juru ukur hidrografi ini tetapi juga oleh nelayan untuk mengesan apa-apa benda yang berada di bawah laut, dihantar melalui sistem *electro magnetic wave*, dengan izin, kemudian dia akan timbal balik. Kalau jumpa ikan yu di bawah itu, kita ingat batu, tetapi kita pergi esoknya tidak ada, rupa-rupanya ikan yu ataupun mungkin ikan paus. *That's called echo sounder*, dengan izin, Jerai, boleh faham?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Echo sounder* saya faham kerana nelayan pakai itu untuk *trace* ikan...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...supaya dia tuju ke tempat ikan. Tetapi ini bila hendak ukur dasar laut, perkataan dalam bahasa Inggeris itu hendak dialihbahasakan dalam bahasa Malaysia....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Diterima dalam Kamus Dewan sebagai hidrografi. H-i-d-r-o-g-r-a-f-i [Mengeja perkataan tersebut].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bila kita ubah balik ke bahasa kita, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, itu boleh bincang selepas ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey, saya berbalik kepada...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya akan berunding dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya berbalik kepada apa yang saya sebutkan tadi. Bila *siltation* ini berlaku, dengan izin, iaitu muara sungai sudah berubah kerana hasil daripada banjir dan sebagainya, dan kita tidak *update*, kita tidak kemas kini *chart* tadi atau peta laut itu, dengan sendirinya maka sungai itu jadi tidak *navigable*. Ini merupakan satu aspek keselamatan yang harus difikirkan. Sebab itu dalam rang undang-undang ini, hujungnya dia kata tidak ada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap, sekejap, saya belum habis lagi. Saya akan bagi. Dia kata tidak ada kos kepada kerajaan. Memang dari segi *safety*nya, tidak ada kos kepada kerajaan tetapi kalau dimasukkan elemen ukur hidrografi tadi, dia akan ada kos kepada kerajaan sebab menteri sepatutnya mempunyai kuasa untuk menentukan bahawa muara sungai, pelabuhan, kuala sungai, hendaklah mendapat ukuran yang betul supaya perjalanan kapal-kapal besar, kapal-kapal laut adalah mendapat keselamatan yang terjamin kerana *passagenya* itu adalah betul dan benar. Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Hari ini, Yang Berhormat Ketereh, bukan sahaja muara sungai itu berubah disebabkan oleh perubahan semula jadi. Apa yang lebih menyukarkan, perubahan persekitaran pantai kita akibat pembangunan timbusan manusia dan dibuat perumahan-perumahan ataupun *shopping complex*. Tetapi di peta yang asal, masih tidak berubah. Jadi ini merupakan satu malapetaka, pada saya, dan kementerian ini yang bertanggungjawab dan kerajaan harus melihat bahawa perubahan itu sudah beredar 20 - 30 tahun tetapi peta yang sedia ada masih tetap yang dahulu juga. Minta pandangan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya, itu memang benar. Mungkin semasa membuat Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar ini, perkara ini tidak diambil kira tetapi untuk makluman Ahli-ahli Dewan dan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian *Transport* ini, Kementerian Pengangkutan ini juga setiap tahun ada *concession* untuk menggali muara-muara sungai, 30 ke 50 muara-muara sungai yang perlu digali. Tiap-tiap tahun perkara ini berlaku yang diberi secara *concession, direct* kepada beberapa syarikat yang saya pun tidak ingat nama di sini – *one of them is something* Kiara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selepas pergi *Europe*, bahasa kebangsaan sudah lupakah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bukan, istilahnya, Yang Berhormat. Bukan saya lupa. Saya tidak akan lupa bahasa saya. Saya anak bangsa yang sentiasa sayang kepada bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab banyak kali sebut *English*.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Oh, sebab istilah ini adalah istilah saintifik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya cuba hendak pergi teknikal. Sebab itu dalam perkara ini disebut *marine facility*, dia sebut *interim certificate*, jadi saya terpaksa *response*, dengan izin, bertindak balas kepada perkara ini. Okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan dan Jasin.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Siapa dahulu bangun?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Jasin bangun dahulu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ha, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Ketereh. Saya agak seronok mendengar Ketereh, Jerai bercerita tentang *navigation* punya *chart*. Sedar atau tidak, Ketereh, bahawa kebanyakan sekarang ini, *in the market* di Malaysia ini, industri perkapalan semua *chart* dia, peta dia, pelan dia, semua beli dari Singapore. Kalau di Malaysia ini susah cari, Tuan Yang di-Pertua. Semua beli di Singapore. *So* yang membuat kerja hidrografi yang ada di dalam negara kita hanya Royal Malaysian Navy. Itu pun dalam aspek-aspek keselamatan untuk ketenteraan kita.

Tetapi untuk *private*, hari ini kena beli di Madison, Singapore. Di Malaysia tidak ada. Adakah juru-juru ukur di Malaysia ini tidak ada keupayaan? Mengapa tidak? Ini kan satu peluang perniagaan, termasuk Yang Berhormat dan juga Putatan. [Ketawa] Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sebenarnya yang diperkatakan oleh Jasin...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah Yang Berhormat dok masukkan supaya dia pun boleh cari makan sedikit.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Oh, *no, no, no, no, no!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya minta Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tarik balik. [Ketawa]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ha, tolong. *No, he has got nothing to do with business. No,* dengan izin. Tidak ada kena-mengena dengan perniagaan. Perniagaan satu hal. Kita bercakap tentang akta. Sebab kawan-kawan banyak sangat mencelah, saya tidak habis ayat. Sebelum saya respons kepada Jasin, saya sebut tadi, *Ministry of Transport* ada buat penggalian muara sungai. Tetapi sebelum gali, dia kena tahu hendak gali di mana, hendak gali berapa dalam, hendak gali sejauh mana, tebing mana.

Selama ini konsultannya adalah jurutera, bukan juru ukur hidrografi. *All these while,* dengan izin, sehinggalah bulan lepas saya bertemu dengan Menteri Kewangan, saya beritahu dia, kita kena perbetulkan perkara ini sebab saya berada dalam Lembaga Juru Ukur Tanah Malaysia, dilantik oleh kerajaan untuk melihat masalah mereka. Saya kata, *this is something,* ini perkara yang perlu diperbetulkan. Barulah tahun ini Kementerian Kewangan meminta kementerian Yang Berhormat untuk membetulkan *discrepancy,* dengan izin, atau tidak kebetulan ini. Akhirnya *engineer* tadi akan cari juru ukur hidrografi untuk buat kerja. Jadi *another professional* jadi kuli kepada *another professional.*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey, habis tajuk itu, dengan izin.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya terlupa tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul melalui sahabat saya dari Ketereh oleh kerana saya pun seorang juru ukur. Sebelum Yang Berhormat bagi Ketereh melanjutkan ucapan beliau, saya ingin minta penjelasan kalau bersetuju dengan saya. Oleh kerana kita menyentuh soal perkapalan kapal-kapal yang besar, kapal-kapal yang gunakan laluan kapal di pantai-pantai kita, kita tidak harus lupa juga bot-bot yang kecil, yang nelayan-nelayan ini kadang-kadang apabila di masa kecemasan, sukar untuk mendapat tempat di mana tempat kemalangan itu oleh kerana mereka ini menggunakan pengalaman mereka sendiri.

Jadi adakah Yang Berhormat setuju dengan saya kalau kita cadangkan kepada pihak kementerian untuk masukkan satu akta yang mewajibkan *datum* untuk lokasi bot-bot yang kecil ini melalui dengan *ground datum* supaya mereka boleh dikesan oleh pihak penguatkuasaan ataupun keselamatan kita dengan cepat yang mungkin untuk keselamatan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Putatan. Saya harap saya tidak perlu memberi definisi apa itu pula '*datum*', ia akan pergi kepada teknikal. Tetapi apa yang Putatan cuba sebutkan tadi ialah masalah sekuriti tidak sahaja mengenai kapal itu, tidak sahaja mengenai pelabuhan itu, tetapi kita juga harus mengambil kira masalah *passage,* laluan, atau *navigational passage* atau laluan perkapalan yang harus kita fikirkan. Sebab dalam akta ini, memang akta yang cukup bagus dalam hal-hal mengenai kapal. Tetapi perkapalan atau *navigation* tentu ada definisinya. Saya yakin seorang peguam seperti Petra Jaya yang akan berucap selepas saya ini akan memberi definisi apa itu *navigation of passage* yang akan menceritakan dalam membuat undang-undang ini mesti difikirkan secara keseluruhannya bukan hanya satu aspek.

Saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana saya tengok dari segi aspek kapal, pemeriksaannya, soal marinnnya, soal kemudahannya dalam hal pelabuhan itu sendiri memang terkawal dan saya ingat *almost perfect*. Tetapi persoalan yang saya timbulkan tadi adalah juga sebahagian daripada akta perkapalan yang harus difikirkan dan dimasukkan. Mungkin tertinggal, mungkin *overlooked* dengan izin, tetapi apa pun ianya perlu dititik beratkan supaya Yang Berhormat Menteri boleh menguasai perkara tersebut, Menteri boleh mengubah dan menggubalnya.

Akhir sekali saya hendak sebut dalam soal yang kemudian sedikit ialah soal penguatkuasaan. Saya bersetuju, saya hendak *react* dengan Jasin kata tadi, saya tidak respons. Jasin kata tadi *chart* memang dibeli di Singapura. Memang betul, sebab di negara kita ini semua urusan membuat *chart* atau *charting* ini adalah kerja bahagian hidrografi tentera laut, tetapi untuk soal keselamatan. Sedangkan negara kita adalah negara maritim. Jabatan Hidrografi tidak membuat *chart*, dia hanya beli *chart*. Juru ukur yang *qualified hydrographer* ini pun sebenarnya tidak ramai, syarikat-syarikat yang ada *hydrographer* ini juga tidak ramai, tetapi saya rasa ini adalah satu perkara yang kerajaan perlu titik beratkan kerana kita hendak menjadi negara maritim, kita dah ada *submarine*, kita sudah ada pelabuhan West Port, East Port Penang, kita sudah ada pelabuhan kecil, kita sudah di Melaka, di Umbai dan sebagainya, perkara ini perlu dititik beratkan.

Kalau kita hendak jadikan Langkawi sebagai satu pulau yang penuh dengan maritim, di mana kapal-kapal layar boleh datang, *sailor* atau seorang pelayar kali pertama dia hendak masuk sahaja dia akan cari *chart*, *whether the chart is update or not*. Kemas kini atau tidak, *chart* ini tahun berapa. *Chart* yang ada pada hari ini adalah *chart* yang datang pada zaman British menakluki, Kapten Francis Light yang dulu datang. Kemudian *update* sedikit demi sedikit bila ada keperluan.

Saya hendak minta Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama jabatan laut, mungkin, atau bahagian tentera laut memikirkan secara keseluruhan. Sejauh mana pantai kita ini harus ada *chart*. Sebab, khazanah laut ini adalah sangat-sangat berharga. Kita ada gas, kita ada ikan, kita ada berbagai-bagai perkara yang ada di bawah lautan yang harus menjadi sebahagian besar daripada undang-undang ini pada saya. Sebab, kapal antarabangsa, kapal perdagangan, sekarang ini seolah-olah undang-undang ini hanya fikir soal kapal perdagangan bila berada di pelabuhan sahaja, bila keluar pelabuhan tidak ada. Sebab kita memikirkan soal tekanan daripada negara barat mengenai September 11. *Your port must be safe* itu sahaja, orang yang bawa bom, orang yang bawa bahan-bahan letupan. Tetapi, bagaimana dengan laluan? Laluan Selat Melaka? Berapa kali kita ada *chart*? Mungkin *international body* yang buat, tapi Malaysia mungkin tidak ada. Pantai Timur? Sabah, Sarawak, Sungai Sarawak, Sungai Kelantan, Sungai Kinabatangan dan sebagainya? Ini harus difikirkan secara menyeluruh oleh Kementerian Pengangkutan. Sebab pada saya, dulu kita bercakap pengangkutan, kita bercakap pengangkutan darat sahaja. Sekarang, hari ini kita bercakap tentang pengangkutan laut yang merupakan sumber ekonomi yang terbesar kepada negara kita.

Saya pohon supaya teguran-teguran saya atau pandangan saya ini diambil secara positif, begitu juga dengan kawan-kawan yang mencelah. Tujuannya adalah semata-mata untuk memperkukuhkan rang undang-undang ini supaya menjadi undang-undang yang boleh dipakai ramai untuk setiap masa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Petra Jaya dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Sila Yang Berhormat.

3.05 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya menyambut baik kepada pindaan ini, cuma saya berdiri untuk mendapat penjelasan daripada pihak kementerian setakat mana perkara akta ini atau rang undang-undang ini di bawa perundingan di peringkat kerajaan negeri.

Sebagaimana kita sedia maklum, Sarawak adalah negeri yang begitu banyak sungai. Kalau kita melihat rang undang-undang ini sebenarnya di bawah Perlembagaan Persekutuan kita, ada beberapa perkara yang dikatakan, memang kalau kita bercakap tentang perkapalan, bidang kuasanya ialah Kerajaan Persekutuan. Tetapi, ianya juga melibatkan *concurrency powers* dengan izin di bawah Artikel 79

Perlembagaan. Di mana di bawah perlembagaan ini, berdasarkan bidang kuasa ordinan di Negeri Sarawak, kapal yang di bawah 15 tan adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Jadi di sini kita melihat bahawa rang undang-undang ini akan menghapuskan *Merchant Shipping Ordinance* 1960, Negeri Sarawak dan akan digantikan keseluruhannya dengan akta ini. Cuma dalam beberapa perkara yang saya ingin sentuh, komen pertama saya sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya tadi Yang Berhormat daripada Ketereh adalah berkaitan dengan definisi iaitu *shipping and navigation* dengan izin, perkapalan ataupun navigasi dan juga termasuk tergolong dalam definisi tersebut ialah trafik.

Kalau kita melihat pada *Federal Constitution*, ataupun Perlembagaan Persekutuan, ianya memberi *separate* ataupun *distinct expression* berkaitan dengan *shipping, navigation* dan *regulation of traffic*. Jadi *shipping* kalau kita melihat kepada ini mungkin mencadangkan bahawa ianya berkaitan juga dengan bidang kuasa memberi permit ataupun lesen pendaftaran dan *safety equipment*.

Manakala *navigation* pula kalau saya merujuk kepada Stroud's Judicial Dictionary, didefinisikan sebagai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the science of or art conducting a ship from one place to another. It's included the supply of necessary implements and skillfull mariners. The instruments are useless without the skillfull mariners and conversely navigation includes two things, the supply of the instruments or organs of the ship and the living instruments, the seamen, thus navigation refers to the act of taking or driving a ship from 1 point to another. Thus navigating entails control of the instrument used for taking a ship from one place to another and the licensing of the seamen.*

Maknanya navigasi ini merangkumi dua perkara, satu pelayaran kapal dan kedua ialah pengawalan ke atas juragan dan pekerja-pekerja kapal dan inilah instrumen-instrumen yang harus kita lihat terhadap pengawalan dari segi keselamatan yang dibincangkan ataupun dihuraikan dengan panjang oleh Yang Berhormat Ketereh tadi.

Manakala *traffic control* kalau kita melihat kepada Oxford Dictionary, didefinisikan sebagai *the passing through and fro of vessel or vehicles along a road, river or canal*. Dalam tujuan kita ini mungkin kita merujuk kepada hanya perkapalan. Cuma kalau kita melihat dalam konteks negeri Sarawak, dalam konteks ini kita melihat bahawa dengan sungai yang begitu banyak dan luas di mana ada *point of entry* dengan izin, kapal akan masuk ke sungai. Jadi navigasi perkapalan itu amat penting untuk kita membuat panduan supaya kapal akan dapat masuk selamat ke pelabuhan terutamanya.

Di sinilah saya melihat kepada apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi amat penting, berkaitan dengan apa yang dimaksudkan dengan definisi kapal itu sendiri. Kalau kita melihat dalam konteks isu yang berkait rapat di Sarawak ialah berkaitan dengan *wrecks*, ataupun kapal yang telah karam. Kalau kita lihat banyak di Sarawak sebenarnya kapal yang telah karam dan cuma definisi yang agak merumitkan sekarang ini ialah bila kita memperkembangkan definisi *wrecks* dalam undang-undang yang ingin kita perkenalkan iaitu, kalau kita melihat pada definisi undang-undang ini, *wrecks* juga tergolong bukan sahaja kepada kapal yang sudah karam ataupun yang *accident* yang terlibat dalam kemalangan dan karam tertinggal di sana, tetapi juga melibatkan *anything that is or has been on board a ship*.

Maknanya kalau berlaku satu *barge* dengan izin membawa balak misalnya, kalau balak itu sudah jatuh ke dalam sungai, tenggelam ke dalam sungai, itu juga tergolong dalam definisi kapal yang sudah karam ini, *wrecks*. Di sinilah timbul permasalahan sebab kita melihat dalam akta ini bidang kuasa untuk menyelesaikan segala...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sila, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Petra Jaya sungguh asyiklah. Saya lihat Yang

Berhormat menyebut beberapa kali tentang keupayaan sungai-sungai Sarawak untuk menerima banyak kapal dan Sarawak mempunyai sungai-sungai yang boleh dilayari oleh kapal-kapal besar. Yang Berhormat juga menyebut tentang keselamatan kapal-kapal jika ingin belayar di sepanjang sungai Sarawak. Yang boleh dilayari.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, ataupun kalau Yang Berhormat tidak boleh respons pun tidak apa, boleh dipanjangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah sistem keselamatan pelayaran kapal-kapal di sungai Sarawak yang digunakan oleh kerajaan negeri sekarang? Apakah sistem keselamatan yang digunakan? Apakah yang menjamin keselamatan mereka sekarang sebab gaya yang Yang Berhormat sebutkan tadi tidak ada sistem langsung.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sebenarnya saya belum menghabiskan ayat saya tadi, bila dicelah Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebab itu saya katakan tadi dalam pembicaraan perbahasan saya ialah bila perubahan, maknanya penghapusan *Merchant Ordinance* Sarawak dan pengenalan kepada akta-akta baru ini, maka akan timbul sedikit *nitty-gritty's* yang harus diperhalusi. Siapakah yang akan menjadi *controller* yang akan mengawal selia dari segi keselamatan *navigation* sungai ini?

Di sinilah yang harus diperhalusi yang saya sendiri ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, siapakah yang mempunyai bidang kuasa untuk memastikan segala *wrecks* yang ada di sungai ini dibersihkan? Siapakah yang mempunyai bidang kuasa? Adakah badan yang telah diwujudkan di peringkat negeri iaitu *Sarawak River Board*, dengan izin ataupun pegawai maritim di peringkat Persekutuan? Siapakah yang berkuasa dalam bidang ini dan siapakah yang akan mengawal selia supaya kapal-kapal yang akan masuk nanti akan dapat masuk ke sungai, ke pelabuhan dengan selamat. Ini yang ingin saya dapatkan penjelasan berkaitan dengan isu yang telah saya bangkitkan tadi berkaitan dengan *wrecks*.

Satu lagi ialah tentang *light and buoys*. Sebagaimana yang kita tahu di peringkat ini sekarang ada dua bidang kuasa. Satu ialah peringkat Persekutuan yang akan berkuasa untuk memastikan rumah api ataupun *buoys* di laut ini akan dijaga oleh pihak maritim dan satu lagi ialah di peringkat sungai yang akan dijaga oleh *River Board*. Di sini saya ingin mendapat penjelasan sekali lagi, apakah penjelasan ataupun bidang kuasa sebenarnya? Di manakah garis ataupun sempadan kuasa ataupun adakah pihak Persekutuan akan mengambil alih dan bagaimana pula dengan kutipan-kutipan hasilnya nanti dan juga tentang *maintenance* rumah api ataupun *buoys* tersebut? Siapakah yang akan mempunyai bidang kuasa berkaitan dengan perkara ini?

Akhir sekali berkait rapat dengan perkara ini, saya melihat ialah *supporting services* ataupun khidmat sokongan. Kita mempunyai permasalahan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, kalau kita melihat dari segi Ketereh dan Jasin mengatakan kita terpaksa mengambil dari Singapura. Kita tidak ada daftar ataupun pelan yang membolehkan diambil di Malaysia. Tetapi kita ingin menjadikan Malaysia sebagai satu pusat perkapalan dan malangnya khidmat sokongan ini mungkin berkurangan terutamanya dari segi khidmat guaman yang mahir dalam bidang perkapalan. Keduanya ialah berkaitan dengan insurans. Adakah kita bersedia? Adakah kita berkemampuan untuk menyiapkan diri kita supaya insurans tempatan ini dapat memberi atau bersaing dengan insurans peringkat antarabangsa untuk memberikan insurans yang berpatutan kepada pihak-pihak perkapalan khususnya di dalam negara kita. Sekarang ini kebanyakan syarikat perkapalan kita terpaksa mengambil sama ada insurans daripada syarikat-syarikat di Singapura dan sebagainya.

Di sinilah kita harus mempertingkatkan dan membuat kajian yang teliti supaya menyiapkan segala kemudahan khidmat sokongan ini sama ada dari segi khidmat guamannya sama ada untuk membela mereka, memberi khidmat nasihat kepada mereka, pendaftaran dan sebagainya. Begitu juga dengan khidmat insurans. Ini amat penting sebab kalau tidak ada sokongan ini, maka kos pada perkapalan akan meningkat sebab mereka terpaksa bergantung dengan khidmat di peringkat antarabangsa dan perbandingannya khidmat di Malaysia, Singapura malahan Australia amat jauh berbeza. Di sinilah akhirnya *competitiveness* ataupun daya saing kita yang merupakan *trading nation* ini akan terjejas. Sebab inilah kos-kos sampingan yang harus kita kaji.

Seterusnya ialah kalau kita melihat juga berkaitan dengan perkara ini ialah dari segi perkapalan, saya ingin bertanya setakat manakah *shipping classification of*

Malaysia - pendaftaran ataupun klasifikasi perkapalan di Malaysia ini diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Umum mengetahui bahawa kapal-kapal besar ini biasanya kita terpaksa beli daripada luar. Kebanyakannya kita beli daripada negara China sebab kosnya lebih murah dan standardnya menurut piawaian peringkat antarabangsa. Isunya ialah pendaftaran. Adakah kita hendak mendaftar di luar ataupun mendaftar di Malaysia dan ia berkait rapat dengan takrif dalam akta kita ini sebab akta kita hanya mengklasifikasikan takrifan *Malaysian shipping* ataupun *Malaysian waters*. Kaitan ini amat penting untuk kita wujud sama ada adakah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk merujuk hanya kapal - bidang kuasa kita akan hanya mengendali kapal yang berdaftar di Malaysia sahaja ataupun yang melayari perairan kita.

Di sinilah pendaftaran merupakan satu isu yang harus kita kaji dan lihat supaya klasifikasi ini nanti menyenangkan syarikat-syarikat untuk mendaftar sama ada kita boleh mendaftar dan bila didaftarkan di Malaysia maka klasifikasi ini akan diterima pakai diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kalau tiada, apakah daya usaha yang bakal diambil oleh Kementerian untuk memastikan perkara ini akan diperhalusi dan diperbaiki?

Setakat itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi izin kepada saya untuk berbahas dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak panjang, bukan? Saya buat keputusan kalau ringkas saya benarkanlah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mintalah. Ringkas sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

3.19 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terlambat oleh kerana keluar sekejap tadi.

Saya berdiri berlandaskan undang-undang ini ada terlibat dengan Sarawak dan pemanjangan sebahagian daripadanya ke Sarawak. Itu bermakna dua kuasa yang akan dipertikaikan.

Yang pertama saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian secara ringkas sama ada sebelum penggubalan ini dibuat pihak Kementerian telah membuat perbincangan terperinci dengan pihak negeri sama ada Sabah ataupun Sarawak. Kita kena menghormati Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Parlimen bersumpah ataupun berikrar untuk menjaga Perlembagaan Malaysia. Jadi dengan itu saya bangkit untuk mempersoalkan satu perkara iaitu tiap-tiap perkara yang ada hubung kait dengan Sarawak dan Sabah hendak digubal di Parlimen ini kita melihat perundangan dan kuasa perlembagaan telah dibagi kepada kita, sama ada perundangan yang kita gubal ini ada bercanggah.

Walaupun saya faham bahawa soalan perkapalan ini nampaknya di bawah *concurrent matters* tapi oleh kerana *continental staff* ataupun kuasa negeri iaitu tiga kilometer daripada pantai laut di bawah jajaan kerajaan negeri dan bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Begitulah akhirnya kenapa persoalan minyak dan sebagainya di Terengganu pernah dipersoalkan tidak dapat dibangkit di sini oleh kerana ialah tugas dan tanggungjawab Kerajaan Pusat dan bukan kerajaan negeri.

Jadi kos yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Petra Jaya itu amat relevan sekali, apabila satu-satu perkara undang-undang yang kita hendak buat di sini ada hubung kait ataupun ada kena mengena dengan kuasa kerajaan negeri dan kuasa Kerajaan Pusat sepatutnya pihak yang tertentu berbincang dahulu.

Apa yang saya dimaklumkan bahawa tidak ada perbincangan terperinci telah dibuat di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat untuk menggubal pindaan ini

walaupun daripada segi hakikatnya atau prinsipnya saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua bahkan pada tahun 1982 dulu, sebelum saya menjadi Ahli Parlimen saya pernah membangkitkan persoalan *Merchant Shipping* Ordinan di Sarawak.

Sepatutnya ia disatukan di bawah satu perundangan Akta Parlimen, kerana pihak penguatkuasaan adalah di tangan Kerajaan Pusat dan kita belum mempunyai *river board* sebagaimana yang *dimention* oleh Yang Berhormat Petra Jaya itu tadi, kita belum lagi mempunyai kuasa-kuasa tertentu di negeri tetapi pada ketika itu *Federal Government* tidak membuat satu tindakan proaktif untuk menyatukan undang-undang ini daripada awal lagi kerana penguatkuasaan Jabatan Polis semuanya adalah di bawah Kerajaan Pusat. Apabila sekarang perundangan yang dibuat oleh kerajaan negeri, baru undang-undang ini datang, maknanya kita memang nak cari pasal macam nampaknya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah kepada pihak kerajaan, apabila satu-satu perkara yang ada hubung kait dengan Negeri Sarawak dan Sabah yang mempunyai autonomi yang tertentu yang diberi oleh Perlembagaan kita sepatutnya berbincang secara mendalam dahulu, kerana kita mengetahui bahawa apa yang dimaksudkan dalam sungai atau *river* di mana *port* dan kemudahan-kemudahan yang akan dibuat dalam undang-undang ini, biarlah berbangkit daripada kuasa kerajaan negeri dan dalam masa yang sama juga undang-undang ini memberi kuasa-kuasa yang tertentu kepada pihak-pihak yang tertentu khususnya, kuasa Pengarah Marin di Sarawak.

Jadi dengan keadaan sedemikian patut berlaku. Di Kapit umpamanya ada satu kemudahan marin dia buat di Kapit Tuan Yang di-Pertua, sungai pun tak ada, sungai Kapit itu menurun ke bawah dia tidak menaik ke atas, kenapa pula dia buat dekat situ? Soalan yang saya tanyalah itu. Orang Kapit pun hairan, kalau nak buat jalan, kalau buat jambatan kat Kapit itu bolehlah, tapi buat kemudahan marin di Kapit. Saya tertanya-tanya *the wisdom of the people* yang membuat keputusan ini dengan izin. Kadang-kadang kita buat... buang duit banyak, buang duit kerajaan, duit rakyat, tapi tindakan kita itu tidak mendatangkan hasil bahkan dipersoalkan oleh rakyat.

Jadi itu persoalan pertama, soalan Perlembagaan. Apabila perkara Perlembagaan berlaku walaupun kecil sepatutnya kita perincikan dan bincangkan dahulu supaya jangan disoalkan. Kadang-kadang kita payah, saya Ahli Parlimen kalau orang negeri bertanya dengan saya kenapa tak ada bincang? Saya ditanya secara peribadi sebenarnya soal undang-undang ini dua minggu lepas. Kuasa yang diberi kepada pegawai yang mana menguatkuasakan keadaan di dalam negeri padahal perkara itu bercanggah dengan kehendak Perlembagaan, ini patut diatasi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah kita banyak membincangkan soal keselamatan ekoran daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi, oleh kerana berlaku *nine eleven*. Kita buat undang-undang semua kehendak orang Amerika, kita ~~dixxxxx~~ oleh pihak Amerika. Amerika menggunakan siapa saja sama ada serantau ataupun dunia, umpamanya *United Nation, convention* dan sebagainya, dipergunakan untuk dunia ini *didictate* pihak Amerika, berlandaskan itu undang-undang kita nak diubah cara kita bekerja diubah, semua diubah untuk keselamatan Amerika ke atau untuk keselamatan Malaysia yang kita persoalkan di sini.

Saya cukup yakin kita sepatutnya melihat dahulu keselamatan kita sendiri. Keselamatan kita sendiri tidak ada benda lain selain Selat Melaka. Selat Melaka ialah dengan izin *busiest* Selat di dunia, laluan kapal perdagangan yang banyak sekali, tapi siapa yang buang duit? Indonesia, Malaysia, Singapura. Singapura okeylah negaranya kaya, Malaysia okey. Singapura masih tercari-cari, tapi kenapa pula orang dibiar masuk ke Selat Melaka mengotorkan kawasan, buang toksik, buang benda mencemarkan, tapi apa tindakan kita?

Sepatutnya mereka yang menggunakan Selat Melaka dipasang tol, pasang tol masuk Selat Melaka, pasang tol! Kalau nak masuk saja kena bayar tol, kerana kita yang mencucikan air itu, pencemaran air yang kita buat. Di jalan raya bagi orang Malaysia kita pasang tol!. Tapi orang luar yang kaya raya jadi lebih kaya raya lagi, guna Selat Melaka *free of charge*, kenapa tak pasang tol?

Jadi mana keselamatan Tuan Yang di-Pertua? kita bercerita persoalan keselamatan untuk orang lain, kita tak cerita keselamatan untuk kita sendiri, tapi saya

cukup yakin *is about time* Singapura, Malaysia, Indonesia bersatu dalam satu perkara ini, supaya pasang tol besar-besarnya, bila siapa yang masuk Selat Melaka biarlah kalau tak mahu masuk Selat Melaka dia pakaikan lautan teduh di mana-mana tempat.

Kita faham *the cost of thing will go up*, itulah kemahuannya tapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua tidak boleh buat, kita tidak boleh nak pasang tol umpamanya, ia kena berilah *contribution* guna Selat Melaka, kepada *contribution* negara orang yang berkenaan iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia, barulah *we share*...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sekejap Datuk, saya sekejap aje Datuk tapi bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bila Yang Berhormat bercakap mengenai tol untuk lautan, saya teringat satu istilah yang dipakai oleh dunia kita mesti berkongsi lautan. Baru-baru ini negara G8 mahu berkongsi *atmosphere* dengan izin, dia mahu kongsi *atmosphere* maka dia menyalahkan kita di negara timur ini kerana menebang hutan tropika maka dia sudah tidak boleh menghisap karbon dioksida yang dikeluarkan oleh kilang-kilang mereka, maka dibuat satu *trading* yang baru yang dinamakan *carbon trading* dengan izin atau perniagaan karbon, mana-mana negara yang menjaga hutannya atau menanam semula hutannya boleh memberi *certificate* kepada kilang di Eropah untuk kilang itu kata jual karbon kepada kita, ertinya dia mahu *atmosphere* yang bersih.

Sekarang Yang Berhormat bercakap mengenai lautan yang bersih, maknanya mana negara yang datang melalui lautan kita kemudian mencemarkan lautan tersebut yang menyebabkan alam sekitar kita tercemar, pupus perkara-perkara dalam laut, kita punya *coral* mati, nelayan kita tidak boleh cari makan, pantai kita terhakis, pantai kita kotor, tetapi mereka tidak bertanggungjawab tentang pengotoran laut tetapi mereka mahu kita bertanggungjawab tentang pengotoran udara.

Satu perkara yang harus difikirkan kembali, bagaimana kita mengatasi perkara ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita katakan kita juga perlu bercakap pengotoran laut juga adalah merupakan satu *contribution* satu sumbangan ke arah *global warming* bukan saja *atmosphere*, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dasar dia orang ini Yang Berhormat *what is mine is mine and what is yours is ours*, memang macam itu Yang Berhormat.

Queen Victoria dia suruh orang pergi ke China beli ubat *gun powder* untuk hari-hari perayaan dia. Bila tak ada *gun powder*, tak cukup, China tak nak jual atau tak cukup bekalan ataupun karam di tepi laut dia bakar hutan untuk tengok api, untuk ganti mercun nak ganti bukan asap, bunga api! Nak ganti bunga api.

Queen Victoria buat itu, dia bakar hutan. Bukan saya tahu Tuan Yang di-Pertua. Profesor universiti saya yang beritahu. Orang putih sendiri yang beritahu tapi sekarang janji mereka di *Montreal Protocol* sampai sekarang satu sen tidak datang ke Malaysia hendak bantu, dia kata bantu. Janji-janji bohong dia orang, tetapi apabila kita dikehendaki buat konvensyen buat protokol, buat undang-undang kita berkejar buat undang-undang. Walaupun mendatangkan padah kepada kita sendiri, buat payah kepada kita sendiri, kita buat juga kerana kita hendak menjagakan kepentingan mereka ini.

Saya setuju Yang Berhormat, apabila *global warming* dia sudah bakar semua hutan, Yang Berhormat boleh pergi naik kereta api. *Cris cross Europe*, you tidak pandang hutan lagi dah. Semua sudah jadi tempat penanaman macam-macam. Penanaman ubilah, penanaman gandumlah, tanam apa sahaja, tetapi kita hendak tanam sedikit sahaja kelapa sawit Yang Berhormat sekarang Yang Berhormat Menteri daripada Miri itu, setengah mati pergi ke *Europe*, pergi ke Amerika hendak *stabilize* supaya kita boleh jual minyak kita, dia kata penebangan hutan ini akan menjejaskan karbon dioksida naik ke udara dan lepas itu membolehkan *global warming*, yang Amerika buat itu tidak seorang pun kompelin, bahkan *contribution* kepada *global warming* bukan yang 2% kita buat, yang 95% Amerika dan *European* yang buat itu yang patut bertanggungjawab. Jadi dia orang buat fasal dia *attack Iraq*, dia *attack Iran*,

dia *attack* Afghanistan, buatlah ini bersatu bagi membangunkan ataupun menjanakan *terrorism*, kita pula yang menjaga dunia untuk dia orang.

Jadi Yang Berhormat kita kena lihat dia orang ini. Tipu helah dia orang, kemudahan-kemudahan ini di sebelah sini Selat Melaka kita yang punya, negara kita yang punya. Apa pemberian dia orang kepada kita? Dibuat di Swiss Canal di negara Egypt, bukan dia orang pakai, bukan dia orang guna. Jadi kalau kita lihat di South Amerika dihentam Granada dan Panama oleh kerana tidak akur dengan kehendak dia. Ini semua oleh sebab Amerika diktator kepada dunia, jadi kita kena berjaga-jaga sedikit soalan perundangan-perundangan ini. Tapi kalau benda itu betul-betul mendatangkan kebaikan kepada negara kita, sepatutnya kita buat undang-undang untuk negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, panjang lagi hendak saya cerita Tuan Yang di-Pertua, tapi oleh kerana sudah janji dengan Tuan Yang di-Pertua sekejap sahaja, saya ini orang yang akur dengan perintah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Contoh yang baiklah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, pertama bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007.

Yang Berhormat dari Beluran telah pun menyentuh mengenai masalah kos barang di Sabah dan beliau ada beberapa cadangan. Ingin saya maklumkan di sini bahawa kerajaan memang berpegang kepada dasar bahawa *market force* dan *free competition* itu adalah dasar yang kita amalkan. Kita tidak bercadang untuk mempertimbangkan bagi subsidi. Kementerian percaya bahawa apabila industri-industri membangun lebih pesat di Sabah dan di Sarawak, jumlah kargo akan bertambah dan menyumbang kepada peningkatan perkhidmatan perkapalan yang lebih murah.

Pada ketika ini untuk maklumat Yang Berhormat pihak kementerian pun telah mengambil beberapa tindakan di antaranya, satu adalah untuk mengadakan satu kajian, *feasibility study* untuk pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak dan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan bagaimanakah kementerian dapat membantu dan kalau kita lihat, kita juga telah pun membantu dari pihak kementerian dari segi pembinaan pembangunan pelabuhan. Inilah usaha-usaha yang kita harapkan dapat meningkatkan *competitiveness*, dengan izin dan kemampuan pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak. Maka dengan meningkatnya prestasi, meningkatnya kebolehan pelabuhan-pelabuhan ini kita harap akhirnya nanti masalah kos ini dapat kita tangani dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat sekarang semua terminal pendaratan telah mencapai tahap *compliance*, dengan izin dengan kod ISPS ini termasuk pelabuhan-pelabuhan di Sabah. Pelaksanaan ini juga berasas kepada kos yang paling minimum. Kita percaya ia tidak akan meningkatkan kos berurusan dengan pelabuhan-pelabuhan dan tidak mengakibatkan kenaikan harga barang.

Yang Berhormat dari Beluran juga menyentuh mengenai Akademi Laut dan mencadangkan supaya cawangan dibuat di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan Institusi Latihan Pelaut di Malaysia termasuk di Sabah. Dalam hubungan ini, Jabatan Laut di bawah kementerian telah meluluskan beberapa Institusi-institusi Latihan Pelaut selain ALAM untuk memenuhi permintaan. Dalam pada itu latihan bagi meningkatkan prestasi dan kualiti dan pegawai Jabatan Laut, ianya adalah dapat dipertingkatkan lagi apabila Institusi latihan Jabatan Laut siap di Pulau Indah pada bulan Julai 2007 ini.

Yang Berhormat dari Jasin telah menyentuh beberapa perkara, yang pertama adalah mengenai mempersoalkan masalah isu penswastan pelabuhan-pelabuhan kita sama ada itu adalah satu usaha yang bijak. Ingin saya maklumkan di sini bahawa dasar penswastan pelabuhan memang satu dasar yang berjaya. Kalau kita melihat dari perkembangan dan pembangunan Pelabuhan PTP, Pelabuhan Pasir Gudang,

Pelabuhan Port Klang, kita nampak ianya sekarang adalah di antara pelabuhan dalam kedudukan 20 atas kontena port dalam dunia. Inilah satu prestasi yang sangat menggalakkan. Misalnya PTP dalam tahun 2000 dia hanya mengendalikan 400,000 TEU's jika dibandingkan dengan PTP tahun lepas dapat menguruskan 4.5 juta TEU's. Ini menunjukkan satu perkembangan yang baik. Ini adalah satu hasil penswastaan pelabuhan ini. Dan pelabuhan ini juga telah pun menggunakan teknologi terkini. Sebab itulah mereka dapat mencapai beberapa kejayaan yang telah saya sebutkan tadi. Kita cukup bangga dengan semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk *supporting industries* kita memang menggunakan dan menyusun strategi untuk menentukan supaya ramai orang tempatan terlibat di dalam sektor pekerjaan, penggunaan dan pekerja-pekerja dan seterusnya kerajaan turut memberi keutamaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan sampingan, pelabuhan seperti perkhidmatan pemaliman, *bunkering* dan semua perkhidmatan ini diberi kepada syarikat-syarikat tempatan. Berhubung tenaga kerja, memandangkan kekurangan pekerja tempatan, pekerja-pekerja asing terpaksa diguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Jasin telah pun menyentuh mengenai pelaut tempatan. Memang kita mengakui Malaysia sedang menghadapi cabaran bagi mendapatkan pelaut-pelaut tempatan untuk berkhidmat atas kapal Malaysia. Ini merupakan masalah dunia. Di Malaysia ianya disebabkan cabaran bagi mendapatkan pekerja tempatan mahir dari sektor lain. Namun usaha giat sentiasa diteruskan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang pelayaran, contohnya syarikat perkapalan MISC telah pun meningkatkan bilangan pengambilan tahunan bagi memenuhi keperluan bilangan pelaut-pelaut aktif berkhidmat atas kapal di Malaysia. Untuk makluman Dewan ini, dalam negara kita, jumlah pelaut tempatan adalah 28,600 orang manakala pelaut asing adalah 12,500 orang.

Yang Berhormat dari Jasin tadi mempersoalkan kuasa Jabatan Laut oleh kerana mereka tidak mengeluarkan sijil pelepasan pelabuhan. Ingin saya maklumkan bahawa Sijil Pelepasan Pelabuhan dikeluarkan oleh Jabatan Kastam selepas *endorsement* dengan izin terhadap keselamatan sesebuah kapal itu telah dikeluarkan oleh Jabatan Laut. Oleh itu, peranan Jabatan Laut berhubung dengan *safety* dan *environment protection* adalah jelas. Masih ada dan penting sebelum *port clearance* diberi oleh Jabatan Kastam.

Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga ada menyentuh mengenai pertindihan kuasa Kastam dengan Jabatan Laut. Ingin saya memaklumkan bahawa adalah tidak ada pertindihan. Adalah jelas bahawa Akta Kastam adalah berkenaan cukai terhadap barangan, manakala rang undang-undang ini pula adalah berkenaan dengan langkah keselamatan dan sekuriti ke atas kapal dan pelabuhan.

Yang Berhormat dari Jasin menyentuh mengenai masalah kemalangan kapal sebagai satu...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma yang saya bangkit tadi persoalan pertindihan begini. Bagaimana dengan kapal-kapal atau bot-bot penangkap ikan misalnya? Adakah dia tertakluk di bawah ini ataupun dia ditakluk di bawah Kementerian Pertanian dari segi laut dalam dan sebagainya. Adakah ini? Saya bimbang pertindihan ini. Kadang-kadang bot penangkap ikan ini pun bot yang besar dan adakah dia tertakluk di bawah akta ini juga? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini, rang undang-undang ini kalau kita lihat tajuknya adalah jelas bahawa ianya adalah merangkumi perkapalan saudagar. Manakala kapal-kapal penangkap ikan adalah di bawah Jabatan Pertanian.

Mengenai masalah kemalangan kapal tadi kerana dari apa yang disentuh...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, penjelasan. Ketereh, Tuan Yang di-Pertua. Dengan jawapan daripada Timbalan

Menteri mengatakan bahawa kapal nelayan sebesar mana sekalipun ianya adalah di bawah Jabatan Pertanian. Maka adakah tidak mungkin dalam akta ini ialah kita mempersoalkan keselamatan kapal itu masuk membawa bahan letupan atau singgah di pelabuhan dan menyebabkan pelabuhan kita meletup? Adakah tidak mungkin orang akan menggunakan atau anasir-anasir subversif yang jahat atau *terrorist* yang dimaksudkan dalam hal ini akan menggunakan kelemahan undang-undang ini untuk menggunakan kapal-kapal kecil untuk mengaramkan kapal-kapal besar dan juga pelabuhan-pelabuhan besar. *That is adequacy*. Boleh saya dapat penjelasan? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kerana ada beberapa pihak yang terlibat dalam keselamatan di laut dan di pelabuhan-pelabuhan tertentu. Kalau kita memerhatikan dengan lebih teliti bahawa apa yang ditekankan dalam perundangan ini adalah pelabuhan-pelabuhan dan kapal-kapal yang berurusan dengan pihak antarabangsa. Mengikut konvensyen yang dipersetujui bahawa sesebuah kapal atau sesuatu pelabuhan yang digunakan pihak antarabangsa mestilah mematuhi peraturan-peraturan ini.

Maka kita menumpukan mengenai rang undang-undang ini kepada kemudahan-kemudahan yang digunakan oleh kapal-kapal antarabangsa dan kapal-kapal yang belayar ke pelabuhan-pelabuhan antarabangsa. Mengenai kapal-kapal tempatan, memang ada badan-badan tertentu untuk menentukan bahawa mereka adalah selamat untuk diguna dan tidak juga diguna oleh anasir-anasir yang hendak merosakkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemalangan-kemalangan kapal tadi yang disebut dari segi persepsi bahawa kemalangan-kemalangan kapal ini adalah satu masalah oleh kerana kecuaihan pegawai-pegawai Jabatan Laut. Ingin saya maklumkan iaitu menurut kajian dan analisis kementerian, kebanyakan kemalangan adalah akibat kelalaian manusia.

Oleh itu, langkah-langkah latihan ditingkatkan bagi mengurangkan kesilapan semasa pengendalian kapal. Contohnya, tadi ada disebut mengenai perlanggaran feri di Pulau Langkawi. Jabatan Laut telah membuat siasatan dan dalam kes perlanggaran ini. Adalah didapati bahawa ianya adalah kejadian yang berlaku kerana kesilapan manusia. Oleh itu, maka tindakan undang-undang terhadap kedua-dua nakhoda ini akan diambil.

Begitu juga mengenai letupan, misalnya letupan bot Jabatan Kastam yang disebut tadi. Ini juga ingin saya maklumkan bahawa tanggungjawab untuk menentukan keselamatan bot-bot kerajaan bukanlah terletak kepada Jabatan Laut. Jabatan Laut hanya bertanggungjawab ke atas kapal-kapal saudagar dan perdagangan.

Begitu juga mengenai isu di Langkawi di mana tambang RM2 dikenakan oleh pengusaha-pengusaha feri. Ingin saya maklumkan di sini bahawa usaha-usaha ini dibuat oleh pengusaha-pengusaha feri sendiri tanpa kebenaran dari kerajaan. Oleh yang demikian, maka Jabatan Laut telah mengambil tindakan dan susulan dari itu maka pengusaha-pengusaha feri di Langkawi telah berhenti mengenakan RM2 subsidi dan pada hari ini mereka sedang berbincang.

Yang Berhormat dari Jasin juga menyentuh mengenai kelayakan pegawai-pegawai laut. Ingin saya maklumkan di sini bahawa skim perkhidmatan bagi Pegawai Laut di Jabatan Laut ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan adalah terdiri daripada kelayakan Sijil Kompetensi, Nakhoda dan Pengarah Dek Kapal serta Ijazah Sarjana Muda Bidang Pengajian Nautika. Oleh itu, pegawai-pegawai Jabatan Laut adalah cukup berkemampuan. Kelayakan induksi dari semasa ke semasa dan selain daripada itu mereka juga dihantar untuk menghadiri pelbagai kursus latihan bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah menyebut, kerana tadi ada beberapa Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan Yang Berhormat dari Santubong telah menyentuh mengapa kita perlu merujuk kepada insiden 11 September. Adakah ini bukti bahawa kita hanya mengikut telunjuk dari Amerika Syarikat, maka undang-undang ini diluluskan semata-mata untuk memenuhi kehendak mereka.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa apabila kita menyebut 11 September, ini hanya sebagai satu rujukan, sebagai latar belakang kepada apa yang berlaku

kerana selepas 11 September ini, di sinilah *International Maritime Organization* telah mengadakan pelbagai peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua ahli-ahli di seluruh dunia. Maka kita sebagai ahli IMO mestilah patuh kepada keperluan-keperluan ini dan adalah untuk kepentingan negara kita kerana kalau kita tidak mematuhi ISPS atau ISM, maka kapal-kapal kita tidak dapat singgah di pelabuhan-pelabuhan di seluruh dunia. Jadi inilah masalahnya. Maka dengan itu saya berharap jelaslah pindaan yang dibuat adalah untuk kepentingan negara kita sendiri.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga menyentuh mengenai masalah pencemaran laut. Ingin saya maklumkan di sini bahawa rang undang-undang yang dicadangkan bertujuan untuk menghalang atau mencegah segala jenis pembuangan dari kapal. Ini akan meningkatkan kebersihan dalam laut sekeliling di Malaysia. Malah rang undang-undang ini membolehkan Malaysia menentukan piawai pencegahan pencemaran dari kapal yang tertinggi. Ini termasuk menghendaki kapal-kapal memasang peralatan di atas kapal, mencegah pembuangan bahan pencemar di sebaliknya disimpan di dalam tangki di atas kapal.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga dan Kubang Kerian menyentuh mengenai pencemaran di Selat Melaka. Pihak berkuasa sentiasa meronda secara kerjasama. Namun, perairan Selat Melaka adalah lebih luas dan terbuka daripada Terusan Suez adalah oleh itu menjadi lebih mencabar. Usaha dan tindakan sentiasa diambil untuk menurunkan kejadian kes-kes pencemaran dari kapal. Ini termasuk rang undang-undang yang dicadangkan yang akan mengenakan piawaian yang tinggi yang mengetengahkan sebarang pembuangan tanpa izin dari kapal.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga menyentuh mengenai *human trafficking* dengan izinnya dan pelbagai masalah-masalah yang lain. Ingin dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini tidak mengawal selia isu *smuggling* atau *human trafficking* dan masalah-masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga menyoal pasal pemeriksaan feri-feri penumpang, adakah feri-feri Malaysia selamat? Ingin saya maklumkan di sini bahawa pemeriksaan semua feri-feri di Malaysia perlu mempunyai sijil-sijil seperti berikut '*lord line*' dengan izin *safety equipment* dan lesen bot dengan izin. Feri-feri perlu mematuhi standard ini sebelum dibenarkan beroperasi. Jabatan Laut melakukan pemeriksaan ini pada setiap masa sebelum dibenarkan belayar pemeriksaan terhadap sijil-sijil dibuat, pemeriksaan CSC juga dan kempen penguatkuasaan dilakukan di feri terminal seluruh negara. Jabatan Laut melakukan pemeriksaan kawalan, ada *state control* dan pengurusan kawalan bendera, *state flag* terus dibuat.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga bertanya apakah dibuat selepas kejadian feri yang berlanggar di Pulau Langkawi. Ingin saya maklumkan di sini bahawa yang pertama peningkatan pengawasan ke atas pelayaran feri-feri akan mengadakan sistem pengubahsuaian trafik kapal - *vessel traffic management system*, menggunakan radar dan sistem pengenalan kepastian automatik kapal.

Kedua, penetapan sistem laluan feri ataupun dengan izin rutin sistem di mana laluan feri dari Langkawi ke Kuala Kedah, Kuala Perlis dipisahkan daripada laluan feri dari Kuala Kedah, Kuala Perlis dan ke Langkawi.

Yang Berhormat bagi Putatan tadi ada mencelah mengenai *barter trading* untuk maklum di sini kapal-kapal yang melaksanakan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Sedikit mengenai *human trafficking*. Adakah setakat ini kerajaan telah kenal pasti *human trafficking* itu betul-betul berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tak taulah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak payah tanya. Mengapa tanya? Yang Berhormat yang tidak tahu. Saya sudah bagi tahu tadi Yang Berhormat bahawa *human trafficking* bukan dalam bidang kuasa undang-undang ini. Jadi jangan buang masa Parlimenlah.

Keselamatan feri antara Kota Kinabalu dan Labuan seperti yang disebut tadi sama juga yang didaftar dan disebutkan tadi. Kubang Kerian dan Kinabatangan tentang gaji tadi. Kerajaan tidak menetapkan kadar gaji yang dibayar kepada pelaut sama ada pelaut tempatan atau asing. Ini terserahlah kepada syarikat perkapalan masing-masing bagi menetapkan kadar gaji mengikut *supply* dan *demand*. Walaupun

elaun yang dibayar kepada kadet atau pelatih adalah lebih rendah, namun segala kemudahan atas telah disediakan. Tambahan lagi kadet-kadet yang telah *graduate* dan menjadi pegawai kapal akan dibayar gaji yang tinggi. Baru-baru ini saya ada mesyuarat dengan satu syarikat perkapalan mereka memberitahu saya bahawa untuk pegawai atau *graduate* yang masuk sebagai pegawai pelaut, mereka membayar gaji sampai USD2,000 ataupun USD3,000. Jadi inilah satu gaji yang dianggap sebagai tinggi. Ini bukti gaji adalah tinggi berbanding dengan pekerja di darat. Gaji pelaut juga dikecualikan dari cukai pendapatan. Seajar itu, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan peraturan perundangan bagi mengawal gaji pelaut.

Yang Berhormat Kubang Kerian tadi telah menyebut mengenai masalah Selat Melaka sebagai *war risk*. Oleh kerana dia sebagai *war risk*, maka kata beliau kos insurans akan tinggi. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Selat Melaka dahulu memang sebagai *war risk* tetapi sekarang Selat Melaka telah pun dikeluarkan dari senarai *war risk*. Ini menunjukkan langkah-langkah efektif yang telah diambil oleh kerajaan dan pihak swasta untuk meyakinkan bahawa pihak insurans supaya tidak lagi menganggap Selat Melaka sebagai *war risk*.

Perkhidmatan sampingan seperti saya sebut tadi dalam industri perkapalan kerajaan akan terus menggalakkan penubuhan perkhidmatan sampingan perkapalan oleh syarikat tempatan. Ini juga ternyata dengan penubuhan beberapa syarikat perkapalan yang ada.

Yang Berhormat bagi Ketereh tadi menyebut mengenai isu ketidakadaan peruntukan mengenai carta pelayar dalam rang undang-undang ini, maka ianya tidak lengkap. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat seperti yang disebutkan tadi ini adalah khusus untuk pelabuhan dan untuk kapal yang seperti saya jelaskan kepada Yang Berhormat tadi. Rang undang-undang ini adalah khas untuk aspek itu dan aspek penggunaan carta adalah dikawal oleh ordinan induk. Maka penyediaan carta dan tugas *updating* carta di bawah Jabatan Arah Hidrografi, Geografi Department di bawah Tentera Laut. Carta *diupdate* dari semasa ke semasa. Jabatan tersebut juga mencetak dan menjual carta dan peta ini. Jadi saya amat memohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua tidak dapat memberi penjelasan dengan teliti.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, bila saya sebut tentang carta, saya bercakap tentang *passage* dan juga pelabuhan. Saya punya kebimbangannya ialah carta di pelabuhan itu sendiri tidak kemas kini. Bagaimana kita mahu mengawal keamanan kalau masuk dalam pelabuhan itu cartanya tidak dikemas kini. Itu yang saya tanya. Selain daripada itu, muara-muara sungai juga adalah merupakan tempat-tempat yang mudah.

Misalnya, saya bagi contoh kita buat akta ini untuk mengelakkan daripada ada kapal dagang datang bawa bom pergi meletup. Dia boleh pergi, dia boleh guna alasan kerana carta yang tidak lengkap dia letak bom dalam kapal dia, dia berjalan. Dia datang, tengah jalan orang letak, dia masuk ke muara sungai dan dia kata "*No I'm grounded*" dalam istilah *selling grounded* sebab di situ dia meletup. Meletup bukan kerana bom tetapi kerana *grounded*. *I ashore because of the 'shall'*. Maksud saya begitu. Tetapi kalau kita mempunyai carta yang lengkap disebutkan di sini dan sebahagian daripada undang-undang maka dia tidak boleh gunakan alasan yang sedemikian. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini memang pakar dalam membuat peta. Seperti saya sebut tadi perkara peta adalah di bawah bidang akta induk dan ianya dalam bidang kuasa jabatan yang lain. Bagaimanapun, mengenai perkara yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat memang tiap-tiap pelabuhan memang ada *standard operating procedure*nya untuk menentukan bahawa masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku termasuk adanya perkhidmatan pemalangan untuk membantu kapal untuk masuk ke pelabuhan supaya dia tahu arus yang betul.

Jadi perkara ini memang ada dalam *standing operating procedure* dan peraturan-peraturan pelabuhan-pelabuhan dan saya percaya tuan punya kapal pun memahami peraturan-peraturan yang harus mereka ikuti dalam menjalankan perniagaan mereka. Yang Berhormat Ketereh juga menyentuh mengenai pengorekan muara-muara sungai. Ingin saya maklumkan di sini bahawa kerja-kerja pengorekan muara-muara sungai diberikan secara konsesi kepada syarikat Malaysian Maritim dan *Dredging Corporation*.

Perjanjian konsesi kerja pengorekan dilaksanakan secara reka bentuk dan bina di mana tanggungjawab mereka bentuk dan mudik alur pelayaran di muara-muara sungai terletak dengan ... kerja-kerja selia oleh Jabatan Laut. Saya percaya Jabatan Laut juga mempunyai peta yang sesuai dan boleh membantu mereka untuk menentukan mana muara-muara yang harus dikorekkan. Yang Berhormat Petra Jaya dan Yang Berhormat dari Santubong telah menyentuh mengenai sama ada Kerajaan Persekutuan telah pun berunding dengan kerajaan negeri apabila meluluskan rang undang-undang ini dengan matlamat untuk memperluaskan ini kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, memang Kementerian sedar bahawa kedudukan undang-undang perkapalan di Malaysia dan kedudukan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Malaysia. Justeru itu penyediaan rang undang-undang ini mengambil kira perundangan yang terpakai di Sabah dan Sarawak yang telah dirunding dengan pihak berkenaan di Sabah dan Sarawak. Rang undang-undang ini juga hanya mengawal pekerja-pekerja di bawah bidang kuasa Persekutuan dan tidak termasuk pengawalan sungai-sungai.

Seperti saya sebut dalam ucapan saya yang awal tadi, kita hanya dapat rang undang-undang ini, rundingan akan kita adakan sebaik-baik sahaja rang undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen dan ia hanya dapat diperluaskan ke Sarawak selepas berunding dengan pihak berkuasa berkenaan. Ada beberapa perkara yang telah disebut oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi, saya tidak ingin menjawab di sini dan dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit lagi Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sungai Petani...

Datuk Douglas Uggah Embas: ...dalam kita membincang rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Boleh ya, Yang Berhormat? Tadi ada juga saya menyentuh mengenai dengan kapal-kapal asing yang membawa bahan-bahan nuklear dan di sini juga saya ingin tegaskan, bahan-bahan nuklear *waste* juga termasuk dalam hal ini. Jadi, apakah tindakan kita hendak beri keizinan ataupun tidak ataupun dia masuk dalam *Malaysian water*? Apakah kita akan mengambil tindakan ke atas kapal-kapal ini dan adakah kita ada atau tidak pihak yang boleh mengendalikan mengenai dengan soal-soal nuklear dan juga nuklear *waste* ini? Ingin saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya sebut tadi, kalau sebuah *submarine* tidak termasuk dalam bidang kuasa rang undang-undang ini, tetapi kalau itu masalah kapal, di sinilah perjanjian antarabangsa memerlukan semua kapal yang berlayar dari pelabuhan ke pelabuhan di seluruh negara perlu mematuhi segala peraturan yang telah digariskan dalam ISPS. Maka tidak timbullah masalah yang disebut kepada Yang Berhormat, tetapi kalau ada dia membuang sisa-sisa ke laut kita, itu juga telah pun jatuh kepada bidang kuasa Kementerian lain. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak tanya sedikit tadi, tetapi tak sempat bangun sebab Yang Berhormat....

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya fikir tutuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tutup dah?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya..sudah selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah tutup. Yang Berhormat kata sudah tutup.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sudah tutupkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sudah tutuplah. [Ketawa]. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 20 -

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya ada satu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik, baik..

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya Tuan Pengerusi, ini satu persoalan saya. Yang pertama, hmm... dualah sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Fasal mana?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Consequential*, dengan izin. Yang pertama, bot-bot ekspres itu yang *river ...*, bukan *river ...*, yang *coastal express boat* ini, sama ada dalam bidang ini. Saya ingat cuba *merchant shipping* punya itulah, tetapi soalan yang saya tanya, soalan *design* dia. Datuk mempunyai cukup pengalaman... Saya cukup yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai pengalaman yang luas, soalan *design* ini. Kalau kita masuk dalam itu, dia tidak ubah macam..., lubang di sana, lubang di sini, tetapi keselamatan untuk keluar kalau berlaku sesuatu kemalangan, atau berlaku karam dan sebagainya, memang payah kerana jendela untuk keluar menggunakan satu mekanisme besi.

Kadang-kadang bot ini apabila melalui pemeriksaan oleh pihak Jabatan Laut, benda ini tidak *dicheck* begitu rupa. Jadi, kita boleh masuk ke dalam, kita boleh cuba buka, dia tidak boleh. Bot-bot ekspres ini digunakan macam di Pangkor, digunakan banyak di Sarawak khususnya di Kuching sampai ke Sarikei, tetapi keselamatan dalam kalau berlaku kemalangan, berlaku karam dan sebagainya, orang di dalam itu memang payah hendak keluar. Kerana *exit* untuk keluar itu tidak ada. Jadi *design* ini macam mana pula tugas tanggungjawab kementerian ataupun pegawai daripada *marine* ini mengambil tindakan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini *consequential* ya? Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, semua ini telah pun diambil kira oleh Jabatan Laut sebelum dia mengeluarkan satu lesen kepada feri, kerana adalah tanggungjawab jabatan tersebut untuk menentukan bahawa sesuatu feri itu selamat digunakan, termasuk menentukan ruang-ruang dan pintu-pintu untuk keluar apabila ada kemalangan cukup untuk memenuhi piawaian mereka. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2007**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.10 ptg.**

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah satu undang-undang yang tujuan utamanya adalah untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki keadaan alam sekeliling. Akta ini juga memperuntukkan peraturan dan tatacara bagi mengatur hubungan di antara manusia dengan manusia dengan tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi bagi haiwan, tumbuh-tumbuhan dan faktor-faktor sosial estetika. Akta ini telah melalui banyak pindaan sebelum ini dan yang terakhir sekali ialah pada tahun 2006.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan mesyuarat*]

Pindaan-pindaan yang dibuat adalah bertujuan bagi memastikan peruntukan perundangan yang ada dapat memenuhi keperluan dasar dan tuntutan pembangunan sosioekonomi semasa. Hakikat ini membuktikan bahawa kerajaan semangnya peka kepada aduan serta rungutan rakyat dan sentiasa berusaha untuk memperbaikinya. Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri dan dibacakan kali yang pertama di Dewan yang mulia ini pada 22 Mac 2007.

Secara keseluruhannya rang undang-undang ini melibatkan pindaan kepada seksyen 34(b) sub seksyen (4) bagi menetapkan hukuman penjara mandatori terhadap kesalahan pelupusan buangan terjadual secara haram dan pindaan kepada seksyen 43 untuk memasukkan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat sebagai salah seorang yang bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan. Di samping dapat mengemaskinikan dan menambah baik peruntukan-peruntukan sedia ada, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menangani masalah pelupusan buangan terjadual secara haram yang semakin bertambah seiring dengan pertambahan bilangan industri dalam negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sub seksyen 34(b) sub seksyen (4) peruntukan asal Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang didapati bersalah oleh mahkamah membuang buangan terjadual secara haram atau di tempat yang tidak dibenarkan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Sub seksyen 43 (1) pula memperuntukkan pihak yang dipertanggungjawabkan atau pihak yang boleh dituduh terdiri daripada pengarah, pengurus atau lain-lain pegawai seumpamanya atau orang yang memegang kongsi bagi syarikat, firma pertubuhan dan lain-lain kumpulan orang atau yang berupa sebagai bertugas dalam jawatan berkenaan. Walau bagaimanapun sehingga kini belum ada kes pelupusan buangan terjadual secara haram yang didapati bersalah di mahkamah dijatuhkan hukuman penjara melainkan dikenakan hukuman denda sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes pelupusan buangan terjadual secara haram yang direkodkan oleh Jabatan Alam Sekitar daripada tahun 2001 hingga tahun 2005 adalah berjumlah 97 kes. Selain melibatkan kos pelupusan dan pembersihan yang besar iaitu lebih kurang RM8 juta, buangan terjadual yang dilupuskan secara haram ini juga telah mengakibatkan kesan negatif kepada alam sekitar dan mengganggu serta menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan penduduk yang tinggal berdekatan.

Daripada pengalaman aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan, adalah didapati bahawa kejadian pelupusan buangan terjadual secara haram ini berlaku kerana kurangnya komitmen dan rasa tanggungjawab pihak atasan sesebuah syarikat

dalam pengendalian buangan yang terhasil dari syarikat berkenaan. Pengurusan buangan lazimnya dilakukan oleh pekerja-pekerja di peringkat bawahan sahaja. Pekerja-pekerja ini akan mengambil jalan mudah dan berkemungkinan juga akan berkomploit dengan kontraktor pengangkut untuk melupuskan buangan pada kos paling murah dan di tempat-tempat yang tidak diluluskan seperti di kawasan ladang kelapa sawit, kawasan rizab sungai dan sebagainya pada waktu-waktu sunyi dan tidak diperhatikan oleh orang ramai.

Perkara ini boleh mendatangkan mudarat kepada manusia dan alam sekitar. Secara ringkas, buangan terjadual adalah buangan yang mengandungi bahan-bahan toksik dan berbahaya. Sekiranya buangan ini tidak diurus dengan kaedah yang sepatutnya, ia akan membahayakan orang ramai dan memusnahkan alam sekitar. Orang ramai yang terdedah kepada bahan-bahan toksik dan berbahaya ini boleh mengalami masalah kesihatan seperti sesak nafas, penyakit kulit, keracunan, kanser dan sebagainya. Ekosistem dan alam sekitar pula akan terjejas apabila bahan-bahan toksik dan berbahaya ini menyerap masuk ke dalam flora dan fauna dan seterusnya menjejaskan kitaran pemakanan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin dengan kesejahteraan hidup rakyat. Hak-hak dan kepentingan mereka sentiasa diberi perhatian serta dilindungi melalui undang-undang. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berpendapat adalah wajar sekiranya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan melupus barangan terjadual secara haram dan pihak atasan syarikat termasuk Ketua Pegawai Eksekutif syarikat dipertanggungjawabkan supaya pihak syarikat lebih berhati-hati dan komited dalam menguruskan buangan terjadual. Hukuman penjara mandatori yang dicadangkan ini akan menjadi satu langkah pencegahan yang berkesan kerana ia merupakan satu *deterrent* kepada semua pihak supaya tidak mengambil sikap sambil lewa dalam mengurus buangan terjadual masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dicadangkan ini adalah bagi memastikan pengeluaran, pengendalian dan pelupusan buangan terjadual dari premis terbabit sentiasa berada pada tahap selamat dan tidak menjadi ancaman dan kemudaratan kepada kesihatan orang awam dan kemusnahan alam sekitar. Selain daripada itu pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan pihak atasan sesebuah syarikat lebih bertanggungjawab dan peka terhadap perihal menggunakan bahan buangan terjadual.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada sesiapa menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jerai. Ya, Jerai sila.

4.17 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Atau hendak bagi laluan kepada Kepong dulu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai terus.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekejap ya, Kepong baik orang dia. Tuan Yang di-Pertua, kira rang undang-undang pindaan ini adalah tepat pada waktu dan masanya. Sepatutnya kita buat lebih awal lagi. Jadi saya menyokong rang undang-undang ini kerana kita dapat lihat Tuan Yang di-Pertua sekarang ini keadaan alam sekitar ini bukan sahaja di Malaysia di seluruh dunia sudah huru-hara. Sebab itulah kadang-kadang hujan tidak tentu masa, panas tidak tentu masa dan sebagainya. Di negara-negara barat pun *winter* pun tidak tentu masa, *spring* pun tidak

spring, summer pun tidak *summer* disebabkan oleh manusia tidak prihatin tentang alam sekitar.

Inilah yang menyebabkan kerana manusia kadang-kadang rakus dan manusia tidak mahu melihat dunia yang Allah Taala cipta ini untuk kesejahteraan manusia dijaga dengan baik oleh manusia. Akhirnya manusia sendiri yang merosakkan alam sekitar ini dan kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk membendung supaya alam sekitar di negara kita ini dikawal dengan begitu baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *How are you today? Thank you.*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bila Yang Berhormat bercakap soal pencemaran alam dan alam sekitar, saya hendak tanya mudah sahaja. Orang yang hisap rokok tengah-tengah di kalangan orang yang tidak hisap rokok, dia tahu kawan-kawan dia tidak hisap rokok tetapi dia merokok kemudian dia datang dia hembus kat muka kita. Kita hendak *react* pun kawan tetapi dia jelas mencemarkan alam sekitar, bab itu sahajalah. Apa pandangan Yang Berhormat orang-orang yang macam ini. Ini termasuk dalam kena hukum macam itu jugakah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sudah tahu kawan itu hisap rokok dan kita tidak mahu habuk rokok, asap rokok kita pi lah ke lain, biarlah dia hisap dengan penyakit dia dan kita tahu dah merokok itu membahayakan kesihatan dok tunggu apa? Kita pergilah ke tempat lain dan di Dewan Rakyat pun telah diadakan tempat untuk merokok di kawasan di mana...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, maksud dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan ke tidak?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh, boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Apakah maksud Yang Berhormat *non* perokok harus lari dari perokok atau perokok harus menghindarkan diri daripada *non* perokok? Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tahu bahawa merokok itu berbahaya kepada kesihatan, maka kita minta diri kita pergi ke tempat yang tidak dekat dengan orang merokok. Kita pun hendak sekat orang merokok ini pun susah juga Tuan Yang di-Pertua. Sekurang-kurangnya dia merokok dia hisap rokok dia tidak hisap lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai hisap rokok juga kot.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sosial Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sebagai seorang ahli politik kadang-kadang saya masuk kampung, saya hisap rokok daun di kampung kerana hendak bersembang dengan orang kampung hendak ambil hati orang kampung, kadang-kadang saya ambil rokok kawan kerana hendak menyelamatkan kawan. Kalau tidak dia hisap 20 batang, saya ambil sebatang sekurang-kurangnya dia menghisap 19 batang. Kurangkan penyakit dia. *[Ketawa]* Mana hendak cari kawan macam saya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dua perkara. Yang pertamanya saya berharap Yang Berhormat bagi Jerai dapat berfikir. Beliau merokok, terutamanya kanak-kanak dan bayi, macam mana hendak lari, dia pun tidak tahu itu asap rokok yang basi, *second hand and third hand*. Dia tidak tahu macam mana hendak lari, yang pertama. Di sini pun saya berharap Yang Berhormat sendiri jangan merokok lagi. Jangan merokok lagi, kita cuba pujuk semua yang merokok di sini

jangan merokok dan tambah pula jangan buang kotak atau habuk rokok dan sebagainya, buang begitu juga.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Di Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jangan di Kepong, terlalu banyak yang sudah cemar. Yang kedua, saya pernah pergi ke Gunung Jerai.... [Ketawa] ... bersih macam mana, ada orang yang kencing dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ... sampah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ... saya tidak nampak dalam akta ini ada merokok....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ..memang, kita hendak konsep memelihara alam sekitar kerana kita hendak sokong Yang Berhormat Menteri buat yang baik, hendak sokong. Jadi kita ada banyak... saya pun hendak cakap mengenai beberapa faktor yang terlibat. Tetapi di Gunung Jerai sekarang hendak jadi Bukit Jerai kerana ada pencemaran yang teruk sangat dan buangan sampah di situ bukan main. Bolehkah Yang Berhormat Jerai ini tolong sedikit membersihkan gunung itu. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ini merapu, adakah kerja wakil rakyat ini hendak cuci gunung? Kerja wakil rakyat kita menasihati rakyat, menolong rakyat, membantu rakyat. Bukan saya kena kutip sampah. Saya sudah naik, bubuh *sign board* ke atas, 'Jangan Mencemarkan Alam' dan sebagainya. Saya seorang pencinta alam kerana saya sedar tanpa oksigen kita akan mati. Yang Berhormat pun akan mati. Jadi kita hendakkan alam sekitar ini elok. Yang merokok ini saya mencadangkan, kalau macam itu Tuan Yang di-Pertua, kita haramkan syarikat-syarikat rokok, tidak usah berniaga, tutup. Pasal apa kita bagi, dah kita tahu mencemar alam, merosak alam, la, ini kita buat satu rang undang-undang supaya 'Rokok tidak boleh dijual di Malaysia'. Cuba Yang Berhormat buat kalau Yang Berhormat berani. Saya bukanlah merokok macam saya katakan tadi, saya merokok untuk menyelamatkan kawan. Saya tidak pernah beli rokok, tetapi kerana saya kasihan kepada kawan saya yang terpaksa merokok sampai 20 batang sehari, kalau saya ambil dua batang, sekurang-kurangnya dia selamat dia hisap 18 sahaja. Merokok dan mencerut, mencerut lebih jelaga daripada merokok. Tetapi depa kata cerut asap rokok, daun cerut itu dia mewangikan, aroma, mewangikan. Sebab itulah orang mencerut dan kita mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan juga bubuh tanda-tanda 'Dilarang Mencerut' bukan 'Dilarang Merokok'.

Kalau 'Dilarang Merokok', dia tidak merokok tetapi dia mencerut. Apa salah? Itu pun satu masalah. Kena buat dua-dua, 'Dilarang Merokok dan Mencerut'. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan kena buat kerja dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ini Kementerian Alam Sekitar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya. Ini pasal kes inilah, saya tengok cara-cara dia orang buat papan tanda apa semua. Ini Kementerian Kesihatan pula Yang Berhormat. Di Parlimen hari ini saya amat kecewa, amat-amat kecewa, berasa amat-amat kecewa hari ini apabila sahabat saya dari Jasin sakit hari ini, tengok mendadak dia sakit, dia pergi ke klinik di Parlimen, doktor siap *check-check* dia, kemudian apabila dia hendak ambil ubat, sekarang ini arahan baru dari Kementerian Kesihatan, ubat-ubat Yang Berhormat kena pergi ambil di hospital. Mana boleh? Apakah hina sangat kami ini wakil rakyat?

Kalau Datuk Speaker hari ini batuk demam kerja hendak kena buat, hendak pergi ambil ubat, kena beratur di GH, Tuan Yang di-Pertua, kami ini mewakili rakyat buat kerja untuk rakyat, kadang-kadang masa, kadang-kadang sampai sakit Tuan Yang di-Pertua sampai sakit pun gagah buat kerja. Kawan-kawan kata pergilah *check* di hospital, tidak apa boleh lagi gagah pergi buat kerja. Hendak jaga rakyat, mari di Parlimen bukan bersidang setiap hari, sekali bersidang, tidakkanlah kalau sakit hendak pergi ambil ubat di hospital ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tajuk itu bagus Yang Berhormat. Tetapi di luar Kementerian Alam Sekitar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, pasal saya tengah geram ini. Alam sekitar punya hal ini, pasal merokok, batuk, bila pi klinik, ubat tidak ada. Jadi saya mintalah Menteri Kesihatan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Merokok bukan masalah batuk.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, boleh saya bantu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bantu sambung geram sangat ini? Sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sebenarnya, di antara alam sekitar yang disebut alam sekitar, selain daripada fizikal alam sekitar, menyediakan alam sekitar yang kondusif untuk Parlimen juga sebahagian daripada alam sekitar dan menyediakan kemudahan kondusif seperti bagi ubat masa sakit itu, termasuk dalam ini juga. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju Yang Berhormat. Kalau pegawai-pegawai kerajaan kita demam ke, rebah ke tengah dok bekerja ini, hendak pergi ke klinik, doktor boleh *check* dia tetapi tidak boleh bagi ubat apa hendak buat? Tidakkah hendak pergi lari dengan ambulans hendak pergi GH hendak ambil ubat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ambulans tidak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ambulans tidak ada. Takut serangan jantung. Jadi, inilah satu lagi kekecewaan Tuan Yang di-Pertua menghina Dewan Rakyat yang mulia, menghina Datuk *Speaker*, menghina Perdana Menteri sendiri, sebagai Ahli Parlimen dan menghina menteri sendiri sebagai Menteri Kesihatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya sampuk sedikit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini pasal rokok, pasal alam sekitar atau pasal Kementerian Kesihatan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak mencelah tentang apa yang dibangkitkan oleh Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, celah-celah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dari segi keistimewaan Ahli Parlimen selama ini klinik ini dengan doktorinya, kakitangannya telah memberikan layanan yang cukup baik, mereka menghormati Ahli Parlimen sebagai orang-orang yang penting dalam negara ini untuk memberikan layanan. Tetapi saya dengar khabar bahawa klinik kita ini, doktor kita ini telah diarahkan supaya jangan melayan lagi Ahli Parlimen ini. Apakah Ahli Parlimen ini lebih penting daripada rakyat biasa? Ini hujah mereka. Dengan sebab itu kalau sakit, kita di sini hanya akan dinasihatkan untuk pergi ke GH dan di sini hanya boleh bagi Panadol sahaja. Doktor di sini tidak boleh lagi membekalkan ubat macam biasa.

Jadi seolah-olah kerja doktor yang begitu baik tidak diiktiraf oleh kementerian mereka sendiri. Ini satu yang saya tidak dapat terima. Kalau benar pihak Kementerian Kesihatan, tidak boleh melayan kita, tidak mahu melayan kita, benci melayan kita, tidak mahu menghormati Ahli-ahli Parlimen, saya cadangkan supaya klinik ini ditutup dan digantikan dengan klinik swasta, *specialist* dari mana-mana, kerajaan bayar. Kalau kementerian dan kerajaan sendiri tidak menghormati Ahli Parlimen, jadi tutup sahajalah kalau dia benci sangat dengan Ahli Parlimen, tutup. Menteri yang sebagai Ahli Parlimen sendiri pun sanggup menghina Ahli Parlimen, saya tidak faham dan Ahli Parlimen ini terdiri daripada Perdana Menteri dan kita semua yang duduk dalam ini. Tidak kiralah, baik BN ke, pembangkang dia sebagai Ahli Parlimen sepatutnya diberikan layanan yang sewajarnya. Jadi kalau seorang doktor begitu baik, begitu

berhemah dan hendak membantu Ahli-ahli Parlimen dengan memberikan ubat memberikan layanan, kadang-kadang kita sakit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: kita dibawa ke hospital...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini satu contoh dan teladan pegawai kerajaan yang begitu baik. Tetapi kalau baik seperti ini pun dibenci oleh kementerian, saya tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi ini celahan sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai. Ya, cukuplah. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini celahan sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itulah kalau ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kementerian Kesihatan tak boleh hendak melayan kita, tutup dan digantikan dengan klinik daripada swasta yang kerajaan bayar, daripada spesialis mana-manalah dipilih. Di Kuala Lumpur ini pun banyak. Saya ingat mereka pun sanggup kerana mereka orang-orang yang pandai menghormati apa yang sepatutnya dia hormat kepada Ahli Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, alam sekitar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat kena tumpukan kepada alam sekitar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, pasal alam sekitar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingat Yang Berhormat kena sambung petang ini atau pun besoklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berhenti dulu lah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak nak sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jam sudah empat setengah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, saya semua hendak perbetul yang kadang-kadang pasal apabila kita batuk pun mencemarkan alam sekitar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Kalau selesema pun mencemar alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sambung kemudian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sambunglah ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1)

BANJIR DI KUALA LUMPUR

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah masuk jam 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi suatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul ini. Setiap pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang, sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penduduk-penduduk Kuala Lumpur mengeluh lagi. Bukan di Kuala Lumpur malah di Lembah Klang sepanjang persisiran Sungai Klang dan Sungai Gombak serta Sungai Batu mengeluh dan kesal bahawa banjir besar melanda lagi pada hari Ahad 10 Jun 2007 iaitu satu banjir besar bagi tahun 2007, meskipun pada 3 Jun 2007 banjir melanda di kawasan Brickfield dan Bukit Bintang.

Nampaknya banjir kilat sentiasa berulang pada setiap tahun. Misalnya pada 30 April 2000, 26 April 2001, 20 Oktober 2001, 11 Jun 2002, 10 Jun 2003 dan tahun 2004 dan 2005 dan 24 Ogos 2006. Akan tetapi banjir besar kali ini mengandungi 75 juta meter padu lebih air membanjiri sebahagian besar Kuala Lumpur sebagai ibu negara.

Kawasan yang terjejas teruk ialah Jalan Tun Perak yang menempatkan Masjid Jamek, Stesen LRT dan Putra, Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Masjid India, Jalan Melayu, Jalan Lebu Ampang, Jalan Gereja, Dataran Merdeka, Tiong Nam, Kampung Baru, Dang Wangi, Sentul dan sebagainya. Akibatnya banyak kenderaan rosak dan ditenggelami air. Kedai-kedai dan pejabat, barang-barang perniagaan menjadi rosak. Kerugian rambang berjumlah antara RM20,000 hingga RM200,000 masih belum diganti.

Dokumen pejabat rosak, buku-buku di Perpustakaan Kuala Lumpur juga rosak. Barang perniagaan yang baru turun dari kargo juga rosak. Terlalu banyak barang yang musnah jika hendak disenaraikan. Itulah sebab penduduk-penduduk Kuala Lumpur mengeluh dan fobia bila banjir datang lagi.

Kemusnahan masa lalu akibat banjir masih belum berganti lagi, kini sudah datang kemusnahan baru. Inilah tidak termasuk dengan para pemandu kenderaan yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas akibat banjir dan bagi negara pula imej negara terjejas dan nama yang baik itu telah dicuci bersih dengan kejadian banjir besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, kedai-kedai di bawah Dataran Merdeka, kenderaan terperangkap dalam banjir yang memakan masa seminggu untuk menyedut keluar air banjir. Para peniaga kecil dan penjaja yang mana barang-barang perniagaan mereka ditenggelami air menanggung kerugian dan kesedihan kerana tidak tahu bagaimana hendak mengumpul modal untuk memulakan perniagaan baru. Barang-barang jualan yang rosak tetapi masih boleh dipakai tetapi terpaksa dijual murah.

Saya boleh beri satu contoh apabila saya melawat Masjid Jamek, Jalan Melayu, Masjid India bahawa terdapat 143 para penjaja mengalami kerugian yang besar bukan sahaja barang-barang mereka musnah dan pada masa sekarang mereka tidak ada modal untuk memulakan perniagaan dan mengharapkan kerajaan harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu mereka memulakan perniagaan.

Siapakah yang patut dipersalahkan? Rakyat menyalahkan pihak berkuasa seperti DBKL, Jabatan Perparitan dan Saliran yang bertanggungjawab terhadap semua

ini. 'Projek indah sungai kita' telah dibawa arus ke dalam sungai. Mengapakah projek tebatan banjir yang sudah memakan masa bertahun-tahun lamanya masih belum menjelma untuk menolak semua air ke dalam sungai dibawa ke laut.

Rakyat menganggap projek tebatan banjir ialah projek main-main sahaja. Kerajaan meletakkan punca kepada hukum Tuhan sedangkan Tuhan menyuruh hambanya berikhtiar dan berusaha untuk mengelak banjir.

Tuan Yang di-Pertua, masing-masing agensi menyalahkan antara satu sama lain. JPS menyalah pembangunan yang pesat di kawasan hulu sungai maksudnya di kawasan negeri Selangor dan pinggir Kuala Lumpur. Tidak kurang pula kesalahan diletakkan kepada kelemahan perancangan bandar. Mengapa projek tebatan banjir berjalan perlahan. Apakah yang sudah ditempah selama ini? Mengapakah kerajaan tidak mengambil pengajaran dan iktibar dari kejadian-kejadian banjir yang sentiasa berulang selama beberapa tahunan ini. Setiap kali banjir kita semua gempar. Bila air surut dan tidak berlaku hujan, kita mula leka dan lengah. Inilah yang berlaku selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur ialah ibu negara, sebuah bandar raya bertaraf dunia dan pusat atau nadi perdagangan negara. Di Kuala Lumpur atau Lembah Klang sentiasa mempunyai keluaran negara kasar yang tertinggi berbanding bandar raya dan bandar besar yang lain. Setiap hari jutaan ringgit mengalir masuk dalam Kuala Lumpur menerusi perdagangan, industri, pelancongan, perkhidmatan yang mempunyai rangkaian domestik dan antarabangsa.

Kuala Lumpur adalah nama yang sinonim bagi negara Malaysia. Apabila menyebut Malaysia, pihak masyarakat antarabangsa pasti menyebut Kuala Lumpur. Bila Kuala Lumpur saban tahun dilanda banjir kilat, apatah lagi banjir besar seperti 10 Jun lalu, maka masyarakat antarabangsa yang terdiri daripada pelabur, peniaga dan pelancong asing pasti membuka mata dan menimbulkan satu perasaan baru iaitu semacam tidak meyakini Kuala Lumpur sebagai pusat pelaburan baru.

Dalam kesibukan kita menyambut 50 tahun kemerdekaan negara berserta Tahun Melawat Malaysia, apakah perasaan pelancong asing bila mendapati mereka terperangkap dalam banjir? Apakah perasaan mereka yang sedang dalam persiapan untuk datang melancong ke Malaysia mendapati ibu negara Kuala Lumpur dilanda banjir? Kita tidak dapat menaksir jumlah sebenarnya kerugian akibat banjir tetapi sudah pasti kerugian ketara dan tidak ketara pasti memakan jutaan ringgit.

Cuba bayangkan, Jalan Sultan Ismail yang terletak dalam kawasan Perdagangan Segi Tiga Emas Kuala Lumpur yang mana banjir melanda hotel-hotel kerana dia terletak berhampiran Sungai Klang pada 10 Jun lalu telah meninggalkan kesan takut kepada pelancong-pelancong asing untuk datang kembali.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, Kuala Lumpur yang merupakan penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, maka bencana banjir kilat yang besar yang melanda Kuala Lumpur tempoh hari wajar diberhentikan, dielakkan, dibendung dari memasuki Kuala Lumpur terutama pusat bandar raya.

Kejadian banjir itu sendiri telah memakan kos yang tinggi bagi setiap warga kota seperti kemusnahan harta benda, stok perniagaan, aset, peluang perniagaan, kos petrol, pengangkutan dan sebagainya.

Ada pejabat yang terpaksa ditutup sehari-hari kerana kemusnahan dokumen dan harta pejabat. Para peniaga terpaksa melelong dengan harga murah mana-mana stok yang boleh dijual, yang tidak boleh dijual dianggap kerugian langsung. Penjaja dan peniaga kecil hilang pekerjaan, berniaga barang-barang dan stok jualan yang menyebabkan kehidupan keluarga terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu dan wajib bertindak tegas, pantas dan cepat untuk memastikan Kuala Lumpur bebas daripada banjir kilat untuk selamalamanya meskipun memerlukan dan menggunakan belanja yang tinggi untuk projek menebat banjir. Ia bukan satu projek yang boleh dilengah-lengahkan lagi dari tahun ke tahun seperti yang berlaku sekarang, kita kena bertindak pantas dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi, negara kita telah banyak kerugian akibat banjir yang berlaku di Kuala Lumpur sepanjang beberapa tahun lalu dan kerajaan hendaklah melancarkan program Kuala Lumpur bebas banjir dalam erti kata yang sebenarnya, bukan lagi kata-kata kosong dan janji kosong semata-mata.

Kerajaan mestilah bertindak *go extra mile*, dengan izin, dari pelan tindakan sekarang untuk melipatgandakan usaha mengatasi banjir.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan Pusat meluluskan satu projek raksasa iaitu Projek SMART iaitu projek mengatasi banjir di Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM2,168 juta ialah *RM2.168 billion*, dengan izin. Sebanyak RM1,547.3 juta yang ditanggung oleh kerajaan, manakala sebanyak RM620.7 juta ditanggung oleh Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. dan projek ini dimulakan balik pada bulan Januari 2003 dan dijangka siap pada 31 Disember 2006 iaitu tahun yang lalu. Apa yang kita amat sedih bahawa pemaju lebih mementingkan mengutip tol laluan kenderaan dan sepatutnya menyalurkan air patut diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan bahawa sewaktu daerah-daerah Selatan Johor dilanda banjir pada tahun yang lalu, kerajaan meluluskan peruntukan sagu hati dibayar kepada mangsa-mangsa banjir di sana. Adakah kerajaan akan menimbang untuk meluluskan peruntukan untuk membayar sagu hati kepada mangsa-mangsa banjir di Kuala Lumpur yang turut menanggung kerugian teruk. Saya harap peruntukan kecemasan ini dapat disalurkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa pun yang boleh menafikan bahawa banjir melanda Kuala Lumpur pada setiap tahun tidak akan berlaku dan membiarkan rakyat menanggung sendiri kesan bencana ini. Oleh itu bersiap sedialah kita untuk mengelakkan banjir melanda Kuala Lumpur. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Cheras.

4.44 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dewan ini harus memerhatikan bahawa dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pernah mengemukakan usul tergepar berbentuk yang sama beberapa kali tetapi ditolak setiap kali kerana diberikan alasan bahawa tindakan yang berkesan akan diambil, yang membina yang akan mengatasi masalah banjir kilat dan banjir besar di ibu kota kita yang bercita-cita menjadi *world class city* ini, tetapi semua janji yang diberikan tidak dapat dikota dan banjir tetap banjir juga.

Kali ini nasib baiklah ada perhatian khusus oleh Perdana Menteri. Beberapa hari kemudian berlakunya banjir besar, ada pengumuman daripada Jemaah Menteri bahawa satu peruntukan berjumlah RM100 juta akan dibelanjakan untuk membina 10 kolam takungan banjir dan sebagainya tetapi saya ingin memperingatkan Dewan ini bahawa kami masih tidak tahu lagilah sama ada janji-janji ataupun rancangan-rancangan tebatan banjir ini akan menjadikan *solution* kepada masalah banjir yang berlarutan di Kuala Lumpur sejak tahun 1971 kerana sejak tahun itu apabila banjir raksasa berlaku, wang yang dibelanjakan adalah tidak dapat dikira.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya juga, saya nampak Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ada di sini tetapi di mana Menteri Wilayah Persekutuan kerana projek tebatan banjir ini adalah tanggungjawab dan tugas dua kementerian, satu Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, satu ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui DID. Saya harap nanti BBC tidak akan dibenarkan bercakap supaya membenarkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar separuh masa dan Menteri Wilayah Persekutuan separuh masa untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada persoalan yang tulen mengapa Kementerian Wilayah Persekutuan harus menjawab kerana dalam satu jawapan bertulis kepada saya oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar baru-baru ini, saya diberitahu Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur adalah dalam dua pakej, Pakej I iaitu SMART *Project* yang menelan kos sebanyak RM1,933 juta iaitu pembinaan yang akan siap bulan ini dan bagi Pakej II iaitu projek yang menelan kos pembinaan dan pengambilan tanah, RM805 juta, dijangka siap pada akhir bulan Disember ini.

Menurut jawapan, menteri kata apabila kedua-dua pakej ini siap dibina, ia akan dapat mengatasi masalah banjir yang sama kesanya seperti yang berlaku pada 1971 di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Ini boleh mengelakkan kadar ulangan satu dalam 100 tahun. Ini jawapan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kalau Pakej I dan II ini yang merangkumi SMART *Project* dan Pakej II iaitu pembinaan kolam-kolam

takungan banjir Batu dan Jinjang. Kalau kedua-dua pakej ini siap dibina, masalah banjir akan jadi sejarah di Kuala Lumpur.

Mulai Januari tahun depan, satu Muzium Banjir boleh dibina di Kuala Lumpur untuk memperingati masalah banjir di Kuala Lumpur tetapi mengapakah beberapa hari lalu Jemaah Menteri melalui Menteri Wilayah Persekutuan terpaksa membuat satu pengumuman bahawa satu peruntukan RM100 juta lagi akan dibelanjakan untuk membina 10 kolam takungan air bagi mengatasi masalah banjir. Bukankah ini satu pembaziran wang?

Di sebelah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Pakej I dan II cukup, tidak payah lagi. Di sebelah Kementerian Wilayah Persekutuan hendak belanja lagi. Apakah logik ini? Maka, pembaziran wang dana rakyat ataupun tidak ada *solution* langsung.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya difahamkan dan ini adalah satu fakta. Di Kuala Lumpur ini sebelum rancangan SMART *Tunnel* itu diluluskan oleh kerajaan, kerajaan telah pun pada 12 ataupun 15 tahun yang lalu sudah ada rancangan untuk membina sejumlah 28 kolam takungan banjir di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah banjir keseluruhannya.

Tetapi hingga ke hari ini kerana tanpa *political will* dan sikap sia-sia, sikap main-main, *play-play* oleh kerajaan Barisan Nasional ini, hari ini sampai sekarang, hari ini cuma 12 kolam yang dibina, lapan oleh DIB, Jabatan Pengairan dan Saliran dan empat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, masih kekurangan 16, mengapa ambil masa begitu lama? Apakah benar kalau Menteri Wilayah Persekutuan boleh jawab, 10 kolam takungan banjir ini akan siap bila? Kerana saya difahamkan banyak prosedur yang mesti diikuti termasuklah pengambiln tanah yang akan makan masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengapakah selama ini masalah mengulangi adalah sebab perancangan pusat bandar raya yang tidak seimbang dan tidak dipantau dan tidak dikawal selia dengan baik dan dikesan oleh pihak DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya ingin menunjukkan di sini, adalah perlu satu jawatankuasa penyelarasan pusat ditubuhkan bagi mengelakkan masalah-masalah yang lama berulang dan bagi memastikan pembangunan di Lembah Klang khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini berjalan dengan baik, berkesan dan bebas dari cabaran banjir dan saya ingin memberikan cadangan ini dengan menitikberatkan beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh jawatankuasa ini iaitu memantau projek pembangunan sedia ada dan yang akan dirancang pada masa depan di Lembah Klang, yang kedua ialah memastikan projek-projek pembangunan baik kerajaan atau swasta menepati prinsip *planning before development* dan bukannya *development before planning*. Inilah satu kelemahan yang kami selalu alami.

Pihak DBKL ataupun pihak kerajaan tempatan di pinggir Kuala Lumpur, di Selangor yang selalunya meluluskan projek-projek pembangunan tanpa mengambil kira, mengkaji dengan pandangan jauh masalah-masalah yang akan berlaku, yang akan membawa penderitaan, kesusahan, kekecewaan dan kerugian kepada rakyat. Ini adalah satu masalah yang tidak sepatutnya berlaku. Badan-badan kerajaan suka menunjuk kejayaan mereka dengan meluluskan banyak pembangunan tetapi tanpa mengadakan rancangan yang baik. Maka ini satu perkara yang paling penting. *Urban planning should be before, planning should be before development* dan bukan selepasnya.

Nombor tiga ialah memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan di sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dijalankan tanpa membawa impak negatif. Ini satu kerjasama antara kerajaan negeri Selangor dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Nombor empat ialah mengkaji semula keseluruhannya sistem perparitan yang sedia ada bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengairan dan saliran di setiap zon kediaman komersial dan industri dan akhirnya menggabungkan fungsi-fungsi Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadikan kedua-dua badan itu satu agensi sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banjir telah menjadi satu fenomena yang biasa di Lembah Klang. Pagi ini saya nampak terdapat satu soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, mengenai sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa pokok-pokok kayu besar yang berada di sekitar bandar raya dipotong dengan sewenang-wenangnya untuk memberi ruang kepada pembangunan baru seperti projek jalan raya dan pembinaan bangunan. Tetapi, kesalnya Yang Berhormat Hulu Rajang tidak hadir pagi ini sehingga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang hadir pagi ini tidak berpeluang untuk menjawab isu yang penting ini. Mungkin Yang Berhormat ...

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Hulu Rajang ada Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Saya ingin memberi penjelasan, pagi tadi penerbangan MAS lewat, itu sebab saya tidak hadir, saya dengan Yang Berhormat dari Kuching.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, terima kasih. Mungkin Yang Berhormat Menteri nanti boleh jawab apakah jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kekerapan banjir yang berlaku di Lembah Klang dalam 10 tahun yang lepas dan juga pembangunan yang pesat di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor, kita akan mendapati banjir itu adalah disebabkan oleh pembangunan yang tidak dirancang dengan baik dan kurang tumpuan terhadap penjagaan alam sekitar khususnya atas pemeliharaan kawasan hijau dan pokok-pokok di kawasan Lembah Klang.

Saya boleh berkata bahawa pembangunan di Kuala Lumpur dan Lembah Klang memang tidak dirancang dengan baik. Pihak kerajaan tempatan kelihatan lebih berminat untuk meluluskan semua permohonan projek pembangunan daripada pemeliharaan tanah hijau dan penanaman pokok-pokok. Jadi misalnya di kawasan kediaman, di kawasan saya seperti di Taman Desa OUG, Taman Gembira, hampir setiap inci tanah digunakan untuk pembangunan rumah dan kondominium. Sekiranya kita lihat kawasan hijau di selatan Kuala Lumpur misalnya Cheras, Ampang dan Kajang, kita akan dapati banyak pokok telah pun ditebang demi membina lebuh raya dan kawasan kediaman. Jadi bila berlakunya hujan, air di kawasan-kawasan ini pun mengalir deras ke pusat bandar Kuala Lumpur sehingga banjir berlaku di pusat bandar kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat di Kuala Lumpur, masalah yang dihadapi oleh penduduk di Kuala Lumpur bukanlah kekurangan pembangunan ataupun tiada pembangunan. Sebaliknya masalah yang dihadapi oleh kami ialah pembangunan yang tidak terkawal dan tidak terancang sehingga kami selalu membantah projek pembangunan bersama dengan penduduk di kawasan kami.

Perancangan yang kurang rapi ini bukan menyebabkan kesesakan trafik di kawasan Lembah Klang, tetapi ia sebenarnya menyumbang kepada kekerapan banjir di kawasan kami. Akibatnya kerajaan terpaksa mengeluarkan lebih peruntukan untuk menyalurkan air banjir dari pusat bandar ke sungai.

Kekurangan perancangan pembangunan di Lembah Klang dan kesedaran kerajaan terhadap penjagaan alam sekitar yang rendah, juga menyebabkan orang ramai amat sangsi terhadap segala projek tebatan banjir khususnya Terowong SMART. Kerajaan memang tidak harus membenarkan Terowong SMART dibuka sebelum bahagian saluran air banjir itu tidak sedia untuk dipakai. Selain itu kita juga mendapati air telah pun meresap masuk di banyak bahagian di terowong SMART. Kenapakah ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, Terowong SMART mula di bina sebelum laporan EIA dikeluarkan. Sebab projek ini disegerakan kerana ia dianggap sebagai satu-satunya cara untuk mengelakkan banjir, tetapi kerajaan kelihatan langsung tidak mempunyai rancangan lain untuk menebat dan mencegah banjir. Orang ramai sehingga hari ini merasa sangsi sama ada Terowong SMART itu selamat digunakan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang pada tahun 2003 dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk

... tetapi hari ini isu yang sama dijawab oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jadi ini menunjukkan isu alam sekitar di negara kita ini sebenarnya melibatkan banyak agensi kerajaan. Di negara-negara maju, isu alam sekitar adalah isu agenda yang amat penting dalam pembangunan negara, tetapi di Malaysia isu berkenaan alam sekitar adalah amat tidak dipentingkan dan Jabatan Alam Sekitar sebenarnya tidak diberikan kuasa dalam perancangan bandar dan juga pemeliharaan kawasan hijau. Jadi sekiranya asal usul ataupun *root cause* banjir di kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang ini tidak ditangani maka kerajaan dalam tahun-tahun yang akan datang tentu terpaksa mengeluarkan lebih wang untuk mengadakan lebih projek Terowong SMART untuk menebatkan banjir dan juga banjir juga akan kerap berlaku lagi. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat habiskan ucapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Sri Gading.

5.00 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama-sama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Banjir sudah menjadikan sesuatu yang menakutkan di negara ini. Sesuatu yang amat merugikan negara ini. Di Kuala Lumpur pada Ahad yang lepas banjirnya luar biasa. Kita tidak mahu menunjuk kepada mana-mana pihak untuk mencari kesalahan. Mungkin kerana hujan yang lebat, hujan yang biji butirannya agaknya lebih besar. Minta maaf kalau bahasa saya itu tidak berapa tepat, hujan yang lama dan berbagai-bagai lagilah.

Ada setengah kawan saya kata, apa peliknya Lembah Klang ini bah kerana namanya pun lembah. Lembah ini maknanya tempat yang rendah dan Kuala Lumpur ini pun namanya kuala lumpur patutlah kalau agaknya dia lebih hebat bahnnya daripada tempat-tempat lain. Tetapi agaknya sesuatu harus dilakukan dengan lebih serius kerana Kuala Lumpur ini menjadi ibu negara. Tempat saya pun bah. Tempat saya lagi lama, Tuan Yang di-Pertua, 47 hari, daripada 20 Disember 2006 sampai 5 Februari 2007. Kerugian di daerah Batu Pahat termasuk Parlimen Sri Gading saya rasa lebih daripada RM5 bilion yang ditanggung oleh rakyat. Rakyat memang terasa sangat, macam-macam kerugian yang menimpa rakyat.

Jadi, saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersetuju dan semua pihak bersetuju kita sudah tidak boleh lagi menanganai air bah ini secara yang telah kita amalkan sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu, mesti ada pembaharuan yang harus dijalankan dan mesti ada perkara-perkara yang terpaksa kita segerakan tanpa mengira kos. Ini menjadi masalahlah. Kementerian akan berkata kewangan yang ada pada kementerian tidak memadai.

Jadi saya merayu kepada kerajaan oleh sebab bah ini mendatangkan pelbagai kesusahan yang dialami oleh ratusan ribu rakyat, ia menjadi perkara yang menakutkan. Hari ini di Kuala Lumpur, kalau hari hujan sahaja semua orang sudah merasa gelabah, sudah rasa kebimbangan. Yang menjadi masalahnya ini bah yang berlaku kebelakangan ini, macam Yang Berhormat Bagi Seputeh kata tadi, kekerapan berlaku ini - kalau 30 tahun sekali agaknya rakyat akan menerima tetapi kekerapan berlaku. Apabila kekerapan berlaku mesti ada yang tidak kena dalam pembangunan di bandar raya Kuala Lumpur di negara kita mesti ada benda yang berlaku yang menyebabkan kekerapan dan limpahan air yang lebih tinggi.

Saya tidak tahu macam mana agaknya limpahan air yang lebih tinggi. Kemudian bah sekarang ini sudah tidak dapat dijangka. Satu ketika dulu kawasan A tidak kena bah tetapi hari ini ia sudah bah. Satu hari dulu kawasan B selalu bah tetapi hari ini sudah tidak bah. Jadi sudah tidak menentu kawasan yang bah itu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Gulung, Tuan Yang di-Pertua? Saya ingat ini baru mukadimah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, saya berharaplah, Tuan Yang di-Pertua, tindakan segera, tindakan yang bijaksana, tindakan yang boleh meyakinkan rakyat, kemudian *whatever cost* - kerajaan kena tanggung ini. Jadi di Dewan yang mulia ini saya memberikan sokongan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini. Kalau perlu mendapat peruntukan yang berlipat ganda untuk kementerian dan pihak-pihak agensi yang lain membelanjakannya untuk mengatasi masalah yang sudah menjadi ketakutan kepada rakyat.

Kemudian tentang terowong SMART ini, Tuan Yang di-Pertua. Dulu dikatakan terowong ini untuk mengatasi banjir di Kuala Lumpur tetapi disertakan sekali untuk menyuraikan kesesakan terutama di kawasan Sungai Besi untuk kita ke selatan. Hari ini dikenakan tol pula RM2. Ini cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan saya bukan desakan. Sempena dengan 50 tahun merdeka, Pertabalan Agong Yang Ke-17. Nampak pun Pak Lah dalam keadaan *happy* ini bolehkah tol RM2 itu dihapuskan terus. [*Ahli-ahli bersorak*] Pasal asalnya untuk laluan air tetapi kita ambil kesempatan menyuraikan kesesakan, jadi kalau dengan suasana yang cantik dan molek ini menyukakan rakyat. Kalau boleh, ini rayuan bukan desakan atau paksaan. Kalau boleh! Tidak berapa sen pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Sri Gading boleh jadi wakil rakyat Kuala Lumpur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, kalau boleh ganti Yang Berhormat bagi Seputeh saya sedialah. [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua minit sahaja, Yang Berhormat.

5.07 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya terlibat dalam perbincangan usul ini. Masalah banjir ini juga menghantui penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Parlimen Gombak. Kita tahu bahawa, saya bagi contoh, pernah saya bangkitkan dulu, penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Kampung Changkat yang mana berlakunya pembesaran Sungai Gombak itu untuk tujuan tebatan banjir di Kuala Lumpur. Dulu Kampung Changkat ini tidak pernah banjir. Sekarang ini kalau hujan melebihi masa setengah jam kampung tersebut akan mengalami keadaan banjir.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan dalam satu bulan pada ketika ini berapa kali hujan lebih daripada setengah jam. Jadi, dalam keadaan itulah mereka mengalami banjir. Begitu juga penduduk-penduduk yang tinggal di Taman Gombak dan juga Taman Greenwood. Mereka ini telah mengalami banjir selama lebih daripada 20 tahun. Kata mereka banjir ini terjadi apabila jalan raya ataupun Lebuhraya Karak itu siap. Sejak daripada itu keadaan banjir di Taman Gombak dan Taman Greenwood juga begitu teruk. Seperti juga di Kampung Changkat apabila berlaku hujan lebih daripada setengah jam, maka kawasan itu akan mengalami banjir. Keadaan ini sudah dialami lebih daripada 20 tahun. Ditambah pula kalau tidak ada koordinasi dalam segi pembangunan dan juga pembangunan setempat dan didapati pula ada taman-taman yang lain naik selepas itu, ini memburukkan lagi keadaan banjir di kawasan tersebut.

Ada lagi beberapa tempat terutama di kawasan Parlimen Gombak yang mana akibat daripada tidak ada koordinasi dari segi pembangunan dan pembangunan yang tidak begitu terancang, apabila berlaku hujan terjadinya banjir. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjawab.

5.09 ptg.**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]:**

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menghujahkan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi. Ada beberapa perkara yang saya akan jawab secara menyeluruh dan ada juga perkara-perkara yang saya akan jawab Ahli-ahli Yang Berhormat secara spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh kerajaan pada umumnya saya mengulangi pada umumnya telah mencapai matlamat yang disasarkan. Namun demikian di dalam suasana perubahan cuaca yang tidak menentu yang dialami oleh dunia pada hari ini, kadang kala berlaku hujan lebat yang turun dalam tempoh yang singkat seterusnya menyebabkan banjir kilat seperti mana yang berlaku di Kuala Lumpur pada 10 Jun 2007 baru-baru ini. Pada 10 Jun 2007, paras ataupun jumlah air yang turun telah mencapai tahap 122 milimeter dalam tempoh dua jam sahaja iaitu satu paras yang tertinggi dalam tempoh 50 tahun. Dalam kriteria yang digunakan oleh kerajaan dan JPS, paras yang kritikal adalah 100 milimeter tetapi paras pada hari 10 Jun adalah 122 milimeter yang turun dalam tempoh dua jam sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 10 Jun 2007 hujan telah turun secara menyeluruh sekitar Lembah Klang terutamanya di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Analisa daripada info banjir menunjukkan bahawa hujan mula dikesan turun pada pukul empat petang dan berlanjutan hingga pukul sepuluh malam. Dalam tempoh tersebut, hujan yang paling lebat turunnya pada pukul tujuh malam hingga sembilan malam. Hujan yang berterusan ini telah menyebabkan air Sungai Klang dan Sungai Gombak melimpah dan menenggelami kawasan-kawasan stesen LRT Tun Perak, Masjid Jamek, kawasan sekitar Lebuhraya, Kampung Baru, Kampung Pandan, Dataran Merdeka, Jalan Pinang, Jalan Masjid India, Air Panas, Setapak dan beberapa kawasan lain yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

Manakala jalan-jalan yang ditenggelami seperti Jalan Tun Razak, Jalan Raja, Jalan Ampang, Jalan P.Ramlee, Jalan Dang Wangi, Jalan Sentul dan Jalan Semarak, keadaan menjadi lebih buruk apabila keadaan sistem perparitan yang sedia ada tidak dapat menampung air larian permukaan. Ini bukan dikatakan tidak di rancang, tetapi rancangannya tidak memberi, tidak *designed* untuk membolehkan air begitu banyak yang turun yang *volumenya*, kuantitinya yang begitu banyak. Jadi sistem yang dirancang tidak mampu untuk mengalih air yang begitu banyak. Kedalaman banjir adalah antara perpuluhan satu hingga satu meter.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah banjir di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek tebatan banjir yang meliputi dua pakej kerja utama iaitu seperti berikut.

Pakej satu iaitu pengurusan air ribut dan jalan terowong, iaitu SMART Tunnel. Seperti mana Ahli-ahli Dewan sedia maklum, pembinaan SMART projek mempunyai dua objektif utama iaitu pertama, untuk mengatasi masalah banjir di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan kedua untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di pintu masuk ke Kuala Lumpur dari arah selatan Sungai Besi. Projek ini dilaksanakan mengikut jadual seperti mana yang dirancang, di mana komponen bagi laluan trafik dijadualkan siap enam bulan lebih awal daripada komponen-komponen bagi pengurusan air banjir.

Dakwa bahawa projek ini tertumpu pada mencari keuntungan daripada kutipan tol, berbanding mengurangkan banjir di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, adalah tidak benar. Sebenarnya perancangan itu dibuat lebih awal lagi kerana pada masa ini kerja-kerja pembinaan komponen-komponen pengurusan air belum lagi siap sepenuhnya dan belum lagi beroperasi pada ketika ini. Sehingga Mei 2007...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun, beri jalan?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey, saya ada masa ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut jawapan daripada Parlimen, sepatutnya projek ini akan disiapkan pada Disember 2006 telah lewat enam bulan.

Inilah menunjukkan mereka lebih penting kepada mengutip tol melalui *SMART Tunnel* ini, sepatutnya terowong ini untuk tujuan mengalir air untuk mengatasi banjir di Kuala Lumpur.

Bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa jadual siap pada Disember 2006 iaitu satu jawapan yang diberi kepada Dewan Rakyat ini. Minta penjelasan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Memang Yang Berhormat, sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat kena mampatkan jawapan habis 5.30 petang.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mampatkan jawapan habis 5.30 petang.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya tidak sempat, jadi saya akan beri jawapan bertulis. Sehingga Mei 2007 kemajuan keseluruhan projek *SMART* adalah 98.9%. Setakat ini cuma komponen lalu lintas trafik sahaja yang telah siap dan dibuka untuk kegunaan awam pada 14 Mei 2007 manakala komponen pengurusan banjir akan siap pada hujung bulan Jun ini. Apabila komponen pengurusan air banjir siap dan mula beroperasi pada Julai 2007 seperti yang dijadualkan, peristiwa banjir 10 Jun 2007 dijangka tidak akan berlaku.

Pakej B...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan sebelum pakej dua.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...tidak, saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendek, boleh? Pendek.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah benar bahawa apabila keputusan yang dibuat untuk membina *SMART Tunnel* bahawa kerajaan tahukah bahawa ia tidak boleh mengendali masalah *flash flight* tetapi *storm flight* sahaja. Kalau begitu mengapa mengadakan satu *tunnel* tapi tidak *SMART*, apa yang berlaku dan dua-dua yang berlaku?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soalan-soalan teknikal yang mana tidak boleh saya jawab dalam tempoh satu saat. Ini kalau Yang Berhormat hendak bertanya tentang teknikal saya boleh menjawabnya secara bertulis sebab saya ada bukti-bukti dan angka-angka yang saya boleh beri bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya tunggu jawapan bertulis itu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya akan beri bertulis. Projek pakej dua. Projek takungan banjir di Batu dan di Jinjang dan terusan lencongan air. Projek ini melibatkan pembinaan dua kolam takungan iaitu:

- (i) di Batu dan terusan lencongan Gombak;
- (ii) kolam takungan di Jinjang.

Projek-projek ini dijangka siap pada Disember 2007 dan mula beroperasi pada Januari 2008. Sehingga Mei 2007 kemajuan keseluruhan projek ini adalah 87.3%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Susulan kejadian banjir 10 Jun 2007, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya JPS mempercepatkan lagi pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil oleh JPS adalah seperti berikut. Projek *SMART*, projek...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...pihak kontraktor telah diarahkan, saya tidak boleh jawab, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, sila duduklah Kepong.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...tempoh masa tidak cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak payah jawab. Saya beritahu. Tidak payah jawab.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tidak payah saya tidak mahu dengar cerita begitu sebab saya tidak ada masa. Saya diberi arahan, banyak lagi saya kena jawab. Tolong dengar dahulu.

Pihak kontraktor telah diberikan arahan untuk memastikan keseluruhan kemudahan pengurusan banjir di bawah projek SMART termasuk semua kerja pengujian dan jaya guna atau pun *testing* dan *communizing* dengan izin, disempurnakan pada akhir Jun 2007, supaya ianya boleh beroperasi sepenuhnya pada awal Julai 2007.

Projek takungan Batu dan Jinjang, pihak kontraktor telah diarah supaya komponen kolam, takungan batu dan terusan lencongan Gombak disiapkan pada September 2007. Ini akan membolehkan sebahagian besar larian banjir dari tadahan Sungai Gombak sejumlah 4.5 juta meter padu ditakung sementara di kolam takungan Batu. Untuk komponen kolam takungan Jinjang dan terusan lencongan Keroh pula, pihak kontraktor telah diarahkan supaya berusaha mempertingkatkan lagi kemajuannya dan memastikan semua kerja pembinaan dapat disiapkan pada Disember 2007 dan boleh mula beroperasi pada Januari 2008.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta maaf, dia tak bagi jalan Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat... pihak kontraktor Peremba ada masalah dengan subkontraktor di situ, sehingga kerja itu lewat. Itu yang tidak disebutkan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tak apa itu. Biar saya habiskan dahulu dan saya akan jawab. Apabila projek-projek yang dirancang oleh JPS disiapkan pada tahun 2008, masalah banjir seperti yang berlaku pada 10 Jun yang lalu dijangka akan dapat diatasi dengan sepenuhnya. Di samping itu, masyarakat dipohon supaya menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah di dalam sistem perparitan bagi mengelakkan tersumbat dan menjadi punca berlakunya banjir. Juga perhatian khusus perlu diberikan kepada kesempurnaan sistem perparitan tempatan, *local drainage system* dengan izin, yang berada di bawah bidang kuasa pihak-pihak berkuasa tempatan. Selain dari itu pihak berkuasa tempatan harus memantau dan menguatkuasakan sistem kawalan hakisan dan pemedapan kelodak ataupun *erosion* dan *sedimentation control system*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks perubahan iklim dan pemanasan global di mana perubahan cuaca amat tidak menentu, seperti berlakunya hujan lebat dan banjir besar di Johor pada akhir tahun 2006 dan Januari tahun 2007 dan di Kuala Lumpur pada 10 Jun 2007. Maka penting, adalah amat penting bagi semua pihak menghayati dan mengamalkan prinsip pembangunan lestari iaitu setiap projek yang hendak dilaksanakan mestilah dibuat secara mesra alam.

Bagi menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Cheras, iaitu RM100 juta telah ditambah untuk dilaksanakan projek penebatan banjir. Ada beberapa kolam kecil lagi yang dipastikan dapat membantu sekiranya hujan bertambah lebat kerana keadaan sekarang amat tidak menentu. Maka untuk menjaga supaya apa yang ada sekarang, yang dapat mengatasi masalah sekarang, akan dapat mengatasi masalah akan datang sekiranya hujan yang lebih lebat turun pada ketika yang akan datang.

Soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Seputeh saya rasa saya telah pun menjawab. Seputeh hanya membincang mengenai perkara perancangan dan saya telah menyebutkan bahawa perancangan yang terbaik ialah perancangan lestari, iaitu perancangan yang mengambil kira masalah-masalah yang akan dihadapi seperti perancangan dan pembangunan sekiranya tidak mengambil kira masalah-masalah yang akan timbul dari segi alam sekitar. Maka semuanya ini harus diberi perhatian oleh semua pihak termasuk pihak-pihak yang memajukan dan pihak-pihak yang meluluskan kemajuan.

Yang Berhormat Sri Gading meminta disegerakan tanpa mengira kos. Insya-Allah perkara ini akan saya bangkitkan dalam Kabinet, tetapi yang meluluskan amat bergantung pada kedudukan kewangan kerajaan pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Gombak telah membangkitkan perkara-perkara mengenai Kg. Changkat, Taman Gombak dan Greenwood, saya akan ambil perhatian dan akan mengarahkan satu kajian yang menyeluruh dibuat oleh sebab ini kalau benar-benar berlaku disebabkan oleh pembinaan lebuhraya, maka pihak-pihak yang membina lebuhraya juga telah diminta melihat semula sama ada laluan-laluan air telah diambil kira dalam pembinaan dan perancangan lebuhraya. Bukan sahaja di Kuala Lumpur, bahkan di merata-rata tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor. Ada soalan yang dibangkitkan tadi, tak sempat saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sama ada pihak berkenaan tahu bahawa apabila membina *SMART Tunnel*, ia tidak berupaya untuk mengatasi masalah *flash flood* dan *storm flood*. Kalau begitu, bukankah itu satu terowong yang tiada *smart*? Apabila berlaku, apa yang akan berlaku apabila kedua-duanya timbul? Yang Berhormat tahu perbezaan *flash flood* dan *storm flood*?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya rasa saya tahu. [Ketawa] Okey, *flash flood* berlaku dalam tempoh yang singkat disebabkan oleh banyak pembinaan dilakukan dengan memotong kawasan-kawasan. Menimbus kawasan-kawasan yang rendah dan memotong kawasan-kawasan tinggi yang disebutkan seperti *cut and fill*. Dengan melakukan urusan kerja-kerja *cut and fill*, maka kawasan-kawasan laluan air yang rendah itu telah ditimbus. Maka apabila hujan, walaupun lima minit, 10 minit, air hujan itu akan mencari-cari jalan. Itulah jalan yang selalunya dicari iaitu jalan-jalan raya yang dilalui oleh kereta dan sebagainya. Maka berlakulah *flash flood*.

Sebenarnya *SMART Tunnel* dan beberapa projek yang dirancang memang bertujuan untuk mengendalikan urusan *storm water* iaitu apabila hujan yang lebat berlaku, dan *SMART Tunnel* ialah untuk mengendalikan, mengalihkan air. Sebahagian daripadanya adalah juga mampu mengatasi masalah yang dikatakan banjir kilat, kerana ada juga air-air banjir kilat boleh menggunakan laluan-laluan yang digunakan untuk *SMART* dan juga yang digunakan di bawah projek-projek takungan air yang disebutkan tadi.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nak bagi jalan kepada Cheras...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Cuma sama ada *SMART* itu akan digunakan menyeluruh, bergantung pada jumlah kuantiti. Kalau kuantitinya kurang daripada 3 juta meter padu, dia boleh disimpan di dalam takungan yang ada. Ini adalah satu sistem yang saya rasa pada jangka panjang akan dapat membantu mengatasi masalah banjir di seluruh Kuala Lumpur, insya-Allah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, masalah di sini ialah bahawa, *General Manager SMART Tunnel* ada kata bahawa *SMART Tunnel* bukan untuk *flash flood*, tetapi untuk *storm water* sahaja. Kenapa boleh membenarkan satu projek dengan alasan semacam ini? Bukankah ini membazir, buang RM1.9 bilion yang memberi satu *escape clause* untuk *SMART Tunnel* lari daripada tanggungjawabnya? Bukankah ini satu lagi contoh bahawa kegagalan *public delivery system* kerajaan ini?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kalau berlakunya banjir kilat di atas kolam Kampung Berembang. Memang banjir kilat itu boleh diatasi dengan saluran yang ada, tetapi kalau berlakunya di bawah kolam dan menghala ke Sungai

Kelang, tidak ada air yang akan melalui terowong SMART. Jadi, inilah yang dimaksudkan oleh pengurusan syarikat yang mengendalikannya, tetapi tidak semestinya. Oleh sebab kalaulah berlaku banjir kilat ini adalah disebabkan oleh perancangan projek yang saya sebutkan tadi, memang akan berterusan berlaku. Tidak saya mengatakan bahawa ia akan dapat mengasi semuanya.

Namun demikian, saya percaya dengan apa yang dilaksanakan terutama dengan mengendalikan kolam takungan di Batu dan juga kolam takungan Jinjang, pihak di kawasan barat, memang ia mampu dan dapat mengatasi sebahagian daripada masalah banjir kilat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat faham iaitu sungai-sungai di Kuala Lumpur itu istimewa kerana berhulu di negeri Selangor dan berhilir pun di negeri Selangor, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan sistem tender ataupun tender tertutup, terbuka sekarang, itu tidak begitu berkesan? Kerana misalnya, di Batu, Jinjang dan Gombak *Retention Pond Project* Pakej II itu, saya nampak dan saya melalui di kawasan projek itu tiap-tiap hari. Dia ada kalanya tidak ada kerja kerana pihak ke Peremba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong cukuplah, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak bagi dia tahu kerana nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak sedar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah tahu, Yang Berhormat sudah beritahu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tidak sedar, pihak kontraktor saya diberitahu tidak bayar sub kontraktor macam mana hendak kerja? Jadi itu salah satu faktor, banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong cukuplah, Yang Berhormat Menteri habiskan jawapan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya tidak perlu beri apa jawapan lagi kerana apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kepong itu di luar tajuk. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan dengan demikian saya tutup perbincangan ini. Kita ada Usul Penangguhan.

USUL

PENAGGUHAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 16(3)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

MUTU PERKHIDMATAN KESIHATAN AWAM DAN PERUBATAN DI MALAYSIA

5.31 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa rendah hati dan terpanggil bagi membangkitkan soal mutu perkhidmatan kesihatan awam dan perubatan di Malaysia terutamanya terhadap golongan pesakit. Apatah lagi pesakit itu berpendapatan rendah atau miskin.

Soal ini penting dalam memastikan setiap pesakit mendapat perkhidmatan yang setimpal seperti mana yang sepatutnya diberikan oleh setiap hospital di negara ini.

Saya sebenarnya berterima kasih kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek dan Timbalannya, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad yang cukup responsif terhadap sebarang aduan malah keprihatinan kedua-dua menteri ini seharusnya perlu dicontohi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan warga Kementerian Kesihatan dan pengurusan hospital. Tetapi sejauh manakah warga-warga di bawah Kementerian Kesihatan dapat menjadikan contoh yang baik?

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini sektor penjagaan kesihatan awam dan perubatan di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran. Masalah kekurangan doktor dikatakan tidak mencukupi, masa menunggu lama, kos operasi yang semakin meningkat serta masalah kulat di bangunan hospital menjadi isu yang diberi tumpuan media massa. Hak untuk memperoleh barangan dan perkhidmatan asas adalah hak asasi manusia dan penjagaan kesihatan adalah tertakluk di bawah hak ini. Adakah hak penjagaan kesihatan pengguna di Malaysia dilindungi?

Persoalan yang ingin dibangkitkan di sini ialah adakah pesakit di hospital dan klinik kerajaan diberikan layanan sewajarnya? Adakah pesakit yang dimasukkan di dalam hospital kerajaan adalah pesakit kelas ketiga? Walaupun wad-wad yang disediakan mempunyai kelas pertama dan kedua tetapi yang lebih memburukkan keadaan ialah layanan kelas ketiga walaupun *facility* di hospital kelas pertama. Malah saya ingin bertanya adakah benar ada *prosiding* dengan izin yang diamalkan di hospital tertentu hanya untuk pesakit di kawasan daerah ini. Umpamanya Hospital Selayang, sebuah hospital paling canggih di Malaysia yang terletak di negeri Selangor, adakah hospital ini hanya menyediakan perkhidmatan mereka untuk penduduk setempat di situ atau rakyat Selangor sahaja, adakah ia sebegitu?

Tuan Yang di-Pertua, sefaham saya pada 21 Ogos 1995, satu memorandum persefahaman MOU telah ditandatangani antara Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pusat Perubatan Malaysia, Persatuan Pergigian Malaysia dan Persatuan Farmasi Malaysia untuk mendukung piagam pesakit yang lebih dikenali sebagai *The Patient Charters*. Kini 12 tahun sudah berlalu sejak piagam seperti itu diperkenalkan. Adakah piagam berkenaan membawa sebarang perubahan kepada pesakit? Ini kerana tujuan utama piagam pesakit ini ialah melindungi pesakit dengan memperbaiki perkhidmatan penjagaan yang mereka terima. Piagam ini bertujuan memperbaiki piawai klinikal, memastikan perkhidmatan perubatan lebih di fokus kepada pesakit dan kakitangan perkhidmatan kesihatan, sedar akan hak dan keperluan pesakit.

Pesakit juga harus sedar bahawa tanggungjawab yang seimbang harus dipraktikkan bersama-sama dengan hak yang tertera dalam piagam ini tetapi saya melihat piagam pesakit Malaysia ketiadaan mekanisme untuk menguatkuasakan hak dan tanggungjawab yang tertera dalam piagam berkenaan. Walaupun kandungan piagam ini agak komprehensif dan menyentuh semua isu penting yang berkaitan tetapi piagam ini tidak memberikan kesan yang diinginkan akibat ketiadaan mekanisme untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin sebutkan bahawa antara piagam hak dan tanggungjawab pesakit mempunyai beberapa kepentingan seperti pengguna perkhidmatan perubatan mempunyai hak. Hak memberikan kita perlindungan serta kehormatan. Jika kita mempunyai hak ke atas sesuatu kita boleh memintanya tanpa rasa takut atau segan dan penting bagi pesakit mempraktikkan hak ini:

- (i) jika pesakit kerap menggunakan hak mereka ia akan menjadi sesuatu kenyataan dan akan membantu pesakit lain untuk lebih berani menyuarakan hak mereka;
- (ii) penjagaan kesihatan sudah menjadi sektor yang mengutamakan keuntungan, institusi swasta sudah mengadakan sistem yang diterajui oleh kerajaan dan doktor keluarga. Tambahan pula kemajuan teknologi perubatan tidak mengimbangi, sebagai contoh juruteknik makmal, bahan kimia dan mesin sekarang memainkan peranan penting dalam perkhidmatan

- kesihatan dan sering kali pesakit tidak dapat memahami pemeriksaan dan perubatan yang agak teknikal;
- (iii) perkongsian antara pesakit dan pegawai perubatan profesional yang mana hak dan keperibadian pesakit dihormati adalah suatu model perkongsian yang bermanfaat dalam proses mengambil keputusan berkaitan dengan kesihatan pesakit. Perlindungan hak pengguna akan membantu memperbaiki mutu kehidupan pesakit dan kualiti perkhidmatan perubatan; dan
 - (iv) piagam pesakit bukan dokumen konfrontasi. Ia bertujuan mewujudkan satu hubungan bermakna antara perkhidmatan perubatan dengan pesakit. Hubungan ini adalah terlalu mulia dan tidak boleh dikuasai oleh mana-mana pihak. Bagaimanapun hubungan antara pesakit dan perkhidmatan perubatan buat masa ini adalah berat sebelah dan lebih mengutamakan pemberi perkhidmatan ini.

Di samping itu piagam pesakit bertujuan mempererat rasa hormat dan persefahaman dua hala antara pesakit dan pemberi perkhidmatan seperti doktor atau jururawat. Sesuatu hak turut serta dengan tanggungjawab. Kefahaman dan penerimaan hakikat ini akan menjadi pemangkin sistem penjagaan kesihatan yang lebih berkesan, mesra dan disenangi. Suatu piagam yang baik patut merangkumi hak serta tanggungjawab pemilik hak itu. Antara lain pesakit harus menggunakan hak mereka dengan rasa tanggungjawab dan berani.

Saya amat rasa serik kalau Ahli Parlimen sendiri telah terpaksa mengambil ubat dan tidak seperti dulu di klinik di Parlimen ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah menjadi satu penghinaan di mana di klinik kita di Parlimen ini hanya untuk pemeriksaan dan untuk mengambil ubat mereka terpaksa pergi ke hospital dan ini telah menyebabkan terpaksa beratur, buang masa dan terpaksa meninggalkan urusan Parlimen. Apakah ini satu penghinaan kepada Ahli Parlimen? Bukankah Perdana Menteri itu adalah Ahli Parlimen? Bukankah Timbalan Perdana Menteri itu Ahli Parlimen? Bukankah Menteri Kesihatan itu juga Ahli Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang sangat nanti menteri tidak boleh jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Malah menteri juga Ahli Parlimen dan barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga adalah Ahli Parlimen. Jadi inilah hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal pengurusan pentadbiran hospital yang kerap kali menimbulkan kerenah birokrasi yang tinggi. Kita mengetahui perkhidmatan kesihatan dan perubatan diterajui pakar kesihatan awam iaitu doktor yang mendapat latihan pasca siswazah dalam bidang kesihatan awam tetapi kini telah dibanjiri dengan pegawai pentadbir.

Akibatnya ia memberi kesan kepada sistem penyampaian di mana institusi perkhidmatan kesihatan dan perubatan negara adalah kepada orang ramai. Akibat kecelaruan proses pentadbiran dan pengurusan hospital. Sebagai contohnya seorang pegawai tadbir tidak akan dapat menjalankan fungsi pengurusan ini kerana mereka tidak akan dapat memahami proses kerja itu dengan terminologi perubatan yang digunakan pegawai perubatan dan pakar perubatan terbabit cukup untuk membingungkan mereka.

Seharusnya pakar perubatan awam terdiri daripada doktor perubatan yang mendapat latihan asas perubatan sekurang-kurangnya lima tahun di samping berkhidmat sebagai doktor siswazah dan pegawai perubatan selama sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum layak mengikuti kursus pasca siswazah. Latihan dan pendedahan lama dan intensif ini memudahkan mereka memahami fungsi setiap unit dalam institusi perkhidmatan kesihatan.

Pendedahan secara langsung ini adalah kelebihan jelas tidak ada pada seorang pegawai tadbir biasa di negara ini. Ini kerana perkhidmatan perubatan dan

kesihatan awam sekarang memerlukan pendekatan berdasarkan bukti - *evidence base* dengan izin dan keperluan penyelidikan dengan reka bentuk dan analisis yang lebih kompleks bagi pelaksanaan perkhidmatan kesihatan termasuk penyelidikan dan pembangunan dalam bidang asas sains perubatan serta sains kesihatan. Oleh itu saya cadangkan supaya pegawai tadbir mengikuti dahulu program khas atau tertentu seperti diploma lanjutan atau Diploma Eksekutif Perubatan atau Sains Kesihatan, Sarjana Muda Sains (Bsc), Sarjana Sains (Mss) atau Kedoktoran (PhD) dalam bidang sains kesihatan atau terus masuk program latihan doktor perubatan MBBS atau MB.

Sekurang-kurangnya terminologi perubatan akan mudah difahami oleh pegawai pentadbir yang bertugas di hospital. Malah juga mencadangkan mana-mana hospital yang kekurangan doktor seharusnya kementerian perlu mengambil langkah proaktif termasuk mengambil lebih ramai doktor di luar negara atau mengiktirafkan lebih banyak universiti-universiti di luar negara bagi membolehkan banyak pilihan buat pelajar kita di sini.

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya sekiranya setiap hospital mempunyai kaunselor, perundingan pesakit dalam memberi semangat dan motivasi kepada pesakit ketika menerima sepanjang rawatan dan perubatan bukan bagi tahu mereka tidak lagi masa untuk esok. Kewujudan kaunselor ini sekurang-kurangnya membantu kepada pesakit untuk meneruskan perjuangan kehidupan semasa di hospital. Fakta hubungan manusia penting dalam melahirkan zahir ketika seseorang berada dalam keadaan lemah.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali saya ingin menyentuh soal *human capital* atau modal insan di dalam bidang perkhidmatan kesihatan awam dan perubatan yang terdiri daripada kalangan jururawat, pembantu perubatan dan inspektor kesihatan.

Golongan ini juga perlu pengukuhan pada beberapa aspek pemantapan perkhidmatan dana kebajikan kepada tenaga kerja kesihatan yang sedia ada. Maksudnya pengiktirafan dan pengukuhan ini tidak hanya terhad pada doktor sahaja. Golongan sokongan perlu dilatih lanjut termasuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah, sarjana dan malah kedoktoran ataupun Ph.D. Keperluan ilmu, keterampilan dan latihan perlu dikaji secara terperinci termasuk daripada aspek pembabitan pembaikan peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti setiap profesional ini termasuk imbuhan dan peluang peningkatan kerjaya baik untuk mereka, maka baik jugalah untuk rakyat jelata yang menggunakan perkhidmatan kesihatan awam dan perubatan di negara ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya menjemput kementerian jawab.

5.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan penekanan yang serius dan komited kepada isu kualiti penjagaan perubatan dan kesihatan yang diberikan baik oleh sektor awam mahupun sektor swasta. Memandangkan pencapaian status kualiti yang tinggi dapat memberikan kelebihan strategik atau strategik *advantage* kepada mana-mana organisasi penjagaan kesihatan. Di sektor awam, isu kualiti telah ditangani dengan cara sistematik dengan pelancaran program kualiti *assurance* sejak tahun 1985. Sejak itu terdapat pelbagai aktiviti peningkatan kualiti yang dijalankan oleh anggota kesihatan daripada pelbagai peringkat yang merangkumi aspek teknikal kualiti serta interpersonal kualiti atau *caring*. Sehingga masa ini terdapat lebih daripada 22 aktiviti peningkatan kualiti yang dikendalikan oleh pelbagai kategori anggota Kementerian Kesihatan yang memberikan penekanan kepada elemen-elemen kualiti berikut:

- (i) elemen struktur seperti kualiti bangunan serta kelengkapan perubatan yang berkualiti dan profesional, perubatan yang bertauliah;
- (ii) elemen proses yang meliputi *indicators of process, care pathways* serta *standard operating procedures* yang baik.

Semua ini adalah untuk mencapai kesudahan atau *outcome* yang baik untuk pesakit serta mencapai kepuasan pesakit dan pelanggan. Di antara aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti tersebut adalah seperti berikut:

- (i) program akreditasi hospital dan ISO;
- (ii) *key performance indicators*; dan
- (iii) *client complaints management* dan lain-lain.

Semua aktiviti peningkatan kualiti ini bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat di negara ini. Dengan pemantauan berterusan, aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti tersebut, pihak kementerian dapat mengenal pasti kekuatan serta kelemahan-kelemahan yang mungkin ada di dalam penyampaian perkhidmatan serta melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Kementerian Kesihatan juga menekankan kepada aspek kemanusiaan dengan mengadakan soal selidik - *patients satisfaction survey* untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan serta memperbaiki kekurangan yang mungkin ada demi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

Dengan adanya pelbagai aktiviti peningkatan kualiti di kementerian Kesihatan, budaya kualiti dari aspek teknikal serta kemanusiaan atau *caring* ini akan dapat dipupuk di kalangan semua anggota kementerian supaya tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah tinggi dan boleh dibanggakan. Adalah amat membanggakan kerana Malaysia merupakan antara beberapa negara di dunia yang mempunyai program kepastian kualiti di peringkat nasional jika dibandingkan dengan banyak negara-negara maju yang hanya mempunyai program kepastian kualiti di peringkat negeri, daerah atau hospital sahaja.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil pendekatan yang tepat untuk mengendalikan program peningkatan kualiti yang *none punitive* serta *confidential* untuk memupuk satu budaya pengukuran atau *culture of measurement* dengan menggunakan kaedah *national indicator approach*, *hospital specific approach* dan *key performance indicators*. Salah satu daripada petunjuk kualiti dalam perkhidmatan di Kementerian Kesihatan adalah pengukuran masa menunggu atau *waiting time* di klinik pesakit luar dan klinik pakar yang mensasarkan masa menunggu yang tidak melebihi 90 minit. Ini telah mendorong semua hospital kerajaan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan masa menunggu yang lama serta melakukan penambahbaikan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah memberikan temu janji secara berperingkat atau *stage appointment* di mana ini telah dapat membantu mengurangkan masa menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dengan dakwaan yang mengatakan bahawa prosiding yang diamalkan di hospital tertentu hanya untuk pesakit di kawasan daerahnya. Pada masa ini Kementerian Kesihatan mempunyai 128 buah hospital dan enam buah institusi. Hospital-hospital ini dikategorikan kepada hospital berpakar dan hospital tanpa pakar. Sebanyak 60 buah hospital di bawah Kementerian Kesihatan menawarkan perkhidmatan kepakaran yang merangkumi pelbagai kategori kepakaran dan sub-kepakaran. Manakala sebanyak 74 buah hospital lagi menyediakan perkhidmatan *secondary* tanpa pakar di perkhidmatan dikaitkan dengan satu sistem rujukan pesakit.

Selain daripada perkhidmatan sekunder dan *tertiary* tersebut, perkhidmatan kepakaran yang tinggi atau *highly specialist services* juga dibangunkan mengikut kawasan. Pusat kecemerlangan atau *centre of excellence* juga telah dikenal pasti untuk disiplin-disiplin tertentu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat keseluruhannya. Misalnya Hospital Selayang menyediakan perkhidmatan sekunder untuk penduduk tempatan dan juga merupakan pusat rujukan perkhidmatan *tertiary* untuk beberapa perkhidmatan tertentu seperti *herpetology* dan *hand and micro surgery* untuk seluruh negara.

Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan bahawa sistem perkhidmatan kesihatan di negara ini mencapai tahap yang sepatutnya supaya masalah-masalah yang berkaitan dengan penyampaian khidmat kesihatan akan dapat diatasi dan diselesaikan dengan baik. Antara masalah yang timbul adalah yang berkaitan dengan aduan pelanggan mengenai mutu perkhidmatan yang diberikan. Masa menunggu yang lama dan juga kekurangan anggota kerja kesihatan.

Dalam mengatasi masalah ini, kementerian secara aktif melaksanakan beberapa langkah termasuk mewujudkan lebih banyak jawatan untuk mengurangkan lagi kerenah birokrasi yang dihadapi. Selain itu lebih banyak peluang kenaikan pangkat

diwujudkan untuk memastikan para anggota perkhidmatan kesihatan mempunyai peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik.

Mutu perkhidmatan juga ditingkatkan dengan memberikan lebih banyak latihan kepada para anggota supaya mereka lebih berdaya saing dan mampu menjalankan tugas dengan lebih baik. Sekian, terima kasih.

MASALAH SETINGGAN DI SABAH

17.51 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan saya ini mengikut jadual akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Kerajaan perlu menyelesaikan masalah setinggan di seluruh negara terutama sekali di negeri Sabah. Khususnya bagi negeri Sabah terdapat dua jenis setinggan iaitu setinggan bukan warganegara dan setinggan warganegara Malaysia.

Bagi kawasan setinggan yang diduduki oleh pendatang asing, tentu sekali agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Polis dan Majlis Keselamatan Negara mempunyai tanggungjawab dan peranan yang khusus. Pendek kata kerajaan perlu mengambil penyelesaian jangka panjang dan juga jangka pendek untuk menangani masalah setinggan sehingga negeri Sabah mencapai setinggan sifar.

Hal Ehwal Kerajaan Tempatan adalah senarai negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tetapi dalam hal pemberian peruntukan kewangan macam mana pula? Kalau kerajaan negeri memerlukan peruntukan kewangan, bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil kira pelbagai permasalahan setinggan yang begitu mendesak di negeri Sabah.

Apakah peruntukan yang mencukupi untuk mencapai setinggan sifar sudah diberikan dan apakah pula peranan kerajaan, pihak keselamatan seperti polis dan imigresen untuk menangani kewujudan setinggan di mana penghuninya bukan warganegara. Sabah sudah sekian lama dilanda masalah kewujudan setinggan yang amat teruk sehinggakan menyebabkan pelbagai masalah sosial seperti pembiakan penyakit berjangkit, mencuri bekalan air, mencuri bekalan elektrik, pusat pengedaran dadah, pusat pemalsuan dokumen-dokumen kewarganegaraan dan sebagainya.

Di antara masalah yang paling teruk ialah jangkitan penyakit kolera. Lebih kurang 40% daripada insiden kolera di negara ini dikatakan datang daripada Sabah dan sebahagian besar daripadanya datang daripada penempatan setinggan yang tidak mempunyai kemudahan tandas dan bekalan air yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian yang dibuat oleh Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2004, terdapat 144 setinggan di Sabah termasuk 1 di Labuan. Manakala jumlah penduduk setinggan pula ialah lebih kurang 150,000 orang dan lebih kurang 31,000 isi rumah. Pihak kerajaan perlu mengenal pasti secara muktamad penduduk setinggan yang warganegara ke arah menyelesaikan masalah setinggan di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput kementerian untuk menjawab.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azidah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan bagi mengatasi permasalahan setinggan di seluruh negara, termasuklah setinggan di negeri Sabah melalui program-program yang telah dirancang.

Salah satu usaha kerajaan bagi mengatasi masalah setinggan ialah melalui pembinaan rumah-rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa. Kerajaan Persekutuan telah memberi penumpuan khusus kepada Negeri Sabah di mana dalam Rancangan Malaysia Kelapan sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion telah diluluskan untuk membina

sebanyak 20,000 unit PPR disewa yang merupakan pengagihan PPR yang kedua terbesar selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Usaha ini diharap dapat membantu kerajaan negeri Sabah untuk mengurangkan masalah setinggan warganegara di negeri Sabah. Di samping itu juga Syarikat Perumahan Negara (SPNB) turut membantu dengan memperuntukkan sebanyak 30,000 unit di bawah skim rumah mampu milik. SPNB juga turut menyediakan kemudahan pinjaman di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah.

Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan sebanyak RM10 juta di bawah Skim Pinjaman Perumahan (SPP) untuk golongan berpendapatan rendah membina rumah di atas tanah mereka sendiri. Selain dari itu, terdapat juga projek-projek yang dibangunkan oleh pihak swasta khusus bagi golongan yang berpendapatan rendah dan membantu golongan setinggan untuk memiliki rumah sendiri.

Diharapkan dengan usaha daripada Kerajaan Persekutuan melalui PPR disewa, Jabatan Perumahan Negara, rumah mampu milik SPNB, rumah mesra rakyat SPNB dan skim pinjaman perumahan serta pihak swasta sendiri dapat membantu kerajaan negeri untuk mengatasi masalah setinggan di negeri Sabah.

Tugas dan tanggungjawab bagi membuat pemantauan dan pengawalan penempatan setinggan di setiap negeri adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing sama ada melalui pihak berkuasa negeri (PBN) atau pihak berkuasa tempatan (PBT). Walau bagaimanapun adalah di luar tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan perumahan bagi setinggan kategori warganegara asing, pendatang asing tanpa izin (PATI) atau setinggan yang menduduki tanah milik.

Dalam membuat pemantauan dan pengawalan berhubung dengan masalah kewujudan penempatan setinggan serta gejala sosial yang dilakukan, pihak kerajaan negeri boleh mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi lain seperti pihak-pihak berkuasa atau pihak yang bertanggungjawab di peringkat negeri bagi mengatasi masalah berkenaan.

Kerajaan membangunkan kemudahan perumahan seperti yang telah dinyatakan bagi membantu kerajaan negeri membuat penempatan semula setinggan ke tempat yang lebih selesa dan mempunyai semua kemudahan yang diperlukan bagi mengelak berlakunya wabak penyakit dan gejala sosial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang dibuat oleh Universiti Sains Malaysia (USM) adalah pada tahun 1999 dan bukan pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan bantuan Kerajaan Negeri Sabah ada membuat pemantauan kedudukan dan maklumat setinggan dari semasa ke semasa.

Sehingga Mac 2007, jumlah setinggan yang terdapat di Negeri Sabah adalah sebanyak 157,685 orang yang melibatkan 25,252 ketua isi rumah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat urusan kita hari ini selesai. Oleh yang demikian Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.57 petang.